

[Dokumen ini belum disemak]

**PARLIMEN KESEBELAS
PENGAL KEDUA
MESYUARAT PERTAMA**

Bil. 3

Khamis

24 Mac 2005

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN (Halaman 1)

USUL:

Menjunjung Kasih Titah Ucapan Seri Paduka
Baginda Yang Di-Pertuan Agong

(Halaman 27)

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Khamis, 24 Mac 2005

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]** minta Perdana menteri menyatakan sama ada kerajaan akan menyokong penubuhan Suruhanjaya Antara Agama Kebangsaan sebagai badan berkanun demi menjayakan usaha memupuk semangat saling hormat-menghormati antara agama yang berbagai-bagai tanpa menjejaskan kedudukan Islam sebagai agama Persekutuan di Malaysia.

Perdana Menteri [Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi]: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memohon izin untuk menjawab pertanyaan ini serentak dengan pertanyaan dari Yang Berhormat bagi Seputeh pada hari ini dan Yang Berhormat bagi Tanjong pada 31 Mac 2005 kerana menyentuh isu yang sama.

Tuan Yang di-Pertua, isu mengenai perkara ini telah menjadi satu isu yang menarik perhatian seluruh rakyat Malaysia yang terdiri daripada rakyat yang menganuti agama yang berlainan. Daripada apa yang saya kaji mengenai berita yang telah disiarkan dalam akhbar tiap-tiap hari semenjak ia menjadi isu, saya dapati ini adalah satu perkara yang cukup sensitif. Sebenarnya kalau kita ambil kira tentang perkara yang sensitif yang perlu kita tangani dan memahami, isu agama adalah yang paling sensitif sekali, maka dengan itu jika sekiranya suruhanjaya yang dicadangkan hendak diteruskan - dipaksakan mungkin akan menimbulkan lagi keributan, bukanlah akan menimbulkan ketenangan dan kefahaman.

Oleh sebab itulah saya telah mengambil kira ada golongan yang menyokong dan tidak menyokong. Pendirian yang telah saya ambil pada waktu itu dan disokong oleh Jemaah Menteri apabila saya laporkan kepada Jemaah Menteri ialah kita tangguhkan.

Di samping itu juga, mengenai hubungan kaum memang kita menggalakkan hubungan yang baik, hubungan saling hormat-menghormati dan antara apa yang kita lakukan ialah apabila kita mengadakan acara besar-besaran dalam negara kita pada hari keramaian, kita ada 'open house'. Hari Rumah Terbuka ini diadakan sendiri oleh kerajaan yang menjadi tuan rumahnya dan nyata sekali kemesraan itu tetap ada.

Di samping itu juga, bagi IKIM apabila diadakan pertemuan-pertemuan di antara yang beragama Islam dan bukan beragama Islam memberi peluang untuk berbincang sesama mereka dan juga mendapat penerangan-penerangan serta meningkatkan kefahaman tentang Islam yang menjadi negara persekutuan tanpa sekali mengambil apa-apa tindakan yang menafikan hak kaum-kuam lain yang menganuti agama yang bukan agama Islam.

Saya sendiri pun biasa ada pertemuan-pertemuan pada peringkat saya dan pertemuan-pertemuan itu adalah pertemuan yang berupa baik kerana suasana perbincangan itu baik. Dengan itu saya fikir adalah lebih baik kita teruskan dengan apa yang ada pada waktu ini dan kita tidak menetapkan bilakah penangguhan itu kita hendak tamatkan dan kita hendak teruskan dengan cadangan yang asal.

Nyata sekali tindakan yang telah saya ambil itu mendapat sambutan yang baik daripada mesej-mesej dan surat-surat yang dihantar, bukan hanya daripada orang Islam sahaja tetapi juga yang bukan beragama Islam sebagai satu tindakan yang boleh diterima dan difikir meredakan keadaan yang mula nampak macam hendak hangat itu. Terima kasih.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Soalan tambahan. Terima kasih Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Di sini saya ada salinan satu draf rang undang-undang mengenai Inter-Faith Commission yang mengikut penganjur-penganjur mesyuarat ia sudah dihantar kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Adakah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bersetuju bahawa dalam kajian cadangan-cadangan ini bahawa sebenarnya IRC ini bukan sebuah badan yang ada kuasa undang-undang untuk mencampuri hal sebarang agama tetapi bertindak sebagai satu badan *consultative* dan penasihat supaya boleh memupuk harmoni antara agama? Adakah Yang Amat Berhormat rela berjumpa dengan penganjur-penganjur - mereka ada meminta supaya satu mesyuarat untuk menjelaskan draf ini.

Oleh kerana baru-baru ini ada seorang menteri yang mengatakan bahawa perkara ini merupakan satu *milestone event* iaitu Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan, walhal ada seorang menteri lain yang mengatakan bahawa ia bercanggah dengan Perlembagaan – Menteri di Jabatan Perdana Menteri. Bukankah ini nampaknya satu *setback* untuk usaha memupuk perpaduan agama yang harmoni kerana sebelum ini khasnya dalam tahun 80-an dan 70-an usaha semacam ini akan dianggap sebagai mengikut *social contract*? Kenapa sekarang ada ‘*see change*’ dalam perspektif sesetengah orang yang melihat ini sebagai sensitif? Dahulu tidak sensitif tetapi sekarang sensitif. Kenapa ada berlaku iklim-iklim semacam ini, bukankah ini tidak sihat?

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, bukan *setback* tetapi kalau kita adakan mungkin jadi *setback*. Sebagaimana yang saya katakan tadi kita ada pelbagai isu yang sensitif, mungkin agama menjadi isu yang terakhir sekali untuk kita menghilangkan sensitiviti itu kerana perasaan berkaitan dengan agama ini adalah perasaan yang cukup tebal sebenarnya. Betul, kita hendakkan hubungan yang baik antara rakyat Malaysia walaupun agama mereka berlainan, walaupun latar belakang berlainan dan macam-macam lagi perkara yang sensitif.

Kita berjaya sehingga sekarang ini sebab kita sentiasa memberi perhatian yang cukup berat tentang hal-hal yang berkaitan dengan agama. Tetapi kalau dikatakan perbincangan pada peringkat Jemaah Menteri, itu adalah satu perbincangan yang kalau kita adakan adalah terbuka dalam erti kata sebenarnya tidak ada perkara-perkara yang terlalu sensitif sehingga kami, pemimpin-pemimpin dalam kerajaan yang agamanya berlainan dan etniknya berlainan bergaduh - tidak begitu. *It is a very control situation* dan kadang-kadang keras juga perbincangan *but the fact we can discuss*.

Ini adalah satu perkara yang amat berlainan jika dibandingkan pada peringkat awal dahulu dan kalaulah perkara ini dibawa pada peringkat awal dahulu mungkin akan jadi ribut lagi, sekurang-kurangnya boleh dibawa dan sudah ada pun perbincangan dalam surat khabar mengenai perkara ini. Kita perlu mengambil kira bahawa *the level of sensitiviti* bagi rakyat kita ini tidak sama, *we are not at the same level*. Kalau kita pada level yang sama tidak ada masalah, ada orang yang terlalu sensitif tentang itu dan tentang ini. Level sensitiviti tentang agama ini tidak berada pada paras yang sama.

Soal yang dijelaskan oleh pihak Majlis Peguam itu saya baca. Saya tidak baca hanya pada satu pihak dan satu pihak lagi saya tidak peduli. Walaupun mereka terangkan dan penerangan-penerangan yang diberi itu bukanlah sesuatu yang tidak didengar oleh pihak yang lain, pihak yang lain pun dengar juga tetapi keadaannya sudah begitu. Saya fikir kalau saya tangguhkan ia bukan lagi satu *setback*, ia sebenarnya masih kita hargai bahawa ada perkara-perkara yang masih juga sensitif pada waktu ini yang perlu kita tangani, kalau tidak boleh dengan cara yang dicadangkan itu kita cadangkan ditangani dengan cara yang lain.

Saya tidak ada masalah untuk berbincang dengan sesiapa pun dan saya telah pun bercakap dengan pegawai saya yang mengatakan bahawa pihak penganjur hendak berjumpa dengan saya, *that is not a problem, It's only matter of time when I can see them*, dengan izin. Kita tetapkan satu masa dan saya boleh bincang. Saya tidak pernah ada masalah hendak berbincang.

Dahulu saya berjumpa dengan golongan Kristian apabila timbul hal yang berkaitan dengan iaitu satu isu yang cukup-cukup sensitif pada masa itu tetapi kita bergerak pantas dan semua wakil daripada gereja-gereja yang berlainan - *of all Christian domination*, dengan izin, datang berjumpa saya dalam suasana yang tertutup seperti itu tidak ada sesiapa pun yang hendak membuat laporan dan sebagainya kita dapat bincang dan kita atasi dengan segera tidak ada masalah. Ertinya usaha-usaha untuk memahami, meningkatkan persefahaman dan mengurangkan sensitiviti tentang agama ini sedang berjalan pada waktunya, bukan tidak berjalan.

Itulah pendirian kita dan saya berharap kita akan sama-sama memahami. Di samping itu juga kerja-kerja kita yang lain akan diteruskan. Saya yakin ini bukan satu *setback*. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Rantau Panjang.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Dari jawapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sebentar tadi menyebut tentang tidak ada masalah antara agama dan kaum di Malaysia ini dan saya bersetuju dengan apa yang disebutkan tadi, tetapi adakah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sedar bahawasanya apa yang berlaku di akhir-akhir ini bukan antara agama dengan agama tetapi antara sesama agama Islam.

Saya pernah menyebut di Parlimen ini, ramai di antara pemimpin-pemimpin yang beragama Islam daripada kalangan UMNO mengeluarkan kata-kata yang menghiris perasaan umat Islam sendiri, malah sampai ke peringkat ada kata-kata yang biadab terhadap Islam yang diguna pakai *[Disampuk]*, termasuk bekas Perdana Menteri dahulu. Di dalam *Hansard* saya ada. Ini baru. Dia baru, orang baru, orang lama tahu. Dalam *Hansard* saya sebut satu persatu dengan namanya, dengan petikan ucapannya yang menyebabkan terhiris perasaan umat Islam. Tetapi selama ini saya tidak pernah berjumpa lagi ucapan-ucapan daripada pemimpin-pemimpin agama lain yang menghiriskan perasaan umat Islam tetapi umat Islam sendiri mengeluarkan kata-kata yang menyebabkan kita terasa hati. Apakah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sekarang sedar perkara ini telah berlaku? *[Disampuk]*

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, ini sebenarnya soalan lain. Tetapi saya hendak tegaskan ahli-ahli UMNO, orang-orang Melayu beragama Islam tak pernah biadab terhadap agama Islam.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Amat Berhormat Dato' Seri. Memang walaupun Yang Amat Berhormat telah mengilhamkan Islam Hadhari, pihak Pembangkang terutama sekali PAS tidak faham. Jadi, kita kena ada satu kursus untuk Ahli-ahli Parlimen Pembangkang untuk memahami apakah itu Islam Hadhari itu sebenarnya barulah dia faham. Terima kasih.

Yang Amat Berhormat, dalam Perlembagaan negara kita telah termaktub bahawa agama Islam itu adalah agama rasmi dan agama-agama lain boleh mengamalkan ajaran mereka, dan agama Islam adalah agama yang tertinggi di atas muka bumi Allah ini. Jadi, mungkin suruhanjaya agama yang diura-urakan hendak ditubuhkan oleh pihak-pihak tertentu ini harus juga kita memberi fahaman yang sebenarnya kepada mereka supaya mereka ini dapat memperjelaskan kepada agama-agama mereka tentang kebaikan dan juga kejayaan agama Islam untuk kita hidup berbaik-baik di antara satu sama lain di atas muka bumi Allah ini. Di samping itu juga, Yang Amat Berhormat, adakah Yang Amat Berhormat bersetuju dengan saya bahawa Islam Hadhari ini harus kita perjelaskan bukan sahaja kepada umat-umat Islam tetapi juga *[bercakap bahasa Cina]*, dengan izin. Jadi, adakah Yang Amat Berhormat, kita

boleh memperjelaskan kepada seluruh rakyat di dalam negara kita ini dan kemudian ke seluruh peringkat antarabangsa tentang Islam Hadhari yang sedang kita bawa ini supaya mereka memahami bahawa hidup umat Islam ini adalah hidup yang sederhana, baik-baik dan ingin maju di dunia yang serba moden ini. Terima kasih Yang Amat Berhormat.

Perdana Menteri: Itu pun sebenarnya soalan yang lain, tetapi saya sendiri telah pun memperjelaskan apa itu Islam Hadhari, bukan hanya dalam negeri tetapi di luar negeri termasuk juga negara-negara yang bukan negara OIC.

2. **Dato' Dr. Tan Kee Kwong [Segambut]** minta Menteri Kerja Raya menyatakan bilakah projek menaik taraf Jalan Segambut, Kuala Lumpur dapat dilakukan bagi mengatasi kesesakan jalan raya yang amat serius.

Menteri Kerja Raya [Dato' Seri S. Samy Vellu]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini Kementerian Kerja Raya sedang melaksanakan projek pembinaan persimpangan bertingkat di Jalan Duta, Kuala Lumpur yang mana skopnya adalah merangkumi menaik taraf Bulatan Segambut dan juga sebahagian Jalan Segambut yang berakhir di persimpangan Jalan Ipoh. Projek ini telah bermula pada penghujung tahun 2002 dan dijangka siap sepenuhnya pada Februari 2006.

Mengenai kerja-kerja menaik taraf Jalan Segambut, keseluruhannya ingin dimaklumkan bahawa perkara ini adalah di bawah pengendalian dan perancangan pembangunan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.

Dato' Dr. Tan Kee Kwong: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih atas jawapan Yang Berhormat Menteri. Tetapi kadang-kadang masalah ini kita sudah bincang, sudah lebih lapan tahun. Bila kita bincang dengan pihak DBKL, dia kata skop kerja lebih kurang ambil peruntukan RM150 juta dan ini satu peruntukan luar biasa. Saya haraplah dan saya menyeru Yang Berhormat Menteri boleh ambil kira tentang peruntukan untuk dirancang naik taraf ini di Rancangan Malaysia Kesembilan, sebab saya sendiri dapat banyak aduan melalui e-mail dan telefon sebab orang guna Jalan Segambut bukan sahaja balik ke Taman Sri Sinar dan sebagainya, tetapi guna memandu kereta ke Sungai Buloh, Rahman Putra, LDP, Kuala Selangor dan sebagainya. Terima kasih.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, saya sendiri mengikuti dengan jalan ini tiap-tiap pagi. Saya sendiri sedar apakah masalah dihadapi oleh pengguna-pengguna kenderaan. Tetapi skop perbelanjaan yang akan berlaku iaitu RM140,291,252.60 sen. Itu telah dilulus oleh Jabatan Perdana Menteri atau EPU kepada kita. Jadi, saya suka memberi sedikit keterangan kepada Ahli Yang Berhormat, iaitu apabila selesai projek ini yang melibatkan pembinaan lima buah persimpangan bertingkat di sepanjang Jalan Duta, Jalan Kuching dan juga jalan-jalan hubungan yang lain.

Saya percaya dengan siapnya kerja ini masalah yang dihadapi oleh pengguna-pengguna Jalan Segambut boleh diselesaikan sekurang-kurangnya 85%. Kita telah mengambil kira walaupun Jalan Segambut bukanlah di bawah naungan kita, tetapi kita telah mengambil perhatian masalah lalu lintas di Jalan Segambut itu. Saya harap Yang Berhormat boleh juga melihat dalam tahun 2006 bulan Februari masalah ini boleh dapat diselesaikan. Walaupun masalah ini boleh dapat diselesaikan, ada juga apabila siap persimpangan bertingkat, kita melebarkan jalan dan tambahan pula kenderaan yang banyak, masalah baru lagi akan datang.

Jadi, kita kena rancang dan juga kita kena buat kerjasama dengan Dewan Bandaraya. Setakat ini kita sudah mengadakan perbincangan dengan Dewan Bandaraya untuk mengatasi masalah ini.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan syabas kepada Yang Berhormat yang datang dan kemudian akan jawapan soalan saya juga. Saya berharap semua menteri mengikut seperti Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tadi. *[Ketawa]* Banyak soalan, kita diam dahulu, nak salah pun nak diam dahulu. *[Ketawa]* Bagilah peluang Menteri untuk dengar.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, saya pun menggunakan jalan itu hampir tiap-tiap hari juga, jalan dua hala LDP dengan Jalan Duta dan Segambut. Adakah cadangan Yang Berhormat untuk mengadakan tol di kawasan itu dengan lima buah persimpangan bertingkat dan mengambil masa yang begitu panjang menelan belanja RM140 juta, adakah ini akan dibelanjakan oleh pihak kerajaan sahaja ataupun akan diadakan tol dan kemudian saya nampak terlalu banyak bangunan di kawasan itu.

Adakah cadangan untuk mewujudkan kawasan-kawasan hijau di sekitarnya? Selain daripada kesesakan, saya percaya kesesakan akan terus berlaku selepas siapnya projek ini.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, projek ini ditanggung oleh kerajaan sendiri dan oleh kerana itu kita membelanjakan lebih dari RM154 juta, tiada kena tollah, tak payah susahlah. Walau bagaimanapun, seperti apa Yang Berhormat minta tadi menggariskan kawasan-kawasan hijau di depan jalan dan lain-lain, kita akan menjalankan kerja-kerja *landscaping* dalam kawasan *road reserve (RW)* - kita buat. Tetapi luar daripada simpanan jalan kita tidak ada kuasalah. Itu diletak dalam tangan Dewan Bandaraya.

3. **Puan Rosnah bte Abd. Rashid Shirlin [Papar]** minta Menteri Luar Negeri menyatakan:

- (a) adakah negara ini menerima bantuan dari Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (United Nations) atau badan-badan dunia yang lain sejak negara dilanda bencana Tsunami. Sekiranya ada apakah bentuk bantuan yang telah diterima daripada badan-badan dunia tersebut; dan
- (b) jumlah keseluruhan derma Tsunami yang dikumpulkan oleh pelbagai pihak di negara ini. Adakah kesemua derma tersebut telah diserahkan kepada kerajaan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri [Dato' Zainal Abidin bin Osman]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Papar kerana mengemukakan soalan ini. Bagi jawapan bahagian;

- (a) saya ingin memaklumkan Dewan yang mulia ini bahawa Malaysia tidak menerima apa-apa bantuan daripada Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (United Nations) atau badan-badan Dunia lain sejak negara ini dilanda bencana tsunami. Kerajaan Malaysia mampu menangani kesan bencana tersebut menerusi sumber dalam negeri, dengan itu telah mengambil pendirian untuk tidak memohon bantuan daripada mana-mana pihak atau badan-badan Dunia di peringkat antarabangsa. Walau bagaimanapun, negara kita telah menerima pelbagai bentuk sumbangan daripada lapan

negara-negara sahabat dalam bentuk wang tunai, barang keperluan seharian dan ubat-ubatan. Negara-negara tersebut adalah Republik Korea, China, Brunei, Taiwan, Maghribi, Tunisia, Turkey dan Singapura. Jumlah keseluruhan bantuan yang telah diterima adalah bernilai RM6.8 juta dan sumbangan terbanyak adalah dari negara Singapura berjumlah

- (a) menurut maklumat yang diperolehi daripada Kementerian Luar Negeri, daripada Bahagian Keselamatan Negara, Jabatan Perdana Menteri, jumlah keseluruhan derma yang telah dikumpulkan oleh pelbagai pihak di negara ini untuk membantu mangsa-mangsa Tsunami dalam dan di luar negara adalah berjumlah RM97,471,313.10 sen atau digenapkan RM97.47 juta. Walau bagaimanapun, cuma sebanyak RM60,496,652.78 sen atau digenapkan RM60.49 juta telah diserahkan kepada Tabung Bantuan Bencana Negara yang diselenggarakan oleh Bahagian Keselamatan Negara, Jabatan Perdana Menteri. Dengan kata lain sejumlah 36.97 juta masih belum diserahkan kepada pihak kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, bagi Tabung Bencana Tsunami Asia yang dikelolakan oleh Kementerian Luar Negeri kita telah berjaya mengumpulkan derma sebanyak RM24,766,145.84 atau digenapkan RM24.76 juta. Setakat ini tabung kita masih berbaki sebanyak RM20,236,145.84 sen ataupun baki RM20.23 juta setelah ditolak agihan yang dibuat kepada Republik Indonesia – RM3 juta, Sri Lanka – RM1 juta dan Maldives – RM530,000. Kerajaan sekarang ini sedang mengenal pasti projek-projek kemanusiaan termasuk pembinaan pusat anak-anak yatim di Aceh, Sri Lanka dan Maldives dan bantuan-bantuan ini akan disalurkan setelah projek-projek tersebut dikenal pasti dan dimuktamadkan. Sekian, terima kasih.

Tuan Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Baru-baru ini pada 6, 7 dan 8 Mac 2005 terdapat satu sidang kemuncak yang membincangkan apakah program-program yang berkaitan dengan *rehabilitation and reconstruction post tsunami* kepada

negara-negara yang terkena bencana ini. Pada sidang itu yang dirasmikan oleh Presiden Susilo Bambang Yudoyono (SBY) yang diadakan di Medan, Indonesia yang dipanggil Lake Toba Summit 2005.

Malaysia adalah sebagai salah satu negara peserta yang dipanggil bersama-sama untuk berkongsi pengalaman mengenai mangsa Tsunami ini.

Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, daripada jawapan Yang Berhormat sebentar tadi ada menyebut yang kita tidak menerima sebarang bantuan daripada Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu dan *Lake Toba Summit* ini di bawah anjuran *Network Regional Government for Sustainable Development (NRGS for SD)* ini adalah anjuran Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.

Adakah di atas sebab tidak menerima bantuan tadi, maka wakil Malaysia yang sepatutnya hadir ke *Summit* ini apabila dipanggil untuk berkongsi pengalaman tidak bangun dan tidak dapat mempersembahkan pengalaman mengenai bencana Tsunami ini di negara kita. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Zainal Abidin bin Osman: Terima kasih. Yang Berhormat bagi Tangga Batu yang mengemukakan soalan tambahan. Negara kita merasakan kita adalah kukuh dari segi ekonomi. Negara kita aman dan kita mempunyai sumbangan dalaman sendiri. Oleh itu kita tidak memohon bantuan dari mana-mana pertubuhan dunia atau pun Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.

Walau bagaimanapun, Malaysia tetap mengalu-alukan sebarang bantuan yang akan diberi dan telah diberi. Berkenaan dengan *Lake Toba Summit* seperti Yang Berhormat kemukakan itu, saya akan mendapatkan laporan lengkap daripadanya kerana tidak ada maklumat pada saya sekarang. Saya pasti Malaysia akan terus memainkan peranan penting dalam memberi cadangan-cadangan kaedah arah *rehabilitation dan reconstruction* negara-negara yang telah ditimpa bencana Tsunami. Terima kasih.

Puan Rosnah bte. Haji Abd. Rashid Shirlin [Papar]: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kementerian Luar di dalam kenyataannya ketika berlakunya bencana Tsunami mengesahkan bahawa terdapat 18 warganegara Malaysia yang telah hilang di luar negara khususnya di Aceh, Chennai serta Phuket.

Soalan saya adakah rakyat Malaysia yang hilang tersebut berjaya ditemui dan adakah rakyat Malaysia yang hilang ini terlibat dengan bencana Tsunami mendapat apa-apa bantuan daripada dana yang telah dipungut untuk tabung Tsunami daripada pelbagai pihak atau pun daripada pihak kerajaan sendiri khususnya Kementerian Luar. Terima kasih.

Dato' Zainal Abidin bin Osman: Terima kasih. Yang Berhormat bagi Papar. Sehingga hari ini mengikut statistik Bahagian Keselamatan Negara dan juga statistik kita di Kementerian Luar Negeri, kita sudah tidak menerima sebarang aduan mengenai ahli keluarga yang masih hilang. Terima kasih.

4. Dr. James Dawos Mamit [Mambong] minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan jumlah subsidi minyak diesel yang ditanggung oleh kerajaan pada tahun 2003, 2004 dan anggaran untuk tahun 2005, adakah sistem kuota untuk stesen-stesen minyak dan penguat kuasa yang dilaksanakan oleh kerajaan berkesan bagi menangani penyeludupan.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna [Datuk Mohd. Shafie bin haji Apdal]: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan memang memandang serius kegiatan pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab mahu mengaut keuntungan mudah melalui penyelewengan jualan diesel bersubsidi di stesen-stesen minyak kepada sektor industri dan komersial yang tidak layak menerima subsidi ini.

Matlamat utama kerajaan melaksanakan penetapan kuota jualan diesel bersubsidi di stesen-stesen minyak adalah sebagai salah satu usaha untuk menangani kegiatan pihak-pihak yang terlibat dalam penyelewengan jualan diesel bersubsidi ini. Pendekatan menggunakan kuota ini sebenarnya tidak menjurus atau memberi fokus utama untuk membanteras kegiatan penyeludupan minyak diesel.

Walau bagaimanapun, berhubung dengan perkara ini, kementerian akan terus meningkatkan penguatkuasaan melalui usaha bersama agensi-agensi penguat kuasa kerajaan yang lain bagi mencegah kegiatan penyeludupan minyak diesel ini. Jumlah subsidi yang ditanggung oleh kerajaan ke atas penjualan diesel di stesen minyak dalam tahun 2003 (RM1.2 bilion), bagi tahun 2004 (RM3.4 bilion). Manakala dari bulan Januari hingga Mac 2005 sahaja jumlah subsidi yang telah ditanggung oleh kerajaan adalah sebanyak RM788.9 juta.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, selain daripada subsidi, kerajaan juga telah memberi pengecualian cukai ke atas produk diesel yang mana nilainya ialah RM1.15 bilion dalam tahun 2003 dan RM1.53 bilion dalam tahun 2004. Sementara dari bulan Januari hingga Mac 2005, pengecualian cukai yang telah ditanggung oleh kerajaan ke atas produk diesel ialah RM262.8 juta.

Berasaskan fakta yang disebutkan tadi, jumlah subsidi dan pengecualian cukai yang telah ditanggung oleh kerajaan ke atas diesel dijual di stesen minyak dari bulan Januari 2003 hingga Mac 2005 adalah berjumlah RM8.25 bilion.

Tuan Yang di-Pertua, tujuan mengenakan kuota ke atas penjualan diesel di stesen minyak adalah juga memastikan hanya pengguna yang berhak seperti pengusaha kenderaan awam, bas sekolah dan juga pihak nelayan dibekalkan diesel bersubsidi ini. Berkenaan kuota yang dimaksudkan juga adalah bertujuan untuk mengekang penyelewengan seperti yang telah saya sebutkan tadi.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, setakat ini kementerian telah mengenal pasti sebanyak 39 pengusaha stesen minyak yang terbabit menjual diesel bersubsidi kepada kilang, pengusaha kayu balak dan sebagainya yang mana adalah golongan mereka yang tidak layak untuk mendapat diesel bersubsidi ini.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan jumlah pengecualian cukai dan subsidi yang ditanggung oleh kerajaan meningkat setiap tahun dan wujudnya unsur-unsur penyelewengan maka penjualan diesel di stesen minyak perlu diperketatkan. Kementerian telah melaksanakan penetapan kuota diesel bersubsidi di stesen minyak mulai 1 Januari 2005 yang lalu.

Adalah dianggarkan dengan pelaksanaan sistem kuota jualan diesel di stesen minyak ini maka kerajaan dalam tahun ini akan dapat menyelamatkan wang rakyat sebanyak RM620 juta. Dengan jumlah wang yang dapat dijimatkan ini maka kerajaan boleh menggunakan untuk melaksanakan projek pembangunan dan sosial untuk kebajikan rakyat terutamanya penduduk di luar bandar.

Selain daripada pengecualian cukai dan subsidi yang diberikan ke atas diesel yang dijual di stesen minyak, kerajaan juga telah memberi pengecualian cukai dan subsidi kepada nelayan dan sektor pengangkutan darat serta bot penumpang di sungai

di Sarawak dan juga di negeri Sabah pada ketika ini iaitu berjumlah mencatat sebanyak RM840 juta.

Dr. James Dawos Mamit: Terima kasih Yang Berhormat Menteri atas jawapan yang begitu jelas tadi. Saya berpendapat bahawa subsidi RM8.25 bilion ini amat tinggi bagi kerajaan untuk terus memikulnya. Walau pun demikian, tiada sistem yang benar-benar tidak disalahgunakan atau pun *full proof* dengan izin tetapi mengurangkan salah guna sistem adalah satu langkah yang harus dipertingkatkan.

Bagi subsidi minyak diesel mungkin sistem tuntutan rebat oleh pihak-pihak yang benar-benar layak menerima subsidi dan sistem ini mungkin lebih baik lagi daripada memberi kuota kepada stesen-stesen minyak. Oleh yang demikian soalan tambahan saya adalah adakah kerajaan ingin mencuba sistem yang saya sebutkan tadi dan menerima pakainya bagi memastikan agar salah guna atau pun penyeludupan diesel tidak berlaku dengan berleluasa. Terima kasih.

Datuk Mohd. Shafie bin haji Apdal: Terima kasih. Yang Berhormat bagi Mambong. Sebenarnya kerajaan telah mengambil berbagai-bagai pendekatan sebelum kita melaksanakan pemberian subsidi kepada pihak-pihak yang berhak menerimanya. Sebahagian daripada langkah yang kita telah kenal pasti ialah rebat. Begitu juga langkah-langkah yang lain menggunakan kupon dan sebagainya.

Kita dapati apa yang penting kepada kita ialah untuk menjuruskan subsidi diesel ini kepada hanya masyarakat yang berhak. Contoh kalau nelayan yang kita kenal pasti sebagai golongan kumpulan masyarakat kita yang memerlukan bantuan dan mereka ini adalah merupakan masyarakat yang tidak berupaya dari segi keupayaan kewangan mereka untuk membeli peralatan. Dengan itu kita galakkan mereka menubuhkan persatuan nelayan.

Kalau di Semenanjung ini kita ada NIKMAT. Kalau di Sabah dia ada KONELAYAN dan badan-badan yang lain. Tidak cukup daripada itu, kita juga menggalakkan supaya kita bagi, memberi subsidi ini kepada nelayan-nelayan terus. Kalau ada kumpulan yang kecil supaya mereka juga tidak dapat kalau contohnya tidak ada persatuan di tempat itu dengan tidak menidakkan supaya masyarakat yang berat ini dapat bekalan subsidi.

Walau pun demikian, setelah mengenal pasti berbagai-bagai sistem ini yang kita gunakan, kita dapati apa yang penting seperti yang telah saya sebutkan, amalan yang sedia ada perlu diperketatkan untuk membolehkan supaya hanya yang berhak sahaja menerimanya. Rebat seperti Yang Berhormat bagi Mambong katakan, dia tidak ada kekebalan, dia mungkin tidak akan dapat disalahgunakan. Memang ada pun kita melihat kemungkinan-kemungkinan juga konsep sistem itu akan terlibat dari segi penyelewengan.

Maka dengan itu kita sebenarnya sudah pun melihat berbagai-bagai sistem untuk kita laksanakan. Pada hari ini sistem yang kita gunakan adalah merupakan sistem yang kita rasa sesuai, cuma apa yang penting supaya kita pastikan hanya yang berhak sahaja yang mendapatnya.

Tuan Jimmy Donald: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Setiap kali saya hendak pergi ke kawasan, saya terpaksa pergi dari stesen ke stesen untuk mencari minyak diesel dan tiap-tiap stesen mengatakan kuota diesel sudah habis. Apabila saya hendak balik ke Kuching dari Sri Aman, macam itu juga gambaran dia. Kita bangga yang kita ini sudah menjadi *first world country*. Tetapi saya nampak kalau kita sebagai pelanggan dan pengguna terpaksa berkejar dari stesen ke stesen menggunakan masa dua atau tiga jam, berlumba-lumba ini menampakkan kita ini adalah kurang dari *third world country*.

Apakah gambaran yang kita berikan kepada pelancong yang berjuta-juta datang ke Malaysia ini. Dapatkah kerajaan mengolah satu langkah di mana kita tidak usah berkejar ke sini ke sana apabila kita pergi ke stesen memang ada diesel.

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya tidak ada masalah dari segi bekalan yang tidak mencukupi. Bekalan mencukupi, pada tahun 2003 sahaja kita telah membekalkan di seluruh negara hampir 4.5 bilion liter yang kita bekalkan. Cuma masalah dia, bila kita bagi dengan stesen-stesen ini, sebahagian, tidak semuanya, stesen ini menjual bukan kepada seperti yang saya nyatakan tadi iaitu pihak-pihak tertentu yang berhak untuk menerimanya.

Contohnya kalau dia jual diesel kepada saya, untung dia Cuma tiga sen sahaja. Kalau dia jual kepada pihak-pihak tertentu, industri contohnya, kem kayu balak contohnya, dia boleh jual dengan jumlah 50 sen lebih. Kalau satu liter dia boleh untung

50 sen, kalau satu juta liter dia boleh untung setengah juta ringgit. Maka dengan itu ada unsur-unsur yang mendorong mereka menggalakkan baik tunggu untung 40 sen atau 50 sen daripada menjual kepada yang untung tiga sentiasa.

Itu yang bila kita katakan hendak tunggu sehingga orang yang dapat untung in boleh memberi keuntungan yang banyak kepada dia sehingga minyak dia kering. Ada suatu ketika dahulu kita dapati. Ini bukan cerita kosong. Nyata kita tangkap dia. Di satu stesen selama 20 minit lori masuk keluar masuk sehingga pam stesen itu kering. Bukan oleh kerana tidak cukup. Hari ini kita boleh bagi 10,000 liter, contohnya dalam satu pam stesen dia hanya berupaya meletakkan *skip tank* di bawah tanah sebanyak tiga tangki.

Satu tangki boleh memuatkan 26,000 liter. Maknanya kalau tiga tangki, hampir 90,000 liter. Takkan 90,000 liter bila kita letak dalam seminggu kering, dalam sebulan kering. Tetapi kalau ada pihak-pihak yang berbaris, lori tangkikah seperti yang telah saya nyatakan di bawah kelihatan kecil tangki dia tetapi di atas besar lagi, mengisi sampai duduk dekat situ, bukan 10 minit tetapi setengah jam atau satu jam, sudah pasti ia akan mengeringkan pam stesen itu. Bila itu berlaku maka rakyat atau orang awam seperti kita yang sepatutnya berhak mendapat diesel tidak dapat diesel. Jem, berbarislah bas sekolah, *public transport* di situ oleh kerana diesel tidak cukup.

Kalau ada *complain* contohnya, daripada pihak-pihak stesen minyak, saya bagi tahu *didn't supply* dengan izin. Bila kita bagi *supply*, tidak cukup dua atau tiga hari kering lagi. Takkan kita boleh galakkan di negara kita setiap kali pam stesen itu kering maka kita perlu mengisi kerana ini akan melibatkan unsur-unsur penyelewengan seperti yang telah saya sebutkan. Ini berlaku, maka perlu untuk kita mengambil tindakan tegas.

Semenjak kita laksanakan subsidi ini, daripada 2002, kita keluarkan 2 bilion lebih, lepas itu pada 2003, hampir 4 bilion, meningkat 1 bilion lebih liter yang dijual di seluruh negara kita. *This is an artificial increase of subsidy supply in the country*, dengan izin. Takkan sampai meningkat dalam jangka masa setahun bahawa subsidi diesel sampai menjangkau ke tahap 1.7 bilion liter. Ini adalah merupakan satu perkara, kilang pun tidak wujud di negara kita sampai satu ribu kilang dalam setahun. Takkanlah kereta yang dikeluarkan oleh kerajaan, semua kereta yang dikeluarkan berdaftar 400,000, semuanya menggunakan diesel. Sebahagiannya menggunakan petrol. Macam kita, kereta saya menggunakan petrol. Kereta tuan-tuan sudah pasti menggunakan petrol.

Kalau di Sabah mungkin *four wheel drive*, tetapi di Sabah *four wheel drive*, harganya RM300,000, RM400,000, tetapi ditokok-tambah. Kerajaan sebenarnya bagi bantuan pada Sabah dan Sarawak, *road tax*nya lebih murah daripada di Semenanjung.

Kita dapat maklumkan, kilang, kem kayu balak, you hendakkan bekalan diesel, kita boleh *supply* berapa bilion pun you hendak, tetapi dengan harga RM1.70, bukan dengan 88.1 sen. *Construction center*, binaan, you boleh buka tangki di situ, kita boleh *supply* berapa bilion you hendak tetapi bukan dengan harga 88 sen. Sudah dapat itu pun, dia dapat *queue* di pam stesen. Macam mana pam stesen tidak kering. Ini yang saya minta, supaya masyarakat umum, masyarakat rakyat negara kita, kalau melihat orang yang sudah kita beri, contoh macam kem-kem kayu balak, kita galakkan, buka *skip tank*, syarikat minyak akan beri. Berapa bilion you hendak, berapa juta you nak tangki, tetapi dengan harga bukan subsidi.

Kerana ada setengah-setengah industri kita sudah beri dengan *tax subsidy*, , *tax exemption* dan pelbagai. Masyarakat kita di peringkat luar bandar, orang miskin memerlukan bantuan daripada kerajaan, dengan penjimatan RM620 juta ini kita boleh memberi pembangunan yang baik kepada masyarakat kita.

Beberapa Ahli: [*Bangun*]

Tuan Yang di-Pertua: Saya ingat jawapan daripada Menteri sudah memadai.

5. **Tuan Muhamad Shahrom bin Osman [Lipis]** minta Menteri Pelajaran menyatakan ada atau tidak penyelarasan dibuat dengan Kementerian Belia dan Sukan atau agensi-agensi sukan yang lain tentang atlet-atlet sukan yang berpotensi yang akan meninggalkan bangku sekolah. Jika ada, sejauh mana penyelarasan ini berkesan dalam meningkatkan mutu sukan negara.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pelajaran [Puan Komala Devi]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk menjawab lima pertanyaan mengenai isu pembangunan sukan di sekolah secara serentak. Pertanyaan-pertanyaan tersebut adalah daripada Yang Berhormat bagi Lipis 24 Mac 2005, iaitu hari ini, Yang Berhormat bagi Ampang 28 Mac 2005, Yang Berhormat bagi Bintulu 30 Mac 2005, Yang Berhormat bagi Pensiangan 2 April 2005 dan Yang Berhormat bagi Beluran 28 April 2005. Boleh saya teruskan.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, sila.

Puan Komala Devi: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelajaran amat prihatin terhadap pembangunan sukan tanah air kerana sukan merupakan satu komponen terpenting dalam sistem pendidikan dan agenda pembangunan negara bagi melahirkan masyarakat yang cemerlang, gemilang dan terbilang.

Jawatankuasa Kabinet 1974 telah memperakukan supaya program sukan olahraga di peringkat sekolah, daerah, negeri dan kebangsaan, terus dipergiatkan lagi supaya dapat mewujudkan satu generasi yang cergas dan mengamalkan perpaduan. Justeru, kementerian sentiasa bekerjasama dengan Kementerian Belia dan Sukan dalam apa sahaja bidang, dengan menyalurkan maklumat seperti *record school leavers*, jenis sukan yang disertai, tahap pencapaian dan sebagainya kepada pihak Kementerian Belia dan Sukan. Malahan pihak Kementerian Pelajaran Malaysia telah menandatangani memorandum bersama dengan Kementerian Belia dan Sukan untuk peningkatan mutu sukan negara.

Mengenai Program Pembangunan Sukan Sekolah, Majlis Sukan Negara, Kementerian Belia dan Sukan sedang berusaha menyelaras dan mengenal pasti atlet-atlet sukan yang berpotensi dan akan meninggalkan bangku sekolah untuk ditempatkan dalam satu Program Pra Universiti. Program ini bertujuan memberi peluang kepada bakal atlet negara ini untuk mempunyai kelayakan akademik yang diiktiraf bagi kemasukan ke Program Pengajian Peringkat Ijazah di IPTA.

Sehingga kini terdapat lima *cohort* atlet bertaraf negara dari Sekolah Sukan Bukit Jalil (SSBJ) yang telah mengikuti Program Pra Universiti dan seramai 65 pelajar program ini telah diterima belajar di Universiti Putra Malaysia (UPM). Sementara itu, 107 pelajar lagi dari Sekolah Sukan Bukit Jalil sedang mengikut Program Pra Universiti pada tahun ini. Bagi Sekolah Sukan Bandar Penawar Johor pula terdapat *cohort* atlet bertaraf negara iaitu seramai 31 orang sedang mengikuti pengajian peringkat pra universiti di Universiti Teknologi Malaysia, di mana 9 orang sedang mengikut aliran Sains dan 22 orang dalam aliran Sastera.

Di samping itu, Kementerian Pelajaran sedang menyelaras maklumat di kalangan murid Tahun 6 dan Tingkatan 1 melalui *talent identification* atau TID, dan maklumat tersebut akan disalurkan kepada Majlis Sukan Negara, Kementerian Belia dan Sukan

yang bertujuan untuk membuka peluang kepada atlet-atlet muda di sekolah untuk menyertai program-program yang dirancang oleh kementerian tersebut. Antara program yang telah dirancang adalah Program Tunas Cemerlang, Program Sukan Muda dan *Little Champ*. Dalam menjayakan program-program ini, pihak MSN menyediakan jurulatih yang juga terdiri daripada kalangan guru sekolah, manakala Kementerian Pelajaran mengenal pasti kumpulan murid sekolah sebagai pesertanya.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai pengambilan tenaga pengajar mata pelajaran Pendidikan Jasmani, daripada sumber terlatih di Kementerian Belia dan Sukan, seperti yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat bagi Ampang, Kementerian Pelajaran sedia menimbangkan saranan tersebut apabila diperlukan dengan syarat tenaga pengajar tersebut mempunyai kelayakan ikhtisas perguruan. Di samping itu, Kementerian Pelajaran juga telah pun mengambil beberapa jurulatih sukan daripada Kementerian Belia dan Sukan secara kontrak seperti mana yang telah dilaksanakan di Sekolah Sukan Bukit Jalil dan Sekolah Sukan Bandar Penawar.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat bagi Bintulu dan Ahli Yang Berhormat bagi Beluran telah membangkitkan isu mewajibkan peperiksaan Pendidikan Jasmani. Di masa ini Pendidikan Jasmani diuji melalui penilaian kendalian berasaskan sekolah (PKBS), yang dijalankan di sekolah dan merangkumi ujian kecergasan fizikal, ujian kemahiran sukan dan ujian teori. Sehingga kini, kementerian belum membuat sebarang keputusan menjadikan mata pelajaran Pendidikan Jasmani sebagai mata pelajaran peperiksaan secara berpusat dan didokumentasikan di dalam sijil peperiksaan seperti UPSR, PMR dan juga SPM. Walau bagaimanapun, mata pelajaran Sains Sukan diuji di peringkat SPM sebagai pengetahuan Sains Sukan. Sehingga kini 4 *cohort* pelajar di peringkat SPM telah menduduki kertas ini yang melibatkan sebanyak 175 sekolah.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan cadangan dana Majlis Sukan Sekolah-sekolah Malaysia (MSSM), bagi membiayai kos pengurusan seperti yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat bagi Pensiangan. Untuk makluman, MSSM adalah satu majlis yang mengendalikan kejohanan-kejohanan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa dan bukannya bagi keseluruhan pembangunan sukan yang dilaksanakan oleh Kementerian Pelajaran. Walau bagaimanapun, pada tahun 2004 lebih RM100 juta telah dibelanjakan oleh kementerian termasuk geran kegiatan sukan di sekolah rendah dan

menengah yang merangkumi 15 pusat negeri, sekolah berasrama penuh dan 2 buah sekolah sukan.

Dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, kementerian berhasrat mewujudkan 156 pusat sukan daerah. Pada masa ini, murid sekolah rendah dikenakan yuran sebanyak RM2 dan sekolah menengah RM4 setahun. Bagi yuran MSSD dan MSSN, untuk membolehkan pihak sekolah menggunakan peruntukan tersebut bagi kegiatan sukan murid-murid bertanding di peringkat sekolah atau di peringkat daerah. Kerajaan juga telah menyediakan peruntukan kewangan sebanyak RM1,800 untuk sekolah menengah dan RM800 untuk sekolah rendah setiap tahun bagi tujuan pelaksanaan program sukan di sekolah-sekolah.

Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelajaran Malaysia sentiasa memberi perhatian dan peka terhadap sebarang situasi termasuk masalah bebanan para guru, ibu bapa, khususnya ibu bapa yang miskin dan miskin tegar dalam hal pembiayaan, kos pengurusan dan pelaksanaan program sukan (MSSM) di semua peringkat. Selaras dengan perkara tersebut, kementerian sentiasa berusaha melakukan penambahbaikan dan mengambil perhatian serta masih lagi dalam peringkat kajian untuk mengadakan dana sukan MSSM bagi mengatasi masalah yang dikemukakan. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat bagi Bintulu, tumpukan kepada penyelarasan, ya.

Tuan Muhamad Shahrom bin Osman: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya lihat sepanjang jawapan yang diberi oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tadi, tidak menjawab soalan yang saya tanya. Jadi, persoalannya dikaitkan dengan akademik. Banyak jawapannya yang diberi seolah-olah yang cemerlang dalam sukan, mereka juga cemerlang dalam akademik, yang ini ditumpukan. Yang ini tidak ada masalah bagi saya sebab bagi mereka, kalau sudah cemerlang dalam akademik, sudah pastilah pihak IPTA, IPTS menerimanya, tetapi apakah penyelarasan yang dibuat terhadap mereka yang cemerlang dalam sukan, tetapi tidak cemerlang dalam akademik dan mereka kebanyakannya berada di pinggir bandar dan di luar bandar, yang terbiar kerana kemudahan sukan tidak ada.

Saya tidak nampak satu pun penyelarasan dibuat dengan Pejabat Belia dan Sukan atau Kementerian Belia dan Sukan. Sekian.

Tuan Yang di-Pertua: Sila, Yang Berhormat.

Puan Komala Devi: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak tahu sama ada Ahli Yang Berhormat nampak kerjasama di antara kedua-dua kementerian, tetapi kerjasama ini masih berterusan. Ekoran daripada kerjasama tersebut, banyak keputusan dan tindakan telah pun diambil, di mana sekolah-sekolah ini menjadi tempat untuk menyemai dan mencungkil bakal murid-murid kita dalam bidang *sport* supaya murid-murid yang ada bakat dalam bidang *sport* ini ada peluang untuk menaikkan taraf beliau dan menjadi atlet negara pada masa depan.

Atlet negara boleh dijadikan di peringkat daerah ataupun di negeri ataupun di negara ataupun di peringkat antarabangsa. Seperti yang saya katakan, kami dengan Kementerian Pelajaran dan Kementerian Belia dan Sukan telah pun menandatangani satu memorandum dan banyak tindakan telah diambil. Umpamanya, penubuhan sekolah sukan, satu di Bukit Jalil dan satu lagi di Bandar Penawar Johor, di mana murid-murid yang dipilih bukan sahaja tertumpu kepada prestasi mereka di dalam peperiksaan akademik, tetapi juga pilihan adalah memberi sedikit penekanan dan juga fokus kepada prestasi mereka dalam bidang sukan. Dan Kementerian Pelajaran berhasrat menumpukan 156 Pusat Sukan Daerah dan ini adalah di daerah-daerah yang telah menunjukkan prestasi sukan yang baik, termasuk bandar mahupun di luar bandar.

Jadi, Ahli Yang Berhormat jangan khuatir, kerjasama akan dan masih berterusan dan sekiranya Ahli Yang Berhormat ada apa-apa cadangan, kami di Kementerian Pelajaran mempunyai sikap terbuka dan selalu sedia untuk menerima apa-apa cadangan. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat bagi Kepong.

Tuan Muhamad Shahrom bin Osman: Satu lagi.

Tuan Yang di-Pertua: Sudahlah, cukuplah. I

6. **Dr. Tan Seng Giaw** minta Menteri Kerja Raya menyatakan keadaan sebenar projek-projek bermasalah seperti MMr2 Kepong, Matrade, Lebuhraya Utara Selatan dan saluran ketiganya, Lebuhraya Pantai Timur, PORR, bangunan-bangunan hospital dan sekolah. Apakah langkah-langkah dan kos untuk kerja pemulihannya.

Menteri Kerja Raya [Dato' Seri S Samy Vellu]: Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Kepong telah mengemukakan satu soalan yang mengandungi tujuh perkara untuk diberi jawapan dan penjelasan. Perkara-perkara tersebut adalah yang paling popular:-

- (i) Jejambat di MRR2 Kepong;
- (ii) Bangunan Matrade;
- (iii) Lorong Ketiga Lebuhraya Utara Selatan ;
- (iv) Lebuhraya Pantai Timur;
- (v) Penang Outer Ring Road (PORR);
- (vi) Bangunan Hospital Sultan Ismail; dan
- (vii) Sekolah-sekolah Bermasalah.

Jadi dengan izin, Tuan Yang di-Pertua saya menjawab berkenaan dengan Jejambat MRR2 dan selepas itu saya akan bagi semua jawapan dengan tulisan, ada siap juga. Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana sedia maklum kerajaan telah melantik juru perunding Halcrow Group Limited, daripada United Kingdom untuk menjalankan kajian dan penyiasatan punca keretakan pada Tiang Jejambat MRR2 Kepong. Berdasarkan kajian dan siasatan yang dijalankan pihak juru perunding Halcrow telah membuat kesimpulan seperti berikut dengan izin, ada juga perkataan-perkataan dalam teknik oleh kerana itu saya minta dengan izin, sedikit penjelasan dalam bahasa Inggeris Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Sila.

Menteri Kerja Raya [Dato' Seri Samy Vellu]: *“All samples show the development of abundant fine needles-like crystals that resembles ‘ettringite’ in peripheral micro cracks around the surfaces of aggregate particles and to a lesser extend within micro cracks within the paste. The distribution of ‘ettringite’ in the paste of all samples is regarded as characteristic of that seen in concrete where delayed ‘ettringite’ formation is underway”*

Bagi mengawal keretakan daripada terus berlaku yang diakibatkan oleh proses dengan izin, *delayed ettringite formation (def)* pihak perunding telah mencadangkan supaya beberapa tindakan segera diambil seperti :

- (i) menampal semula kebocoran yang terdapat di permukaan jejambat bagi mengelakkan peresapan air ke tiang-tiang sambut dengan izin, *piers*;
- (ii) menutup ruang-ruang kosong di antara dua *super structure* bagi mengelakkan peresapan air hujan dari memasuki dan membasahi rasuk-rasuk ;
- (iii) menghampar lapisan kalis air dengan izin, *water proof* di permukaan atas dan di bahagian tepi rasuk bagi mengelakkan penyerapan air;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga bagi mengkaji lebih lanjut lagi kesan *Def* terhadap keretakan jejambat dan menentukan tindakan-tindakan jangka panjang yang perlu diambil pihak perunding bercadang melantik pakar dalam bidang berkenaan untuk memberi pandangan dan nasihat kepada pihak Halcrow sendiri dan kerajaan. Pakar yang dimaksudkan ialah Dr. Keith Quillin daripada United Kingdom *Building Research Establishment*.

Oleh yang demikian kerja-kerja baik pulih keretakan serta memperkuat semula struktur-struktur jejambat berkenaan adalah bergantung pada nasihat pakar tersebut kelak. Selepas pelantikan pakar dibuat dan butir-butir mengenai *Def* diperolehi barulah kerja-kerja berkenaan dengan memperkukuhkan tiang-tiang dan rasuk-rasuk dilaksanakan oleh kontraktor Bumi Highway Sdn. Berhad.

Khidmat nasihat pakar dijangka dapat diperolehi pada bulan April dan kerja-kerja baik pulih dijangka dapat dilaksanakan pada bulan Mei 2005.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil masa yang panjang untuk menjawab semuanya. Saya akan memberi persembahkan kepada Yang Berhormat dari Kepong, semua jawapan terkandung dalam 15 muka sahaja. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Kemudian ya. Yang Berhormat sila.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, saya menghargai jawapan, saya akan terimalah jawapan daripada Yang Berhormat. Yang Berhormat, soalan tambahan, ia selepas lima *midle cristal* dan *micro cracks*, tiga konsultan dilantik untuk mengkaji, sekarang kita mahu lagi satu pakar Quillin untuk mengkaji MRR2 ini dan kerja mungkin akan bermula pada Mei tahun ini. Saya tidak faham lah kita memerlukan empat

konsultan untuk satu *viaduct* ataupun satu jejambat dan saya tidak - memang bingung dan tadi Yang Berhormat ada sebutkan enam projek lagi tetapi soalnya termasuklah bangunan-bangunan hospital bukan sahaja hospital Sultan Ismail, bahkan juga hospital yang lain termasuk ada 10 daripada RMK-8 ditunda kepada RMK-9, tidak disebutkan.

Tuan Yang di-Pertua, pentingnya saya hendak tolong Yang Berhormat kerana banyak projek JKR Jabatan Kerja Raya memantau projek Hospital Temerloh, PHT dan PHT Sdn. Berhad adalah kontraktor utama di dalam projek Turnkeylah, dia pulaskan kunci dan daripada reka bentuk kepada penyelenggaraan itu dia bolotkan semua kerjalah itu dan - ini projek RM500 juta kira-kira PHTSB lewat menyiapkan projek dan itu mendapat perakuan siap kerja ini sering kali disebutkan oleh Yang Berhormat, CPC diberi tanpa menyiapkan kerja yang belum siap dan tanpa memberi senarai kerja yang belum siap dan tambah pula, *[Disampuk]* bukan-bukan ucapan, ini Yang Berhormat ini perlu kita...soalan, memang soalan..

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sila beri soalan.

Dr. Tan Seng Giaw: ...memang soalan dan sebab apalah kerja-kerja ini tidak disiapkan dan kita bagi CPC termasuk hantar rombongan kepada Venice, London, Milan, Rome...

Beberapa Ahli: Soalan-soalan.

Dr. Tan Seng Giaw: ..ini memang soalan, bukan berucap. Saya akan berucap kemudianlah, ini tidak ada, soalan, apakah - ini hendak tolong Yang Berhormat, Yang Berhormat tidak tahu, dia hantar rombongan untuk *transfer* teknologi tetapi yang nampaknya *transfer* orang sahajalah tidak ada teknologi. Tidak melawat hospital langsung, itu soalan itu boleh Yang Berhormat mencantikkan hospital, memang hospital saya pergi 17 Mac, cantik ...

Seorang Ahli: Perapu.

Dr. Tan Seng Giaw: ..mencantikkan hospital ini dari luaran dan dalaman zahir dan dalaman kita cantikkan semua, sebab Yang Berhormat memang peka kepada soalan ini...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri jawab, Yang Berhormat Menteri jawab.

Dr. Tan Seng Giaw: ...saya berharap Yang Berhormat dapat membantu. Sekian, terima kasih.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, pada tahun 20-an bukan 90-an atau 2000, 20-an satu doktor dia jaga muka, hidung, badan macam-macamnya Yang Berhormat pun jadi doktor. Sekarang jari pun ada satu doktor, tangan pun ada satu doktor, kaki pun ada doktor macam itulah [*Ketawa*]. Macam itu kita ada juga beberapa perkara baru. Apabila kita menjalankan siasatan ada juga kita melihat perkara-perkara baru. Perkara baru ini mesti dilantik oleh seorang pakar dalam perkara itu untuk mendapat satu keputusan MRR2 iaitu satu jalan yang penting, kita bertanggungjawab untuk menjaga kepentingan nyawa rakyat, oleh kerana itu mahu juga melantik 100 lagi pakar, mesti lantik. Pada akhirnya kita dapat keputusan untuk memperbaiki.

Yang kedua berkenaan dengan Hospital Temerloh. Tuan Yang di-Pertua, Hospital Temerloh menjadi satu hospital yang paling cantik, sudah diserahkan kepada Kementerian Kesihatan, tapi Yang Berhormat tidak suka hati, saya tidak tahulah apa hal. Apanya salah dalam hospital itu, kalau Sultan Ismail kulatlah, mengapa jadi kulat? Simpan itu hospital buka ice-condition 24 jam mesti kulatlah.

Bila kita bagi hospital, kita bagi hospital yang baik. Manusia yang bekerja dalam hospital itu mestilah menjaga bangunan itu. Jangan ingat tuhan akan menjaga. Itulah masalahnya. Masalah teknik boleh selesai, masalah bangunan boleh selesai, masalah jalan boleh selesai tetapi masalah manusia tidak boleh selesai. [*Dewan riuh*] Terima kasih.

Tuan Loh Seng Kok [Kelana Jaya]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Izinkan saya fokuskan kepada salah satu perkara yang ditimbulkan dalam soalan ini iaitu Lebuhraya Utara Selatan. Apakah pihak Yang Berhormat Menteri bersetuju bahawa Lebuhraya Utara Selatan ini adalah satu projek yang bermasalah. Bagi rakyat biasa apabila kadar tol dinaikkan ini adalah menjadi masalah kepada rakyat. Mungkin pihak kerajaan ada alasan kerana terikat dengan syarat-syarat yang terkandung dalam perjanjian. Persoalannya Yang Berhormat Menteri, selain dari kenaikan tol, kini pihak PLUS (Lebuhraya Utara Selatan) menuntut agar tempoh konsesinya dilanjutkan. Apakah pihak kerajaan akan akur kepada tuntutan pihak PLUS ini untuk melanjutkan tempoh konsesinya? Terima kasih.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, kita sudah sampai ke satu tahap di mana kita tidak boleh melanjutkan masa lagi kepada PLUS oleh kerana kerja-kerja yang kita senaraikan sekarang mesti dibayar oleh kerajaan. Kerajaan telah mengambil alih jalan ini oleh kerana ini keluar daripada skop. Kerana itu kita minta PLUS untuk menjalankan. Walau bagaimanapun, kalau mahu juga butir-butir yang lebih lanjut, saya boleh memberi kepada Yang Berhormat secara bertulis.

7. Tuan Wong Nai Chee [Kota Melaka] minta Perdana Menteri menyatakan sama ada pihak kerajaan bersedia mengkaji semula kedudukan undang-undang masa ini supaya warganegara yang mencapai 21 tahun akan terus diberi hak untuk mengundi secara automatik dalam pilihan raya tanpa memerlukan pendaftaran wajib dalam senarai pengundi terlebih dahulu.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan tidak bercadang untuk mengkaji semula kedudukan undang-undang bagi membenarkan warganegara yang mencapai umur 21 tahun mengundi secara automatik tanpa memerlukan pendaftaran sebagai pemilih. Kerajaan percaya sistem yang ada sekarang iaitu seseorang warganegara perlu mendaftar sebagai pemilih adalah merupakan sistem yang baik supaya dia sedar akan hak dia dan dia mahu menjadi pengundi. Suka saya tegaskan di dewan yang mulia ini bahawa adalah menjadi tanggungjawab seseorang warganegara Malaysia mendaftar sebagai pemilih untuk membolehkan mereka melaksanakan tanggungjawab sebagai pemilih.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, saya dukacita dengan pandangan kerajaan bahawa ia tidak akan mengkaji balik mengenai pendaftaran seorang pemilih kalau berumur kurang 21 tahun tetapi ini suatu pandangan yang aneh kerana di seluruh dunia ini banyak negara-negara umur untuk mengundi telah dikurangkan kepada umur 18 tahun. Juga baru-baru ini pendaftaran, setiap kali kerajaan kata mereka memberi peluang kepada pihak warganegara untuk mendaftarkan dengan sendiri.

Yang perlu kita pakai adalah sistem yang boleh mendaftar melalui *e-mail*, dengan satu excess yang tepat. Apakah kerajaan tidak menggunakan sistem itu dan lagi satu adalah dengan kad pengenalan. Semua ada di pejabat tersebut. Hanya perlu tukar

kepada Suruhanjaya Pilihanraya supaya pendaftaran menjadi automatik. Mengapa kita tidak mengguna pakai satu perkara yang baik walhal kita menggunakan berjuta-juta ringgit setiap tahun untuk mendaftar pemilih-pemilih.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, pertama tidak betul Yang Berhormat Ipoh Barat sebut. Tidak semua negara di dunia ini yang pengundinya di bawah umur 21 tahun. Bukan banyak pun, tidak banyak pun, itu tidak betul. Saya ada buat kajian dan itu adalah tidak betul. Bagi umur 18 tahun tidak banyak negara, sebenarnya umur 21 tahun. Hendak jadi Ahli Parlimen kena berumur 21 tahun jadi mengundi semasa berumur 21 tahun jugalah. Takkanlah yang berumur 18 tahun di sekolah hendak mengundi, dia sendiri tidak boleh menjadi calon, dia hendak mengundi pula itu tidak boleh. Kita kena faham. Dalam Perlembagaan hendak menjadi calon mesti berumur 21 tahun jadi pengundi mestilah berumur 21 tahun.

Itu sebab saya kasihkan dia, walaupun dia tidak bersetuju dengan pandangan kerajaan tetapi dia DAP tidak boleh berbuat apa-apa pun. Walaupun dia menyalak 100 tahun lagi dia tidak boleh berbuat apa-apa. Ini pandangan kerajaan ada asasnya. Kalau DAP betul, DAP menanglah dalam pilihan raya. Itu sahaja jangan cakap banyak.

Kita memerintah maka kita tahulah kerana kita yang membuat kajian. Kedua saya hendak memberitahu bahawa kita tetap tidak akan menjadikan pendaftaran secara automatik kita tidak akan teruskan kerana kita kena ingat tidak mahu mengundi merupakan hak individu. Kita tidak boleh memaksa dia mengundi. Kalau dia mendaftar secara automatik dia dipaksa mengundi dia tidak mahu kepada DAP, undi DAP pun dia tidak mahu, dia tidak mahu mengundi kerajaan itu satu pilihan dia, jangan paksa dia. Sebab itu tidak boleh kita mengadakan pendaftaran secara automatik kerana tidak mengundi itu juga merupakan hak demokratik seseorang individu.

Kemudian pendaftaran secara e-mail itu kita akan lihat perkara ini. Sekarang ini kita masih lagi mempunyai banyak masalah jadi kalau kita hendak membuat benda yang baru kalau dalam keadaan sekarang pun kita ada masalah, ini akan menimbulkan lagi banyak masalah. Untuk membetulkan sesuatu suasana yang sekarang ini tidak begitu sempurna biarlah kita selesaikan dengan cara yang ada sekarang ini dulu. Nanti buat benda yang baru lagi tidak sempurna. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya menamatkan soalan lisan untuk hari ini.

Ahli-ahli Yang Berhormat saya ada satu pengumuman. Dengan sedihnya saya ingin mengumumkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian bahawa Yang Berbahagia Datin Yasmin binti Abdullah iaitu isteri kepada Datuk Azmi Khalid, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri telah kembali ke rahmatullah pada jam 9.55 pagi ini. Sekian pengumuman saya.

USUL

MENJUNJUNG KASIH TITAH UCAPAN SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah:

“Bahawa suatu ucapan yang tidak sepertinya dipersembahkan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:-

“Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Rakyat Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Rakyat mengucapkan berbanyak-banyak syukur dan menjunjung kasih kerana Titah Ucapan Tuanku semasa membuka Penggal Kedua Parlimen Yang Kesebelas.” **[23 Mac 2005]**

Tuan Yang di-Pertua: Diminta Yang Berhormat Ipoh Timor menyambung semula perbahasan.

11.12 pagi

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebelum saya sambung semula saya mengucapkan takziah kepada Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri di atas pemergian Yang Berbahagia Datin Yasmin. Kita semua merasa sedih mengenai perkara ini.

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob] **mempengerusikan mesyuarat**]

Tuan Yang di-Pertua, semalam saya dalam

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat hendak bercakap berapa lama lagi? Boleh habis.

Tuan Lim Kit Siang: Tidak lama

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Okey.

Tuan Lim Kit Siang: Semalam sebelum saya akhiri saya ada membuat petikan, saya menyebut mengenai dengan izin "*the further backward you look, the further forward you can see*" dan sekiranya rakyat Malaysia tidak melupai kontrak sosial yang dipersetujui bersama oleh nenek moyang semua *community* sebagai asas negara kita yang diwujudkan pada 31 Ogos 1957 dan mewakili warisan Tunku bahawa Malaysia adalah sebuah negara demokratik, sekular dan berbagai-bagai agama di mana Islam diterima sebagai agama rasmi tetapi kita bukanlah sebuah negara Islam agar negara dan rakyat kita akan dapat mengelakkan penderitaan pembangunan negara hari ini.

Tunku misalnya, akan menyokong sepenuhnya kepada usaha menubuhkan Suruhanjaya Antara Agama. Dan dalam tempoh 2 bulan ini telah menarik berbagai jenis kritikan, tentangan dan respons-respons negatif, sehinggakan yang Amat Berhormat Perdana Menteri, dahulu mengambil satu pendirian yang menghampakan mengenai cadangan Penubuhan Suruhanjaya Antara Agama ini, iaitu supaya ianya ditangguhkan buat seketika masa.

Dalam suku abad pertama, kenegaraan kita dari 1957 ke tahun 1982, adalah sukar digambarkan bahawa idea Suruhanjaya Antara Agama ini, akan mencetuskan tentangan yang begitu kuat, kerana ianya memang sejajar dengan kontrak sosial merdeka, yang dipersetujui bersama dengan nenek moyang masyarakat utama negara ini yang telah termaktub dalam Perlembagaan Merdeka 1957, ialah bahawa Malaysia adalah sebuah negara demokratik, sekular dan pelbagai agama di mana Islam telah diterima sebagai agama rasmi tetapi kita bukan sebuah negara Islam.

Sebenarnya, semasa beliau menjadi Perdana Menteri dahulu, Tunku telah mengambil inisiatif dan menubuhkan suatu Majlis Antara Agama (*Inter-religious*

Organization), yang diterajui oleh seorang menteri kabinet. Tetapi masih tersebut dibiarkan tidak berfungsi lagi dalam tahun 1980an. Dan konsep sedemikian semakin dianggap sebagai sesuatu yang harus dikutuk oleh sesetengah pihak yang berkuasa dan berpengaruh.

Rakyat Malaysia harus berfikir secara mendalam sebab mengapa, Malaysia kini telah ubah pendekatan, pemahaman dan pentafsiran kontrak sosial merdeka yang dipersetujui bersama oleh nenek moyang kita yang merupakan batu asas pembinaan negara pada 31 Ogos 1957. Sikap ragu-ragu Yang Amat Berhormat, yang tadi pun beliau ada mengutarakan, untuk menyokong Suruhanjaya Antara Agama, tidak sejajar dengan semangat dan mesej ucapan pembukaannya yang bertajuk Dialog Kunci Perpaduan Masyarakat Pelbagai Agama, Kaum dan Budaya. Semasa merasmikan persidangan Majlis Gereja-gereja Sedunia di Kuala Lumpur pada bulan Ogos tahun lepas, di mana beliau ada menekankan, bahawa yang dipetik:

“Apa yang kita lebih perlukan hari ini adalah usaha yang bersepadu untuk mengadakan dialog antara agama. Kita harus bercakap sesama sendiri secara terbuka, mengenai isu-isu yang membawa kesan ke atas kehidupan kita. Semua, marilah kita berganjak daripada hanya bertelingkah mengenai perbezaan-perbezaan teologi dan amalan agama. Dialog yang bermakna tidak akan dapat diadakan sekiranya kita tidak menghormati kebebasan beragama masing-masing. Islam menerima kemajmukan dan kita diingatkan konsep ini menerusi surah Al-Quran *your religion to me, my religion.*”

Dengan pertembungan pelbagai agama utama sedunia di negara ini, Malaysia seharusnya menunjukkan teladan dialog antara bangsa, antara agama, antara tamadun pada masyarakat dunia. Tetapi apa yang kita lihat hari ini adalah kemunduran dan bukannya melangkah ke depan untuk menghadapi cabaran berkenaan.

Kenyataan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri bahawa Islam, merupakan perkara yang sensitif, adalah penting sungguhpun tidak sempurna, bukan *comprehensive*, kerana hak-hak keagamaan semua rakyat mestilah sama-sama dianggap sensitif. Dan negara ini tidak harus mengulangi kesilapan masa dahulu, di mana kesensitifan agama-agama lain tidak turut dijaga, antaranya contoh yang paling ketara adalah apabila kerajaan mengisytiharkan secara satu pihak, sembarangan dan

memutar belitkan Perlembagaan serta kontrak sosial merdeka bahawa Malaysia adalah sebuah negara Islam menerusi pengisytiharan 929.

Kesensitifan sesuatu masyarakat majmuk mestilah sentiasa dijaga, tetapi ianya janganlah dijadikan satu alasan untuk menghalang atau menyekat dialog antara agama yang merupakan satu-satunya asas berdaya maju untuk memupuk perpaduan nasional yang kukuh di semua negara yang mempunyai pelbagai agama seperti Malaysia. Kenyataan Pengerusi Suhakam, Tan Abu Talib Othman bahawa beliau tidak menyokong cadangan penubuhan Suruhanjaya Antara Agama sungguh mengejutkan khasnya apabila mengambil kira peranan beliau dalam tahun 1988, semasa Tun Saleh Abbas dipecat sebagai Hakim Negara.

Salah satu alasan yang dikemukakan oleh beliau sebagai Peguam Negara adalah bahawa Tun Salleh Abbas kurang sensitif terhadap sifat sekular Perlembagaan Malaysia. Laporan Tahunan Suhakam 2003, telah membentangkan respons kerajaan terhadap laporan yang dikemukakan DAP dalam tahun 2002 yang mendakwa bahawa pengisytiharan 929 oleh bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad secara satu pihak sembarangan dan melanggar Perlembagaan di Persidangan Perwakilan Nasional Gerakan pada 29 September 2001 telah melanggar secara serius perlembagaan dan hak-hak asasi manusia, sesuatu yang sungguh mengejutkan dan tidak dapat dipertahankan dari segi undang-undang Perlembagaan dan tidak akan dapat diterima oleh sebenarnya Tan Sri Abdul Talib sekiranya, beliau *consistent* dengan hujah-hujahnya di depan Tribunal Kehakiman tahun 1998 sebagai justifikasi memecat Tun Salleh Abbas dan didakwa sebagai tidak sensitif terhadap sifat sekular Malaysia.

Saya pernah bertanya sama ada tindakan Tan Sri Abdul Talib yang menentang Penubuhan Suruhanjaya Antara Agama ini sama ada dalam bentuk berkanun atau tidak merupakan pendirian Suhakam yang diambil secara rasmi dalam mesyuarat Pesuruhjaya Suhakam atau hanya merupakan pandangan peribadi beliau, dan saya masih menunggu jawapan daripada beliau.

Saya pasti bahawa penentangan terhadap cadangan Suruhanjaya Antara Agama tidak akan begitu kuat sehinggakan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri perlu meminta supaya cadangan berkenaan ditangguhkan buat sementara waktu. Kalau bukan kerana Pengisytiharan 929 oleh bekas Perdana Menteri pada 29 September

2001, dengan sembarangan yang mengucapkan Malaysia sebagai sebuah negara Islam, yang seterusnya mengubah secara tonik proses pembinaan negara kita.

Saya difahamkan, ini ada didesakkan oleh Yang Amat Berhormat tadi bahawa penganjur Persidangan Antara Agama selama dua hari di Bangi bulan lepas telah menghantar cadangan Rang Undang-undang Suruhanjaya Antara Agama kepada Perdana Menteri, Timbalan Perdana Menteri, Menteri-menteri Kabinet utama dan Peguam Negara. Satu jawatankuasa pilihan Parlimen mengenai dialog antara agama, dan antara tamadun haruslah ditubuhkan sebagai badan mengkaji cadangan-cadangan yang dikemukakan dalam Rang Undang-undang Suruhanjaya Antara Agama berkenaan.

Dan kalau ada sesiapa yang membaca dan semak satu cadangan draf rang undang-undang mengenai Interfaith Commission Malaysia (ICM) ini, akan didapati bahawa tidak ada apa-apa peruntukan di mana memberi kuasa kepada Suruhanjaya yang dicadangkan ini, mengadakan kuasa undang-undang untuk mencampuri apa-apa urusan agama. Peranan Suruhanjaya itu ialah untuk membuat penasihat untuk berunding sebagai Fasal, 4 - Functions of the Commission ialah: -

- (a) *advance, promote, protect every individual freedom of thought, conscience religion;*
- (b) *identify values and ethical standards universal to all religions, faiths, beliefs, and ways of life with a view to promoting the same;*
- (c) *identify and recommend ways in which harmonious interfaith coexistence in a larger society can be promoted and achieved with a view to national harmony and unity;*
- (d) *receive, address and make recommendations in respect of complaints or grievances brought by persons, bodies or organizations in connection with the individuals of the right to profess and practice his religion or faith of choice;*
- (e) *advance, promote and foster mutual respect, understanding, dialogues, and harmonious coexistence within the Malaysian society;*

- (f) *manage and resolve peacefully the conflicts generated by religious and any differences and to remove the roots of all violence committed in the name of religion and faith;*
- (g) *promote awareness of and to educate in relation to the religious and faiths professed and practice in Malaysia particularly and in the world generally;*
- (h) *advise and assist the government in formulating legislation and administrative directives and procedures and recommend necessary measures to be taken where appropriate;*
- (i) *recommend the government with regard to the subscription or accession of treaties and other international instruments in the field of religious harmony;*
- (j) *inquire into complaints regarding infringement. of religious harmony;*
- (k) *promote conciliation, resolve tension between persons or groups of persons who have any differences or disputes affecting or touching religious harmony.*

Itulah yang dicadangkan, tidak ada apa-apa kuasa undang-undang untuk campur urusan apa-apa agama dan itu functions and the powers of the commission:

- (a) *to promote awareness of the tenets and beliefs of the diverse religions and faiths of the world and to undertake research by conducting programmes, seminars, and workshops and to disseminate and distribute the results of such research;*
- (b) *to advice the government and/or the relevant authorities of complaints such authorities and recommend to the government and all such authorities appropriate measures to be taken;*
- (c) *to approach the Prime Minister or the Federal Parliament or the Chief Minister or the State Legislative. Assembly of any state with regard to any matter relating to the exercising of his powers or the performance of his duties and functions;*

- (d) *to apply to any court including any Syariah Court or another educatory body to apply however constituted or leave to act as a friend of such court or educate or to educatory body and to appoint advocates and solicitor. to represent the commission and to present legal submission as friends of such court or to educatory body;*
- (e) *to study and verify any infringement of religious harmony in accordance to the provisions of this Act;*
- (f) *to visit any place in accordance to procedures if any, as prescribed in the law and to make necessary recommendations to promote religious harmony;*
- (g) *to issue public statements on infringements of religious harmony or on anything touching on religious harmony as and when necessary;*
- (h) *to hold inquiries on issues touching on religious harmony;*
- (i) *to resolve any dispute or ratify any act omission emanating from or constituting an infringement of religious harmony by means of mediation, negotiation, or consolation, and finally to undertake any other appropriate activities as are necessary in accordance to the written laws enforced in any relation to such activities.*

Tidak boleh dinafikan kalau suatu cadangan semacam ini ada dikemukakan, takkan kata tahun 50-an, tetapi 60-an, 70-an, 80-an atau 90-an pun tentulah ini dianggap sebagai sangat wajar, sangat baik dan tidak menentang dan tidak bercanggah dengan perlembagaan.

Tetapi sekarang kenapa ada fikiran yang menentang begitu kuat sehingga ada seorang menteri Kabinet yang berkata bahawa ialah bercanggah dengan perlembagaan. Suruhanjaya antara agama bercanggah perlembagaan? Datuk Abdullah Mohd. Zain Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri. Adalah seorang menteri yang kata inilah '*milestone event*' Dr. Rais Yatim, satu '*milestone event*'- *Conference of milestone event*' that attempted to bring together diverse, religious groups in a bid to strengthen interactions among the religious faiths.

Adakah kita sampai satu tahap di mana kalau *an inter-religious organization* yang ada ditubuhkan oleh Tunku Abdul Rahman semasa dalam tahun 60-an, kalau cadangan itu dibuat sekarang, ia dianggap sebagai bercanggah dengan perlembagaan? Adakah satu *see change*, satu *tectonic* dalam persepsi mengenai landasan negara ini. Kenapa berlaku? Inilah saya rasa sangat mustahak dan itulah yang kalau ini dibenarkan, masalah-masalah kecil-kecil tetapi bersabit dengan hak-hak setiap individu akan berlaku.

Tadi saya cadangkan bahawa ada satu Jawatankuasa Pilihan Parlimen untuk menangani masalah ini dan Jawatankuasa Pilihan Parlimen berkenaan juga pun boleh menjadi satu forum yang paling sesuai untuk menguruskan perihal kempen yang dilancarkan semasa semalam.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Kubang Kerian bangun.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Ya, okey. Saya mahu habiskan ini.

Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Ipoh Timor. Satu soalan pendek sahaja, sejauh yang Yang Berhormat bagi Ipoh Timor telah mengkaji dan melihat tentang kandungan suruhanjaya ini, siapakah yang bakal menduduki suruhanjaya ini? Orang yang paling layak untuk menduduki suruhanjaya ini yang Yang Berhormat bagi Ipoh Timor telah mendedahkan yang mereka ini berhak untuk memberikan nasihat, berhak untuk memberikan pandangan mereka, mengkaji pandangan antara agama ini. Siapakah mereka ini? Terima kasih.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Oleh sebab tugas dan tujuan Suruhanjaya ini adalah untuk memupuk *Inter-Faith*, persefahaman *Inter-Faith* tentulah wakil-wakil daripada pelbagai agama yang ada di negara kita supaya mereka ada satu forum, satu *avenue* untuk mencapai matlamat itu. Kuasa pilihan Parlimen ini yang tadi saya ada cadangkan, merupakan satu forum yang paling sesuai untuk menguruskan perihal kempen yang dilancarkan dua hari dahulu oleh 50 NGO dan 236 individu yang disokong oleh parti-parti politik dan Ahli-ahli Parlimen membantah *moral policing* dari kerajaan dan untuk menghapuskan peruntukan-peruntukan dalam Kanun Keseksaan serta undang-

undang agama dan tempatan yang menafikan hak persendirian dan kebebasan bersuara rakyat Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, semalam atau dua hari dahulu, Yang Amat Berhormat ada buat lagi satu ucapan yang boleh dikatakan baik di mana beliau ada membuat seruan mengenai betapa penting untuk jenamakan Malaysia dengan menghebahkan kejayaan negara kepada dunia bahawa negara Malaysia adalah satu negara yang menekankan kepada mutu, keselamatan, perkhidmatan dan kecekapan, dan beliau ada membuat rungutan bahawa sampai sekarang adalah persepsi yang salah, yang silap yang begitu berleluasa mengenai Malaysia sehingga mengenai dan dia kata mungkin ini adalah kegagalan kerajaan untuk menghebohkan atau pihak semua *state holders* di Malaysia untuk menghebohkan mengenai kejayaan Malaysia serta memanfaatkan potensi untuk memasarkan dan memantapkan jenama Malaysia dengan berkesan. Dia berkata bahawa Malaysia ialah dengan izin *secret ethnic should be discovered*.

Sebenarnya cara yang terbaik sekali untuk *rebrand, brand*, menjenamakan Malaysia ialah untuk Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk menunaikan jaminan-jaminan, *pledge-pledge* beliau bahawa negara Malaysia akan menjadi sebuah negara yang bersih, yang tidak *corrupt*, yang di mana ada pentadbiran yang cekap, *accountable*, demokratik dan berorientasi rakyat. Inilah kalau boleh dilaksanakan tentulah satu *brand* Malaysia akan masyhur dalam dunia dan sebab itu bahawa dalam Malaysia apa yang diutamakan ialah keunggulan, *meritokrasi, powering achievement* dan bukan *mediocrity* di mana kita boleh membanteras sikap *first world infrastruktur* dan *third world mentality* dan digantikan dengan *first world infrastruktur* dan *first world mentality*. Dan sebab itu sama ada kita berjaya untuk menjenamakan Malaysia ialah ujian Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri dan saya akan cadangkan bahawa untuk menunjukkan keseriusan beliau dalam usaha ini, dia patut buat persediaan untuk kemukakan satu kertas putih di Parlimen.

Pada ulang tahun yang ke-2, beliau menjawat sebagai Perdana Menteri yang ke-5 dan dibentang di Parlimen ini pada 31 Oktober mengenai program-program pencapaian-pencapaian satu prestasi *reform* beliau mengenai politik, sosial, ekonomi, pendidikan dan kerajaan. Sebenarnya pada seratus hari pertama beliau, saya rasa saya sangat menggalakkan apabila beliau ada buat satu cadangan. Di masa itu mengenai

betapa perlunya Malaysia adakan satu revolusi pendidikan, satu *education revolution* dalam dialog beliau dengan NEAC, *National Economic Action Council* dengan tokoh-tokoh korporat, ahli-ahli profesional, ahli-ahli *academician* ialah diadakan pada 13 Januari 2004, bahawa usaha untuk mencapai satu sistem pendidikan yang bertaraf dunia, perlulah satu *education revolution* supaya kita boleh mengeluarkan modal manusia yang berbakat atau *talented human capital* dalam satu alam global yang makin *competitive*.

Beliau ada tanya sama ada sistem pelajaran yang kita ada sekarang, ada berjaya untuk melengkapi generasi yang baru untuk menghadapi cabaran-cabaran global dan *competitive* ini. Tetapi, sungguhpun kita masa itu rasa ini satu pendirian yang sangat baik, dan membayangkan satu revolusi *education* yang akan dibawa oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, tetapi nampaknya tiada apa-apa tindakan yang berikuit. Sebenarnya, selepas itu apabila Kabinet bermesyuarat dan semua mengharapkan satu pengumuman yang penting bagaimana revolusi *education* yang akan dilancarkan. Masa itu Menteri Pendidikan, Tan Sri Musa, beliau keluar dari mesyuarat Kabinet dan berkata bahawa perkara ini langsung tidak pernah dibincangkan.

Oleh kerana pengumuman Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengenai *education revolution*, tidak bererti bahawa akan adalah satu program *education revolution* dan sebenarnya bahawa dalam empat tahun beliau menjadi Menteri Pendidikan sudah ada *education revolution* bukan sahaja dalam empat tahun ada *education revolution*, dalam satu dekad sebelum itu sudah ada *education revolution* yang menunjukkan bahawa pengumuman yang penting itu tidak ada bererti, tidak ada bermakna. Ini semua kita ambil perhatian, kita sekarang ada seorang Menteri Pendidikan yang baru dan saya tidak tahu sama ada beliau akan *average* seruan *education revolution* yang ada dibuat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam bulan Januari 2004, tetapi ini mustahak oleh kerana kualiti sistem *education* akan menentukan masa depan negara kita.

Pada bulan Disember, Menteri Pendidikan nampaknya begitu gembira dan Kabinet nampaknya begitu puas hati dengan pencapaian pelajar-pelajar Malaysia dalam satu *test* antarabangsa ialah *Trends In International Mathematics and Science Study (TIMMS)* 2003 yang melibatkan 46 negara dan *ranking* Malaysia ialah untuk Matematik

ke-10 dan untuk Sains ke-20, di mana pelajar-pelajar Malaysia dapat skor yang lebih baik daripada beberapa negara yang membangun termasuk Australia, United Kingdom, United States, New Zealand dalam Matematik dan dalam Sains macam Norway dan Itali. Tetapi apa yang mustahak ialah kenapa kita tidak boleh mendapat prestasi yang lebih baik. Sungguhpun kita perlu puji 5,314 pelajar-pelajar Malaysia yang ada ambil kaji selidik itu untuk Form 2 atau gred tahun 8 dalam *terms* 2003 oleh kerana mendapat skor purata ialah untuk Matematik ialah 508, yang lebih tinggi daripada *International average* 466 dan untuk Sains pelajar-pelajar Malaysia dapat *average* skor ialah 510, yang lebih tinggi daripada *International average* 473.

Tetapi, kita tidak boleh berpuas hati sahaja sehingga kita mencapai tahap digolongkan dalam terbaik kelima-lima negara di dunia. Oleh kerana kesemua lima-lima negara yang terbaik ialah negara-negara Asia yang menguasai dan yang mendapat tempat yang terbaik sekali. Saya berharap bahawa Kementerian Pendidikan ada buat satu analisis kenapa kita, sungguhpun ada dapat gred yang agak berpuas hati, tetapi tidak disifatkan sebagai cemerlang. Saya ada kepentingan sendiri dalam perkara ini, kerana dalam tahun 1956, saya ada *email* kepada penganjur-penganjur TIMMS ialah *Netherlands-based International Association For the Evolution of Education Achievement - IEA* mengenai Malaysia mengambil bahagian dalam *test* itu. Selepas itu saya ada mencadangkan kepada Menteri Pendidikan masa itu, sekarang Timbalan Perdana Menteri bahawa Malaysia patutlah mengambil bahagian dalam TIMMS sebab berjalan empat tahun sekali, dan sudah berjalan sebanyak tiga kali.

Saya sangat gembira bahawa cadangan ini ada diterima dan kita sekarang ini tengok *result* bagaimana standard Malaysia dalam Maths dan Sains dan boleh dibandingkan dengan negara yang lain. Ada dua jenis test, iaitu *eight-grade* dan *form 2*. Saya harap satu laporan analisis yang dibuat oleh Kementerian Pendidikan ada dibuat dan boleh dikemukakan dalam Parlimen ini. Tetapi saya mahu tahu apakah harapan kita. Oleh kerana dalam lima negara yang dapat kedudukan yang terbaik sekali untuk *eight-grade* untuk Maths ialah:

Bil	Negara	Markah
1.	Singapore	605
2.	South Korea	589

3.	Hong Kong	586
4.	Taiwan	585
5.	Japan	570

Untuk Sains, lima yang tertinggi dan terbaik sekali ialah:

Bil	Negara	Markah
1.	Singapore	578
2.	Taiwan	571
3.	South Korea	558
4.	Hong Kong	556
5.	Estonia & Japan	552

Kalau kita tidak boleh masuk dalam golongan lima yang terbaik sekali, sekurang-kurangnya nombor enam. Tetapi, nampaknya tidak ada sebutan mengenai prestasi kita untuk Tahun empat, pelajar-pelajar untuk sekolah rendah. Ini satu ketinggalan, saya harap Yang Berhormat Menteri Pendidikan boleh beri penjelasan oleh kerana dalam *test* untuk Tahun empat ini, gred *four* untuk sekolah rendah pun *top five*. Semua negara-negara Asia bagi *top five* mata pelajaran Maths:

Singapura - 594

Seorang Ahli: [*Menyampuk*]

Dr. Mohd. Hayati bin Othman: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr.Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Pendang bangun.

Tuan Lim Kit Siang: Biar saya habiskan yang ini dahulu.

Bil	Negara	Markah
2.	Hong Kong	575
3.	Japan	565
4.	Taiwan	564
5.	Belgium	551
6.	International Average	495

Dan, top five untuk Sains:

Bil	Negara	Markah
1.	Singapore	565
2.	Taiwan	551
3.	Japan	543
4.	Hong Kong	542
5.	England	540
6.	International Average	489

Apakah kita *ranking* Malaysia dalam kaji selidik ini mengenai murid-murid untuk Tahun Empat dalam sekolah rendah.

Dr. Mohd. Hayati bin Othman [Pendang]: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Pendang.

Tuan Lim Kit Siang: Ya

Dr. Mohd. Hayati bin Othman: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Ipoh Timur. Saya hendak tanya berhubung dengan kaji selidik TIMMS ini. Apakah Yang Berhormat berpandangan bahawasanya negara-negara yang berada dalam top *five*, iaitu Jepun, Taiwan, Hong Kong dan juga Korea, apakah bahasa-bahasa yang mereka pelajari Sains, dan juga Matematik menyebabkan mereka berada di top *five* itu? Maksudnya Jepun dengan bahasa Jepun, Korea dengan bahasa Korea dan juga Taiwan dengan bahasa dia. Apakah ini yang mempengaruhi menyebabkan mereka mendapat top *five* di atas ini. Terima kasih.

Tuan Lim Kit Siang: Ya, terima kasih. Sebenarnya itu ialah satu isu yang kita patutlah ambil iktibar daripada negara-negara ini, oleh kerana dalam negara kita adalah kontroversi mengenai memperkenalkan penggunaan bahasa Inggeris untuk darjah 1 di semua sekolah kebangsaan dan Sekolah Jenis Kebangsaan Tionghoa dan Tamil. Satu langkah yang boleh disifatkan sebagai dengan izin, *educationally unsound*, itulah satu *compromise* politik bukan satu cadangan *education*, dan sebenarnya saya kluatir bahawa taraf pencapaian murid-murid kita akan jatuh oleh kerana cadangan itu, dan kita

sebenarnya pada tahun 2002 ada cadangan untuk memperkenalkan cadangan ini untuk memperkenalkan penggunaan bahasa Inggeris untuk mengajar Matematik dan Sains darjah satu. Kita ada mencuba untuk tarik perhatian pihak berkuasa pendidikan mengenai kajian yang begitu menyeluruh, mendalam di dunia, bahawa cara yang terbaik ialah menggunakan *language* pertama atau bahasa ibunda untuk tahun pertama.

Oleh kerana masa itu ialah peringkat apa kita boleh kata ialah untuk menguasai *skill* pemikiran, *learning skill* tahun yang pertama, tahun yang kedua ialah untuk menguasai *learning skill*, dan cara untuk menguasai *learning skill* ialah mengikut bahasa ibunda, selain daripada dalam keluarga beliau ialah ada bahasa Inggeris menjadi bahasa keluarga itu *separate method*, tetapi kalau tidak kita tukar kepada bahasa ibunda, itu sebenarnya sudah menjadi tajuk semua pendidikan, kalau pendidikan tidak ada, kalau *skill* pemikiran belum berkembang dan dipaksa menggunakan *language* yang kedua bukan *language* yang pertama atau *language* sendiri, tentulah akan menghalang pertumbuhan pemikiran dan pun menguasai subjek-subjek sama ada *Maths*, Sains atau Bahasa. Dan ini kita boleh dapat dalam semua *researcher* dan saya percaya Kementerian Pendidikan Malaysia tentu tahu mengenai *research* yang ada dibuat khususnya oleh pakar-pakar seperti 'J. Cummings, Ann Swan, Saville Tricky dan Armstrong', dengan izin yang menunjuk dengan izin, *a unilateral, a unitary connective academic proficiency*, ialah *thinking skills, under lying all language performance's and it may be expressed through either the first language [L1] or the second language [L2]* tetapi *the thinking skills are developed primarily through the L1 in the earlier years and may then be transferred to and expressed in L2 later and if the learners' L1 remains undeveloped, then so does the learners' thinking skills* dan akhirnya *where the learners attempts to acquire the L2, language two and pursue studies through the medium of the language two that learner will bring lower thinking skills to the task and to their disadvantage.*

Semua kajian ini menunjukkan bahawa seorang pelajar yang menggunakan dan mengembangkan *language* pertama yang dahulu dan kemudian bergerak untuk menguasai *language* yang kedua akan dapat kemahiran, pencapaian, *proficiency* yang lebih tinggi sama ada dalam Bahasa, *Maths* atau Sains dan ini semua ada ditunjukkan di dalam result.

Semua pemenang *Nobel prize* mengenai sains daripada Asia sama ada China, Jepun atau India, kebanyakan mereka mendapat pendidikan rendah dalam bahasa ibunda termasuk ada antara mereka yang masuk sekolah menengah pun dalam bahasa ibunda mereka, oleh kerana *skill* pemikiran sudah matang apabila mereka belajar bahasa Inggeris sangat senang dan kalau kita tengok top Asian school selain daripada Singapura, Singapura itu *unacceptation*, Jepun, *South Korea*, Taiwan dan China pun ikut bahasa sendiri.

Masalah di sini kita bukan menentang masalah penguasaan bahasa Inggeris - mustahak dalam era globalisasi dalam cabaran ICT, tetapi apa cara yang terbaik sekali untuk menguasai sama ada Inggeris, *Maths* dan Sains. Saya rasalah bahawa sepatutlah kerajaan dan Kementerian Pendidikan mengadakan suatu kajian yang mendalam mengenai rancangan menggunakan bahasa Inggeris untuk mengajar *Maths* dan Sains bermula darjah satu dan khasnya untuk SRJKC yang dipaksa untuk ada lebih kelas daripada sekolah-sekolah yang lain ada 50 kelas sehari dengan 2-4-3 formula dan kalau tidak boleh diubah, saya cadang bahawa 2-4-3 sembilan kelas yang baru semua digunakan untuk diajar Inggeris apa yang mustahak ialah *learning skill*

Stage yang kedua barulah mengenai *Maths* dan Sains dan saya harap ini diberi perhatian yang mendalam kalau tidak kita akan mengikut apa yang berlaku di *South Africa*, *South Africa* dalam *teams survey*, tahun 1995, tahun 1999 dan baru-baru ini 2003 untuk *Maths* dan Sains - Afrika Selatan terendah, *bottom of the list* dan satu sebab ialah mereka menggunakan bahasa Inggeris terlalu awal untuk mengajar pelajar-pelajar mereka, sungguhpun ini bukanlah bahasa ibunda, sungguhpun ini bukan bahasa keluarga mereka dan akibatnya ialah *South Africa bottom of the list*, kita tidak mahu ini berlaku dan saya harap bahawa inilah boleh ambil keseriusan pihak kementerian.

Tuan Yang di-Pertua: Ipoh Timor, Gombak bangun.

Tuan Lim Kit Siang: Ya.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Gombak, sila.

Datuk Dr. Rahman bin Ismail [Gombak]: Terima kasih, Yang Berhormat Ipoh Timor. Saya bersetuju dengan banyak pandangan yang telah diutarakan oleh Yang Berhormat Ipoh Timor, tetapi bukankah lebih baik seperti mana yang dicadangkan tadi kalau kita memperkuatkan *learning skill, learning skill, thinking skill whatever it is* untuk

memperkuat lagi kita punya pembelajaran bahasa dan untuk kita meningkatkan penguasaan komunikasi kita, di samping itu juga kita memperkuat lagi dengan pembelajaran mata pelajaran Matematik dan Sains dalam bahasa Inggeris, kita boleh menyediakan insan ataupun manusia yang bukan sahaja diperbaiki dari segi *learning skill*, *skill* komunikasi tetapi juga bersedia di dalam pembelajaran ilmu teknologi di dalam bahasa Inggeris di peringkat yang lebih awal, maknanya ada *complimenting*, usaha-usaha yang bersama iaitu kita tahu bahawa kalau kita ingin meningkatkan bahasa Inggeris bukan sahaja dengan cara belajar Matematik dalam bahasa Inggeris atau belajar Sains dalam bahasa Inggeris, tetapi juga harus kita tingkatkan cara-cara ataupun perkara-perkara yang harus dipertingkatkan untuk memperbaiki pembelajaran komunikasi ini.

Tuan Lim Kit Siang: Ya, saya setuju kita bincang mengenai murid-murid darjah satu, dua, tiga bukanlah pelajar-pelajar di sekolah menengah, pelajar-pelajar di darjah satu, dua, tiga di mana mereka belum ada *develop thinking skills* dan kalau perlu menggunakan selain daripada bahasa ibunda, menggunakan bahasa yang kedua, Inggeris atau apa-apa, bahasa kedua sebelum matang bahasa yang pertama perlu menggunakan bahasa yang kedua untuk belajar menggunakan dalam mata pelajaran *Maths* dan Sains.

Untuk mereka yang sangat pandai, itu bukan masalah tetapi untuk majoriti mereka akan menghadapi kerumitan selain daripada dua alternatif. Di rumah keluarga mereka itu bahasa kedua menjadi bahasa yang biasa, *family language* atau yang kedua dalam sekolah tukar bahasa pengantar. Kembali kepada *English school*, kepada *English* sebagai pengantar supaya semua majoriti pelajar atau murid-murid peringkat Darjah Satu dan Dua boleh *develop language skill* mereka. Kalau tidak, majoriti akan menjadi mangsa. Dan itulah bukan satu *educational solution*, itu *political solution*, sebab itu semalam saya kata bahawa kita perlu *depoliticize* pendidikan. Ini adalah satu contoh.

Bukan kita menentang penguasaan bahasa Inggeris, bukan kita mahu anak-anak kita dapat *result* yang baik dalam subjek *Maths* dan *Science* ialah cara yang terbaik sekali. Kita tidak menggunakan cara politik untuk selesaikan masalah pendidikan. Itu satu contoh.

Yang kedua ialah apa yang dua hari dahulu kita ada bincang mengenai masalah menubuhkan SJRK(C) yang baru mengikut keperluan oleh kerana sudah bertambah pelajar-pelajar, itu adalah *education issue*. Jangan kita *mix* dia, campur-aduk dengan isu-isu yang lain dan *depoliticize* isu itu supaya kalau ada *need* atau keperluan, kita tubuh, bina sekolah-sekolah yang baru untuk SRJK(C). Kenapa kita tidak boleh terima hakikat ini kalau kita mahu *depoliticize* isu ini.

Saya harap akhirnya mengenai perkara ini bahawa pemimpin-pemimpin dan menteri-menteri UMNO jangan juga *happy* untuk tuduh mereka yang mahu anak-anak mereka pergi SRJK(C) sebagai tidak taat setia, tidak cinta negara, oleh kerana kalau begitu *mixed issue*, persoalan yang akan timbul ialah ada sesetengah pemimpin termasuk menteri-menteri UMNO sendiri nampaknya tidak menaruh kepercayaan terhadap sistem pendidikan negara oleh kerana anak-anak mereka tidak dihantar ke sekolah nasional. Anak-anak mereka dihantar ke sekolah-sekolah antarabangsa, *international school* di negara kita atau di luar negeri. Sebab itulah kita perlu dalam perkara ini *depoliticize* isu pendidikan untuk kebaikan dan kesejahteraan anak kita.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya isu yang akhir ialah mengenai PEREMA. Parlimen Malaysia telah menarik perhatian masyarakat antarabangsa kerana satu usul di atas nama Pengerusi Caucus Parlimen Malaysia mengenai demokrasi di Myanmar. Atas nama Yang Berhormat bagi Kota Bharu yang juga merupakan Pengerusi Caucus Myanmar antara Parlimen ASEAN atau *ASEAN Inter-Parliamentary Myanmar Caucus* telah dikemukakan kepada mesyuarat Parlimen kali ini bahawa Myanmar tidak harus diberi peluang mengambil alih sebagai Pengerusi ASEAN dalam tahun 2006 melainkan wujudnya pendemokrasian yang bermakna di Myanmar termasuklah pembebasan Ketua Pembangkang dan Pemenang Anugerah Kebebasan Nobel Aung San Suu Kyi serta lain-lain tahanan politik.

Masa telah sampai untuk semua Parlimen ASEAN serta Ahli-ahli Parlimennya khasnya dari lima negara anggota pengasas iaitu Indonesia, Filipina, Thailand, Singapura dan Malaysia supaya kepimpinan antarabangsa dan serantau atas isu demokrasi di Myanmar diberikan dengan merangka satu pendirian kuat bersama semua Parlimen ASEAN supaya Myanmar tidak diberi peluang mengambil alih sebagai Pengerusi ASEAN dalam tahun 2006 sekiranya junta tentera Myanmar tidak bersedia

untuk menunaikan janji-janji serta obligasi-obligasi kemasukannya ke dalam ASEAN dalam tahun 1997 iaitu membebaskan Aung San Suu Kyi serta lain-lain tahanan politik dan melaksanakan pendemokrasian yang bermakna dahulu.

Dalam lapan tahun yang lepas ASEAN tidak dapat menunjukkan apa-apa hasil mengenai dasar *constructive engagement* terhadap junta tentera Myanmar yang merupakan alasan yang digunakan untuk menerima masuk Myanmar ke dalam badan serantau ini. Junta tentera Myanmar telah memungkiri janji-janji yang dibuatnya selama ini sama ada janji kepada Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, Organisasi Biro Antarabangsa (ILO) ASEAN, pendapat masyarakat antarabangsa dan serantau mengenai usaha perdamaian nasional serta pendemokrasian demi mengakhiri kebuntuan politik di Myanmar.

Aung San Suu Kyi kini masih berada di bawah tahanan hampir dua tahun selepas Mesyuarat Menteri-menteri Luar ASEAN yang diadakan di Phnom Penh dalam bulan Jun 2003 yang menyeru supaya beliau dibebaskan dan pada masa itu telah dijanjikan oleh Menteri Luar Myanmar pada masa itu, Win Aung. Persidangan Perlembagaan Nasional (*Constitutional of Convention*) yang banyak kali ditangguhkan dan akhirnya diadakan lagi semula pada hujung bulan lepas di Yangon dan dihuraikan mungkin sebagai satu usaha merangka perjanjian yang mengambil masa paling panjang dalam sejarah manusia sejak permulaan proses berkenaan dalam tahun 1991 merupakan taktik pemalsuan atau *sham of sham* yang dimainkan oleh junta tentera Myanmar sejak 14 tahun ini.

Persidangan Nasional yang kononnya langkah pertama peta (*road map*), tujuh langkah menuju demokrasi yang dikemukakan oleh junta berkenaan langsung tidak mempunyai legitimasi atau kredibiliti sama ada pada peringkat nasional serantau atau antarabangsa memandangkan:

- (i) para perwakilan persidangan yang diadakan pada bulan Mei lepas sama seperti tahanan dalam rumah dan diancam dengan hukuman penjara 20 tahun sekiranya mengkritik junta tentera berkenaan;
- (ii) *National League For Democracy Shan Nationality League For Democracy* dan *Shan State For Kang Democratic Party*,

semuanya dihalang dari menyertai persidangan berkenaan. Di samping itu parti-parti politik yang memenangi sejumlah lebih daripada 91% dari kerusi Parlimen di dalam Pilihan Raya Umum 1990 juga melancarkan gerakan boikot persidangan berkenaan;

- (iii) satu lagi arus tindakan keras telah diadakan di mana pemimpin-pemimpin NLD seperti Aung San Suu Kyi dan U Tin Oo dipanjangkan tempoh tahanan mereka. Gerakan penahanan baru yang termasuk Pengerusi *Shan National League For Democracy*, U Kun Tun Oo serta lebih dari 1,300 tahanan politik di dalam negara berkenaan. Saya mengalu-alukan kenyataan-kenyataan yang telah dibuat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri atas isu ini kebelakangan ini.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah berkata di Islamabad bulan lepas bahawa pemerintahan tentera Myanmar perlulah menjelaskan secara lebih mendalam apakah rancangan mereka untuk membolehkan demokrasi di samping menunjukkan tindakan yang jelas demi meyakinkan rakan-rakan di Asia Tenggara, sementara Timbalan Perdana Menteri pula menyuarakan harapannya semua Myanmar akan melaksanakan pembaharuan demokrasi sebelum Sidang Kemuncak ASEAN yang akan berlangsung di Kuala Lumpur pada bulan Disember tahun ini. Kerajaan Malaysia serta Kerajaan ASEAN yang lain haruslah menghormati hak dan peranan Parlimen serta Ahli-ahli Parlimen mereka yang berusaha atas rangkaian ASEAN dalam kerja-kerja pendemokrasian di Myanmar serta memastikan bahawa Myanmar tidak akan menjadikan satu beban serantau dan antarabangsa bagi ASEAN secara umumnya dan setiap anggota ASEAN secara khasnya sehingga merosakkan perhubungan di antara badan serantau ini dengan dunia antarabangsa.

Sejak Caucus Myanmar antara Parlimen ASEAN ditubuhkan, bengkel mengenai demokrasi di Myanmar di Kuala Lumpur anjuran caucus mengenai demokrasi di Myanmar pada 26 hingga 28 November 2004, caucus-caucus yang sama telah ditubuhkan di Indonesia dan negeri Thai dan caucus oleh Parlimen Filipina juga dijadualkan akan ditubuhkan bulan depan. Mesej yang jelas harus disampaikan oleh

Parlimen Malaysia dan lain-lain Parlimen ASEAN kepada Myanmar serta Kerajaan-kerajaan ASEAN yang lain bahawa sekiranya tidak wujud pendemokrasian yang bermakna di Myanmar termasuk pembebasan Aung San Suu Kyi dan lain-lain tahanan politik, maka Myanmar tidak berhak mengambil alih sebagai Pengerusi ASEAN bagi tahun 2006 dan mesej jelas ini haruslah disampaikan khasnya kepada Menteri-menteri Luar ASEAN yang akan mengadakan *Retreat* di Sebu, Filipina awal bulan depan.

Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-Ahli Yang Berhormat, bagi membolehkan lebih ramai rakan kita dapat diberi peluang mengambil bahagian dalam perbahasan ini, mulai sekarang saya terpaksa mengehendakan masa. Untuk seorang ahli berucap, saya benarkan tidak lebih daripada setengah jam. Yang Berhormat bagi Beluran, silakan.

12.10 tgh.

Datuk Ronald Kiandee [Beluran]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi peluang untuk turut serta membahaskan usul yang kita sedang bahaskan sekarang ini. Dua bulan lalu, saya menonton berita TV3 dan di dalam berita tersebut ada satu segmen laporan khas mengenai sebatang jalan raya – lapan kilometer di kawasan Yang Berhormat bagi Paya Besar dalam negeri Pahang yang dikatakan keadaannya teruk, tidak berturap dan amat mengganggu masyarakat setempat dan tidak menyenangkan masyarakat setempat. Pemberita TV3 tersebut memberi komen bahawa keadaan jalan yang begitu teruk – lapan kilometer yang tidak berturap begitu teruk tidak harus wujud dalam negara Malaysia yang sedang pesat membangun.

Tuan Yang di-Pertua, saya tersentak kerana lapan kilometer dikatakan jalan yang teruk yang tidak harus wujud di negara kita lagi. Tapi hakikat yang sebenarnya bukan sahaja lapan kilometer jalan yang tidak berturap di negeri saya, negeri Sabah malah ribuan kilometer tidak berturap. Ada jalan yang tidak berbatu langsung masih merupakan jalan tanah merah. Kalau kita lihat ini merupakan contoh pembangunan yang tidak seimbang yang berlaku sejak Rancangan Malaysia Pertama hinggalah ke Rancangan Malaysia Kesembilan yang jelas nampak ketidakseimbangannya, ketidaksamaratanya di negeri Sabah dan mungkin juga di negeri Sarawak.

Saya sedih kerana dikatakan lapan kilometer sebagai jalan yang tidak harus wujud lagi tapi dalam keadaan yang sebenarnya, Sabah masih terlalu panjang jalan yang tidak berkerikil ini, tidak berturap, jalan yang masih bertanah merah kerana dalam keadaan yang sebenar juga pembangunan-pembangunan yang lain jika dibandingkan di Semenanjung ini dengan di negeri Sabah masih jauh perbezaannya. Jalan berturap di Sabah hanya 42.9% sedangkan di Semenanjung Malaysia sudah melebihi 95%. Liputan bekalan air dan bekalan elektrik di luar bandar hanya 56% sehingga tahun 2003 di negeri Sabah sedangkan 100% bagi negeri-negeri di Semenanjung Malaysia. Liputan bekalan air bersih di luar bandar Sabah hanya mencecah 45% pada tahun 2004 sedangkan lebih 95% dicapai untuk negeri-negeri di Semenanjung Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, sebab itu saya antara yang bersorak yang merasakan kegembiraan apabila Seri Paduka Baginda mengatakan bahawa pembangunan harus diseimbangkan di antara negeri-negeri di Semenanjung ini dan juga di Sabah dan Sarawak. Kita melihat mengapa keadaan ini berlaku? Mengapa Rancangan Malaysia tidak dapat melihat kepincangan yang berlaku ini? Lapan Rancangan Malaysia tidak dapat melihat kepincangan yang berlaku ini? Mengapa *Mid Term Review* kita, Kajian Separuh Penggal pada setiap rancangan tidak dapat melihat kepincangan yang berlaku sehingga akhirnya kita melihat terdapat ketidaksamaan peruntukan pembangunan-pembangunan yang dilaksanakan antara negeri-negeri di Semenanjung Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, saya melihat perkara ini merupakan perkara pokok yang harus diaddress oleh sesiapa sahaja yang merancang untuk Rancangan Malaysia Kesembilan untuk menentukan ketidakseimbangan dalam agihan peruntukan ini dibaiki, diambil perhatian dan menentukan negeri Sabah, negeri Sarawak yang masih jauh ketinggalan dalam semua bentuk pembangunan dapat dirapatkan jurang perbezaan ini selepas tahun 2010. Walaupun harus menanti *another six years* untuk melihat keseimbangan ini berlaku tetapi saya yakin Tuan Yang di-Pertua, rakyat negeri Sabah dan Sarawak akan terus menyokong kerajaan dan berharap serta menaruh harapan yang menggunung bahawa ketidaksamaan untuk fasa pembangunan di antara negeri-negeri di Malaysia ini dapat diperbaiki. Ramai yang bertanya, saya bertanya, adakah kaedah pembahagian peruntukan kita tidak baik, tidak efisien yang menyebabkan

ketidakseimbangan pembangunan ini berlaku? Kadang-kadang kita kena *blinded by numbers*. Agihan peruntukan kita kena *blinded by numbers*..

Tuan Yang di-Pertua, saya bagi contoh. Jika satu kawasan parlimen diberi peruntukan RM1 juta untuk negeri Sabah, Sabah akan mendapat 25 juta pembangunan. Katakan untuk PJK – RM25 juta pembangunan. Tapi jika dikatakan Pahang mendapat RM16 juta peruntukan untuk PJK, sekali gus kita akan melihat Sabah mempunyai peruntukan yang lebih berbanding dengan Pahang. Sabah RM25 juta, Pahang pula RM16 juta. Tetapi dari segi realiti pelaksanaan pembangunan, Sabah tidak menunjukkan kelebihan secara realiti. Sabah mempunyai 25 kawasan Parlimen yang lebih besar dan Pahang mempunyai 16 kawasan Parlimen dan rata-rata mendapat RM1 juta peruntukan setahun. Tapi dari segi *fact and figure* yang dibentangkan kelak akan menunjukkan bahawa Sabah mendapat agihan peruntukan yang lebih dari negeri Pahang. Sebab itu saya katakan semak agihan kaedah pembahagian ini. Kita tidak boleh kena *blinded*, dikabui dengan data dan angka-angka tapi realiti yang sebenar. Kita melihat RM1 juta untuk Pahang, untuk satu kawasan mungkin cukup tetapi RM1 juta untuk satu kawasan bagi negeri Sabah, bagi kawasan-kawasan Parlimen negeri Sabah tidak nampak apa yang dapat dilaksanakan, itu keadaannya. Sebab itu saya katakan semak kaedah pembahagian agihan peruntukan ini.

Begitu juga saya ingin kerajaan menyemak pelaksanaan pembangunan kerana saya melihat tidak seimbang. Banyak senarai disenaraikan semua projek-projek pembangunan dalam Rancangan Malaysia Kelapan tetapi kita lihat pelaksanaannya tidak seimbang. Di kawasan-kawasan bandar dan pinggir bandar diutamakan pelaksanaannya. Rancangan Malaysia mempunyai lima tahun – tahun pertama hingga tahun kelima. Tahun pertama dilaksanakan projek-projek yang disenaraikan di dalam kawasan-kawasan bandar dan pinggir bandar. Tahun kedua begitu juga, tahun ketiga, itu juga dan akhirnya kawasan-kawasan luar bandar, apabila tahun akhir seperti tahun sekarang 2005 ini kita akan dilaporkan, dimaklumkan bahawa peruntukan untuk projek yang tersenarai dalam Rancangan Malaysia Kelapan itu sudah habis, *burse the siling* dan tidak boleh dilaksanakan. Projek-projek harus *dicarry forward* ke Rancangan Malaysia Kesembilan. Ini perkara yang harus dilihat, keseimbangan, pelaksanaan

pembangunan di dalam wilayah. Walaupun program-program atau senarai-senarai itu telah dimasukkan dalam Rancangan Malaysia yang tertentu.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga melihat banyak kementerian dan agensi persekutuan ini yang mempunyai dana untuk membantu terus melalui kementerian.

Persoalannya sejauh mana dana ini dipanjangkan ke negeri Sabah dan Sarawak melalui agensi Persekutuan dan jabatan Persekutuan yang ada. Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan umpamanya, berapa banyak yang telah disalurkan sepanjang Rancangan Malaysia Ke-8 yang lalu, yang sekarang ini? Berapa banyak yang disalurkan melalui PBT-PBT di negeri-negeri, di Sabah dan Sarawak? Berapa banyak yang dapat disalurkan dan berapa banyak yang disalurkan ke negeri-negeri, melalui PBT di semenanjung ini? Ini juga merupakan peruntukan daripada Kerajaan yang harus dipanjangkan kepada negeri-negeri di Sabah dan Sarawak. Saya melihat ini merupakan antara sebab mengapa wujudnya ketidakseimbangan pembangunan di negeri di Semenanjung, Sabah dan Sarawak ini.

Yang di-Pertua, saya juga ingin menarik perhatian Dewan dan kerajaan untuk melihat hala tuju pembangunan Persekutuan itu disesuaikan dengan hala tuju pembangunan negeri. Biarlah kita lihat peruntukan Kerajaan Persekutuan itu disesuaikan dengan hala tuju pembangunan negeri dan sejauh mana *State-Federal relation* ini ke arah *common development objective* diambil kira oleh kerajaan dalam melaksanakan Rancangan Malaysia sejauh mana sama ada pembangunan duit yang dimasukkan melalui *Federal Agency* dan juga *Federal Department*, di Sabah umpamanya, selaras dengan hala tuju pendekatan pertanian, pelancongan, dan perindustrian yang disasarkan oleh kerajaan negeri. Saya minta agar dalam Rancangan Malaysia Ke-9 perkara ini diambil kira agar pembangunan yang dirancang oleh negeri itu disesuaikan, disokong dan dibantu oleh agensi negeri dan persekutuan, untuk menentukan bahawa hala tuju pendekatan pembangunan negeri itu, akan dicapai dengan bantuan agensi dan juga jabatan persekutuan yang ada.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga menyentuh tentang beberapa istilah kewangan yang saya rasakan menyumbang kepada ketidakseimbangan peruntukan dan ketidakseimbangan pembangunan di negeri Sabah dibandingkan negeri-negeri

Semenanjung Malaysia. Istilah kewangan seperti '*burst-ceiling*',-pecah siling, harus diteliti sebaik-baik, dalam merancang pembangunan untuk Rancangan Malaysia Ke-9; rancangan harus mengira *the 'five-year' factor* . Kita tidak boleh mengatakan bahawa, *towards the end of* Rancangan Malaysia Ke-8 umpamanya, disebabkan kos meningkat, maka kita '*burst the ceiling*' pembangunan.. Peruntukan Pembangunan yang ada. Kita melihat bahawa sebahagian besar daripada projek-projek tidak dapat dilaksanakan, ya, sebahagian besar projek-projek di 'luar bandar' tidak dapat dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia tertentu di sebabkan istilah seperti ini.- keadaan seperti ini. Sebab itu saya inginkan. Kementerian Kewangan menghalusi istilah '*burst-ceiling*' ini, dan memperbaikinya, mengurangkan 'pecahan siling' ini dalam Rancangan Malaysia Ke-9, agar setiap projek-projek yang disenaraikan, terutama yang di luar projek-projek yang disenaraikan untuk kawasan-kawasan luar bandar dapat dilaksanakan dengan baik dan teratur mengikut Rancangan Malaysia.

Kita juga melihat banyak projek-projek pembangunan persekutuan yang dirancang dilaksanakan di negeri tidak dilaksanakan sepenuhnya. disebabkan oleh kerendah kewangan.- istilah kewangan seperti "*prestasi peruntukan dan perbelanjaan yang tidak menepati 'siling' yang sebenar*".

Tuan Eric Enchin Majimbun [Sepanggar]: [*Bangun*]

Datuk Ronald Kiandee: Kita melihat, di negeri Sabah umpamanya...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Sepanggar bangun.

Tuan Eric Enchin Majimbun: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih rakan dari Beluran. Setujukah Yang Berhormat bagi Beluran bahawa satu birokrasi di mana jabatan-jabatan di Persekutuan ini dengan jabatan negeri ini agak renggang sekali koordinasi disebabkan banyak projek dan banyak Perancangan - ini tidak dapat dijalankan disebabkan birokrasi dan kerenggangan koordinasi itu, setujukah Yang Berhormat?

Datuk Ronald Kiandee: Tuan Yang di-Pertua, kekurangan penyelarasan dan perundingan antara agensi Persekutuan dan negeri di Sabah dalam merancang dan melaksana projek-projek pembangunan merupakan salah satu daripada masalah utama

yang disenaraikan oleh EPU Negeri Sabah. Kita lihat perkara-perkara ini harus diambil dan diperbaiki dalam Rancangan Malaysia Ke-9. EPU Negeri Sabah mengenal pasti *a state..federal relation* merupakan satu faktor yang penting. Pembangunan wang peruntukan kewangan dan bentuk pembangunan yang dibawa dan disalurkan oleh Persekutuan ke negeri Sabah, harus seiring dengan hala tuju pembangunan yang hendak dibawa oleh Kerajaan negeri, itu penting. *We cannot be building one piece of* pembangunan di sini, satu pembangunan di sini, negeri membuat satu pembangunan di sini, tetapi tidak ada keselarasan tujuan pembangunan. Kalau minta jalan-jalan. *main road* untuk diturap, bererti ada tujuan untuk melaksanakan industri ke kawasan yang sedemikian. Sebab itu saya katakan saya bersetuju dengan saudara Yang Berhormat bahawa penyelarasan itu penting untuk menentukan keselarasan dalam objektif pembangunan antara persekutuan dengan negeri. Saya beri contoh Datuk, tentang *..burst* peruntukan dan perbelanjaan yang tidak menepati 'siling' umpamanya.

Di Sabah, disasarkan untuk Rancangan Malaysia Ke-8 sebanyak RM12 bilion juta ringgit, ini 'siling' RM-8 yang disasarkan pada awal perancangan Rancangan Malaysia Ke-8 untuk negeri Sabah. Jumlah sebenar yang diperuntukkan hanya RM8 bilion juta. Hanya RM8 bilion juta *short of* RM4 bilion juta. Perbelanjaan sebenar yang dilaksanakan untuk pembangunan-pembangunan sehingga tahun 2004 hanya RM6.3 bilion dan ini merupakan 78 peratus daripada RM8 bilion. juta ringgit yang diuntukkan. Ini juga harus dikira. Sekiranya kita menyasarkan Sabah memerlukan RM26 juta untuk Rancangan Malaysia Ke-9 umpamanya, RM26 juta ringgit ini, harus Dibekalkan secara *real* untuk negeri Sabah. Kita tidak boleh '*carry foward*' kan ini..setengah 40 peratus, 50 peratus di '*carry foward*', kerana dia akan mengganggu perancangan-perancangan Malaysia Kesebelas seterusnya.

Saya berpendapat bahawa, Rancangan Malaysia Ke-10 itu, peruntukan untuk Rancangan Malaysia Ke-10 itu sudah dibajet, sudah diperbaiki dan sudah ditentukan bahawa kerajaan akan dapat memperoleh kewangan, dan..menguntungkan kewangan ini lebih 'kurang' daripada yang disasarkan akan *definatly* mengganggu pertumbuhan pelaksanaan projek-projek yang dirancang untuk rancangan Malaysia yang tertentu. Saya juga ingin agar Kementerian Kewangan mengurangkan masalah waran yang lambat sampai. Di Sabah sering berlaku waran yang lambat sampai dan masalah

'waran' lambat sampai ini akan mengakibatkan satu *Christmas Shopping* .dan kedua peruntukan yang dikembalikan ke Persekutuan.

Masalah-masalah ini, istilah fenomena-fenomena kewangan ini.. *burst the ceiling*, tidak menepati 'siling',.waran yang lambat sampai, *Christmas Shopping*,.peruntukan yang dikurangkan,.harus menjadi agenda utama Kementerian Kewangan, untuk menentukan ianya tidak berlaku dalam Rancangan Malaysia Ke-9. Saya mengambil contoh dalam Rancangan Malaysia Ke-9 dikatakan, dilaporkan oleh EPU Negeri Sabah, sebanyak 51 peratus daripada *total* peruntukan yang diuntukkan daripada agensi persekutuan di negeri Sabah dikembalikan kerana tidak dilaksanakan projek-projek yang tersenarai dalam peruntukan tersebut hanya dilaksanakan 49 peratus. 51 peratus merupakan satu jumlah yang besar, yang impaknya kepada pembangunan negeri Sabah jika peruntukan ini dilaksanakan pada tahun kewangan tersebut, maka lebih banyak lagi pembangunan yang dapat kita lihat untuk negeri Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, ini harus diambil kira di address oleh Kementerian Kewangan agar perkara-perkara seperti ini tidak berlaku dalam Rancangan Malaysia Kesembilan.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: *[Bangun]*

Datuk Ronald Kiandee: Putatan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Mana satu Yang Berhormat?

Datuk Ronald Kiandee: Putatan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sila.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya ingin minta sedikit penjelasan daripada sahabat saya dari Beluran berkenaan dengan soal perolehan pembekalan dan pembangunan di negeri Sabah. Bersetujukah Yang Berhormat jika penyelarasan antara jabatan-jabatan Persekutuan dan jabatan-jabatan negeri terutama sekali pihak EPU negeri tidak ada kerjasama. Satu kes yang kita telah tanya adalah soal berapa jumlah perbelanjaan yang dibelanjakan untuk membina Universiti Malaysia di Sabah, dan berapa jumlah pembekalan terutama sekali di sekolah-sekolah yang diurus oleh jabatan pendidikan di negeri itu. Jadi ini soal ketidakseimbangan, mana yang pembekalan dan mana pula jumlah peruntukan yang dibekalkan, untuk pembangunan, apa pendapat Yang Berhormat berkenaan ini?

Datuk Ronald Kiandee: Itu merupakan masalah dan saya setuju yang ia harus diambil kira oleh agensi Persekutuan. Jumlah yang dicadangkan dan jumlah yang dibekalkan tidak mencukupi.

Saya ingin mengambil contoh Tuan Yang di-Pertua, tiga buah sekolah menengah di kawasan saya di Parlimen Beluran yang disasarkan untuk dibina dalam Rancangan Malaysia Kelapan. Sekolah Menengah Balaban Jaya, Sekolah Menengah Ulu Sapi, Sekolah Menengah Simpangan dalam kawasan saya. Ketiga-tiga sekolah ini merupakan sekolah yang sedang menumpang dengan bangunan sekolah rendah. Sebab itu ianya merupakan sekolah-sekolah yang disenaraikan dalam Rancangan Malaysia Kelapan untuk dilaksanakan oleh Kementerian Pendidikan tetapi hingga ke hari ini, hingga akhir Rancangan Malaysia Kelapan ini tidak ada tanda-tanda bahawa sekolah ini akan dilaksanakan oleh kerajaan. Bererti ketiga-tiga sekolah menengah ini, dalam jangka masa 5 tahun akan datang murid-murid ini terpaksa lagi menumpang di bangunan sekolah rendah. Ini saya setuju bahawa banyak projek yang sudah disenaraikan dalam Rancangan Malaysia Kelapan disebabkan oleh ketidakadaan peruntukan disebabkan *verse the ceiling*, disebabkan oleh kerenah-kerenah kewangan yang banyak mungkin, disebabkan oleh pendekatan kementerian, pendekatan pegawai-pegawai kerajaan yang lebih melihat sekolah-sekolah di kawasan bandar dan pinggir bandar itu haruslah diutamakan dalam Rancangan Malaysia dan diutamakan pembinaan maka sekolah-sekolah di luar bandar seperti yang saya katakan ini merupakan sekolah-sekolah yang menjadi mangsa. Murid-murid yang bersekolah di kawasan ini harus menjadi mangsa disebabkan oleh perkara-perkara yang di bawah pentadbiran kerajaan dalam pentadbiran yang kita ada.

Tuan Yang di-Pertua, saya menarik perhatian bahawa Sabah memerlukan RM26 juta untuk memperbaiki dan memperkasakan industri sektor baru, tiga sektor yang dikenal pasti akan menjana pertumbuhan ekonomi bagi negeri Sabah iaitu sektor pertanian, sektor pelancongan dan juga sektor perkilangan. Sabah memerlukan bantuan dan sokongan yang kuat daripada Kerajaan Persekutuan untuk menentukan rancangan-rancangan ini dijayakan sepanjang Rancangan Malaysia Kesembilan yang akan datang ini.

Tuan Yang di-Pertua, 4 tahun sebagai wakil rakyat saya benar-benar ingin menyumbang kepada masyarakat saya dan memberi yang terbaik tetapi dalam masa 4 tahun ini saya mempelajari banyak perkara terutama dalam perkara-perkara yang melibatkan pembangunan adalah di luar kuasa daripada wakil rakyat. Di mana kumpulan yang berkuat kuasa dalam perkara ini, yang menentukan perancangan, dan juga pelaksanaan yang baik adalah pentadbiran awam. Jadi saya kira anggota-anggota pentadbiran awam merupakan kumpulan kerja yang penting dalam kerajaan di samping wakil rakyat-wakil rakyat dan kalau kita kira contohnya masalah....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat boleh gulung lah, Yang Berhormat.

Datuk Ronald Kiandee: Ya, saya gulung. Contohnya masalah tiada pangkalan data untuk kumpulan miskin tegar ini.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh: [Bangun]

Datuk Ronald Kiandee: Saya rasa tidak payah, sudah hendak habis. Ianya dicadangkan dan dibantu oleh wakil rakyat, tetapi kumpulan mereka yang mengendalikan dan mengumpulkan data-data ini adalah anggota pentadbiran awam. Kalau kita katakan pelaksanaan yang seimbang antara negeri dan wilayah dan juga antara wilayah, dalam wilayah, pelaksanaan projek-projek pembangunan, yang menentukan keseimbangan pelaksanaan projek-projek pembangunan, yang berkuasa lebih dan yang memegang, melaksana projek-projek pembangunan ini adalah anggota pentadbiran awam.

Pendeknya Tuan Yang di-Pertua, anggota pentadbiran awam menentukan berjaya dan tidak berjayanya dasar kerajaan. Kita dituntut dan wakil rakyat dituntut untuk memberi yang terbaik. Sejauh mana tuntutan ini diambil dan diminta daripada anggota pentadbiran awam. Wakil rakyat dituntut untuk membuat reformasi untuk membuat pembaharuan dari segi pendekatan dan *service* kepada rakyat dan sejauh mana *reform* di kalangan anggota pentadbiran awam di ambil oleh kerajaan setakat ini. Sejauh mana reform terhadap dasar-dasar, sejauh mana *reform* terhadap kerendah, birokrasi yang ada dalam pentadbiran awam. Saya melihat semua ini merupakan antara *factor*, kerendah pentadbiran kita, *the human factor*, *the system* perlu dilihat oleh kerajaan untuk menentukan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan ketidakseimbangan

pembangunan akan dapat kita minimakan dan menentukan bahawa setiap negeri-negeri di Malaysia ini akan dapat menikmati fasa pembangunan yang serupa dan keadaan permohonan yang serupa, maka ketika itu kita akan katakan bahawa kita mempunyai serta menikmati pembangunan yang seimbang antara negeri-negeri di Semenanjung. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ya, Ledang. Yang Berhormat Ledang sila.

12.38 tgh.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya tidak akan menggunakan masa panjang sebab hendak beri peluang kepada kawan-kawan yang lain.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Bolehkah selesai sebelum pukul 1.00 tengah hari.

Ir. Haji Hamim bin Samuri: Insya-Allah Tuan Yang di-Pertua. Saya berdiri di sini untuk menyokong Usul Menjunjung Kasih Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di dalam Pembukaan Penggal Kedua Parlimen kesebelas ini. Saya percaya hari ini lebih baik daripada hari semalam dan hari esok, insya-Allah lebih baik daripada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mulakan ungkapan saya dengan mengucapkan tahniah yang tidak terhingga kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Timbalannya yang telah berjaya terus memacu kemajuan negara sebagai memenuhi tuntutan rakyat dan meletakkan negara pada tahap bersaing dengan negara lain dan pada masa yang sama kerajaan juga berusaha membarui buka bidang pertanian yang berasaskan sains dan teknologi.

Saya yakin rakyat jelata khususnya golongan susah terus mendapat pembelaan, budaya murni rakyat Malaysia disuburkan. Justeru kepimpinan mereka berdua bertambah meyakinkan tidak salahlah pilihan kita semua.

Sungguhpun begitu, kita harus berhati-hati sebab usaha yang dijalankan mudah goyah sebab sedia wujud rintangan-rintangan sama ada yang melibatkan faktor manusia, faktor kaedah, mesin, duit, alam dan sebagainya.

Sektor pembinaan - Walaupun sektor pembinaan merosot satu peratus pada tahun 2004 namun saya yakin ia akan dapat terus berkembang kerana ruang masih banyak untuk membangunkan industri binaan berasaskan kepada keperluan infrastruktur dan rumah-rumah kediaman yang sangat tinggi, yang mana mengikut unjuran Rancangan Malaysia Kesembilan, negara memerlukan tidak kurang dari satu juta unit rumah yang merangkumi semua lapisan masyarakat dengan kos tidak kurang RM100 bilion. Tidak kurang 10 peratusnya daripadanya adalah di Kuala Lumpur dan jika keperluan tersebut mengambil kira infrastruktur, ia akan mencecah kepada tidak kurang RM200 bilion.

Ini menunjukkan bahawa sektor binaan masih lagi aktif dan akan terus mapan kerana penduduk bertambah dan mereka memerlukan kemudahan rumah dan infrastruktur yang terbaik sekadarkan industri binaan memerlukan suatu suntikan baru yang tidak semestinya dari projek-projek kerajaan. Pihak swasta, termasuk syarikat-syarikat yang berkaitan dengan kerajaan, boleh berperanan untuk terus mengaktifkan sektor binaan tersebut. Selain daripada peranan syarikat-syarikat swasta dan skim-skim galakan yang disediakan oleh kerajaan, syarikat-syarikat yang berkaitan dengan kerajaan seharusnya boleh membantu dan tidak terikat dengan hanya tertumpu kepada bidang asal mereka.

Petronas, sebuah syarikat gergasi yang telah melabur di luar negara kerana mengikut rekod, mereka telah pun mempunyai 96 buah syarikat milik penuh, 20 syarikat milik sebahagian dan 55 syarikat bersekutu, wajar melebarkan aktivitinya dalam industri pembinaan, sama ada bangunan ataupun kemudahan awam termasuk di luar bandar. Jika ini berlaku, saya yakin Petronas akan menjadi pemangkin kepada industri binaan, di mana ia akan boleh menyediakan *hardware* bergerak, tenaga manusianya subur, perkhidmatan perunding mapan, kenderaan dan jentera rancak dan lain-lain lagi. Jika Petronas subur dengan minyak, cari gali minyak dan sebagainya sehinggalah kepada *Formula One*, sudah sampai masanya Petronas melibatkan diri secara aktif dalam bidang bekalan bahan-bahan binaan daripada bitumen hinggalah kepada simen, cat dan lain-lain.

Jika selama ini kualiti bahan-bahan binaan termasuk harga menjadi isu utama sehingga menjejaskan industri binaan, saya yakin penglibatan Petronas dalam bidang

bekalan bahan-bahan binaan bukan sahaja dapat mengawal mutu bahan-bahan binaan tetapi juga harga, malah menyuburkan bidang pembinaan tersebut. Sekiranya Petronas sebagai pembekal bahan binaan terkawal, bayaran bahan yang dibekalkan kepada kontraktor juga boleh dipotong terus daripada bayaran kemajuan jika projek tersebut adalah projek kerajaan. Maknanya, Tuan Yang di-Pertua, saya membangkitkan perkara ini kerana saya lihat bahawa salah satu faktor yang melembapkan sektor pembinaan pada masa ini ialah kerana kurangnya modal yang besar dalam bidang pembinaan yang memerlukan bantuan daripada syarikat gergasi seperti Petronas.

Jika Petronas boleh menjadi pembekal bahan-bahan pembinaan, peranan tersebut boleh juga diturunkan di peringkat negeri dan daerah. Maknanya, Petronas boleh melantik, mungkin konsortium kontraktor ataupun lain-lain pihak, untuk menjadi pembekal bagi pihak Petronas, sekali gus dapat merencanakan lagi industri pembinaan di peringkat daerah dan di peringkat *grassroot*. Saya yakin Petronas boleh berperanan dalam bidang baru ini sebagaimana ia melabur dalam bidang *Formula One*. Petronas juga akan terus berkembang dan dapat membantu secara terus keperluan rakyat dan sekali gus akan dapat menarik perhatian rakyat dan rakyat akan menyanjung mereka.

Perkara berikutnya, Tuan Yang di-Pertua, dalam masa yang singkat ini ialah tentang Skim Perumahan Mesra Rakyat yang dikendalikan oleh SPNB. Saya percaya di semua kawasan Parlimen, termasuk kawasan-kawasan Parlimen baru, Skim Perumahan Mesra Rakyat telah pun mendapat perhatian yang sangat menarik orang ramai. Di kawasan saya sendiri tidak kurang daripada 100 permohonan tetapi yang lulus tidak sampai pun 50 permohonan. Ada sebabnya. Saya rasa, saya yakin di kawasan Pulau pun begitu juga, di kawasan Tangga Batu pun begitu juga.

Saya telah memeriksa perkara ini, di mana SPNB sehingga ini telah pun menerima tidak kurang daripada 2,000 permohonan peringkat negara tetapi Tuan Yang di-Pertua, hanya 50 peratus sahaja yang berjaya ataupun yang lulus untuk mendapatkan bantuan daripada skim ini. Malangnya, daripada 50 peratus yang tidak lulus itu, 60 peratus adalah kes-kes tanah, di mana sekatan tanah pertanian yang tidak membenarkan membina ataupun didirikan sebuah rumah bagi setiap satu pemilik tanah, telah pun menyukarkan pemohon Skim Perumahan Mesra Rakyat ini.

Di dalam Dewan yang mulia ini, saya ingin mengesyorkan supaya Akta Tanah mungkin sudah sampai masanya dipinda supaya membenarkan, mungkin lebih sebuah rumah dibina bagi satu tapak rumah pertanian. Jika seorang bapa atau seorang abang ingin menolong anak atau adiknya atau sesiapa untuk mendirikan rumah di tanahnya sedangkan pada masa yang sama sudah ada sebuah rumah yang lain, mungkin Akta Tanah boleh dipinda supaya sebuah atau dua, tiga rumah lain dibina di atas tapak yang sama walaupun status tanah tersebut adalah tanah pertanian.

Inilah, Tuan Yang di-Pertua, masalah yang sedang menghimpit mereka yang memohon Skim Perumahan Mesra Rakyat yang dikendalikan oleh SPNB. Sekiranya perkara ini tidak diselesaikan saya yakin usaha kerajaan untuk membantu golongan yang berpendapatan rendah, golongan yang mungkin tidak mampu untuk memiliki rumah melalui skim ini, tidak akan berjaya hanya kerana masalah status tanah.

Tuan Yang di-Pertua,

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Tangga Batu bangun.

Ir. Haji Hamim bin Samuri: Silakan, dua minit. *[Ketawa]*

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Ledang. Saya amat berminat sekali dengan Skim Perumahan Mesra Rakyat ini memandangkan Tangga Batu pun mempunyai beberapa permohonan yang tertunggak. Bolehkah Yang Berhormat bagi Ledang memberikan sedikit penekanan kepada perkara ini apabila pihak kerajaan ingin melancarkan sesuatu program yang memberi manfaat kepada rakyat, maka suatu analisis perlu dilakukan supaya kita tidak mahu dalam satu tangan kita ingin membantu dan dalam satu tangan yang lain kita tidak berupaya untuk memberikan apa juga rancangan kita tadi kepada rakyat dan akhirnya kita akan menerima bahana daripada kelemahan sistem penyampaian ini.

Dengan lain-lain perkataan, suatu analisis yang terperinci perlu dilakukan sebelum mengumumkan ataupun sebelum melaksanakan sesuatu program yang mungkin akan memberi manfaat kepada masyarakat.

Ir. Haji Hamim bin Samuri: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya yakin walau apa pun dasar, program yang dianjurkan oleh pihak kerajaan mempunyai tujuan

yang baik. Begitu juga Skim Perumahan Mesra Rakyat ini, sekadarkan di peringkat pelaksanaan kita berdepan dengan banyak masalah. Mungkin pihak pelaksana ataupun anggota pentadbiran memerlukan suatu sistem di mana kita sentiasa memikirkan tentang *contingent action* kepada sesuatu tindakan ataupun sesuatu perkara untuk dilakukan supaya segala hasrat itu tidak akan tergendala ataupun gagal di pertengahan jalan. Perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Tangga Batu pada saya perlu mendapat perhatian.

Tuan Yang di-Pertua, begitu juga soal SPAN – Suruhanjaya Pengurusan Air Negara. Yang Berhormat Menteri yang berkenaan telah pun mengumumkan di dalam Dewan yang mulia ini dan juga di luar Dewan bahawa suatu Jawatankuasa Pemilih akan dibentuk, akan ditubuhkan untuk mengambil kira khususnya pandangan semua pihak di dalam penubuhan SPAN, tetapi malangnya kita baru mendapat berita bahawa Jawatankuasa Pemilih terpaksa ditangguhkan ataupun mungkin ditiadakan semata-mata kerana kita kekurangan masa.

Tetapi saya ingin mengambil peluang dalam Dewan yang mulia ini Tuan Yang di-Pertua supaya Jawatankuasa Pemilih tersebut terus ditubuhkan kerana kita perlu berhati-hati di dalam penubuhan Suruhanjaya ini supaya semua pihak berpeluang untuk memberikan pendapat atau pandangan masing-masing. Mungkin kita tidak perlu masa yang panjang. Kalau masa tidak cukup mungkin kita hanya memerlukan masa dua atau tiga bulan, mungkin kita hanya perlu pergi ke negeri yang kritikal sahaja. Sementara Sabah dan Sarawak kita boleh tangguhkan kerana perkara tidak melibatkan negeri Sabah dan Sarawak. Kita hanya mungkin tumpukan kepada negeri-negeri yang kritikal sahaja. Tuan Yang di-Pertua, saya mengesyorkan supaya Jawatankuasa Pemilih ini diteruskan walaupun kita terpaksa berdepan dengan masalah masa.

Soal alam sekitar, pertamanya saya ingin menyentuh hanya tentang paya-paya bakau kerana kita tahu alam sekitar telah pun menjadi perkara yang runcing pada masa ini dan media telah memberikan suatu pendedahan yang cukup meluas tentang alam sekitar. Saya yakin media ada peranan dan media juga ingin memberi kesedaran kepada rakyat keseluruhannya. Sebagaimana yang kita tahu paya bakau adalah khazanah alam sama ada di negeri Johor atau di lain-lain negeri termasuklah di Pontian dan sebagainya, di Pulau tidak ada, yang mempunyai peranan penting dengan

menyumbang kepada pengekalan ekosistem. Paya bakau ini adalah habitat kepada kehidupan marin serta menjadi tempat persinggahan burung-burung yang berhijrah daripada negara-negara luar seperti Siberia dan China.

Tuan Yang di-Pertua, di Ledang saya dimaklumkan oleh pakar-pakar dan oleh mereka-mereka yang terlibat dengan penternakan kupang, kerang dan ikan kalau kayu bakau diusik maka hilanglah makanan untuk hidupan yang berdekatan dengan pantai dan akan menjejaskan pendapatan nelayan. Ini yang saya sebutkan tadi pengekalan ekosistem.

Pada sama yang juga ia turut berperanan menjadi pelindung kepada kawasan ini daripada kesan-kesan hakisan walaupun perlu disokong oleh kaedah-kaedah lain pencegahan hakisan. Usaha-usaha menanam semula paya bakau di kawasan ini telah menampakkan kesan-kesan positif membendung gejala itu. Pemuliharaan hutan bakau ini sama ada di air masin atau air payau perlu diberi perhatian serius kerana ia sejajar dengan kenyataan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam salah satu salah reaksinya terhadap bencana ombak besar iaitu Tsunami. Ingatan Perdana Menteri itu amat bertepatan kerana berdasarkan kepada kajian fizikal negara, jumlah tanah lembap di Semenanjung Malaysia telah merosot sebanyak 23% iaitu daripada 1.275 juta hektar kepada 899.542 hektar dalam tempoh 25 tahun. Kalaulah kawasan lembap ini Tuan Yang di-Pertua kita ganggu, kita halang saya yakin satu masa nanti kita akan berdepan dengan masalah kekeringan bumi dan mungkin kita tidak akan mendapat bekalan air yang sempurna.

Kebimbangan Perdana Menteri itu telah pun menjadi pegangan kita sejak sekian lama. Dalam suasana dunia yang sentiasa berdebat mengenai ancaman terhadap ekologi dan kempen pemeliharaan alam sekitar kerajaan saya ingin memuji, kerajaan negeri Johor yang telah meletakkan usaha ini sebagai satu daripada agenda pendekatan pembangunan holistik di mana pemuliharaan alam sekitar diberikan tumpuan termasuk mewartakan kawasan-kawasan tertentu supaya tidak diusik dengan sewenang-wenangnya. Justeru pujian harus diberi kepada beberapa kerajaan negeri termasuk kerajaan negeri Johor di mana kita datang Tuan Yang di-Pertua. Johor sendiri telah mendahului kebanyakan negeri lain dalam usaha tersebut dengan memelihara kawasan tanah lembap ini dengan mewartakan tidak kurang 42,000 hektar sebagai

tapak ramsa ataupun “tanah lembap berkepentingan antarabangsa”. Ia termasuklah di Tanjong Piai dan lain-lain.

Tuan Yang di-Pertua, maksudnya ialah kita mesti sentiasa mengekalkan pembangunan yang terkawal. Sehubungan dengan itu, segala bentuk pembangunan di kawasan yang berdekatan apatah lagi di kawasan-kawasan yang diwartakan sekalipun atas nama untuk kemudahan pelawat hendaklah dibuat secara terancang dan dikawal agar kesan-kesannya minimum. Sebagai contoh Perbadanan Taman Negara Johor sendiri sebagai pihak yang mengurus dan mentadbir kawasan-kawasan ini telah pun peka terhadap aktiviti-aktiviti di sekelilingnya.

Tuan Yang di-Pertua, khazanah alam semula jadi ini dengan kepelbagaian hayatnya bukan sahaja kaya dengan ilmu pengetahuan untuk dikaji dan diselidik malah menjadi sumber tarikan semula jadi kepada sektor pelancongan yang telah pun memberikan sumbangan yang banyak kepada pertumbuhan ekonomi kita. Dalam suasana yang dikawal dengan pelbagai peraturan demi memastikan ekosistem tidak tergugat taman-taman seperti yang saya sebutkan tadi termasuk di Johor dan di tempat-tempat lain telah pun saya sebutkan Tuan Yang di-Pertua di Johor sahaja termasuklah di Endau, Rompin, Tanjong Piai, Pulau Kukup dan Gunung Ledang telah menerima kunjungan tidak kurang 124,000 pelancong pada tahun lalu.

Maknanya Tuan Yang di-Pertua, kita banyak sumber alam yang menjadi daya penarik pelancong dan salah satunya ialah pengekalan kecantikan keindahan ataupun keunikan hutan bakau semula jadi yang menjadi tarikan pelancong bukan sahaja untuk kegiatan riadah, bukan sahaja untuk kegiatan reaksi seperti yang saya sebutkan tadi tetapi juga untuk kajian habitat dan sebagainya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat ada tiga minit sampai pukul 1.00 tengah hari.

Ir. Haji Hamim bin Samuri: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana terdapat banyak spesies berharga termasuk tumbuhan mahupun haiwan yang mempunyai nilai komersial di kawasan-kawasan seumpama ini kita pernah dengar ada pihak-pihak tertentu yang tidak bertanggungjawab termasuk pelawat-pelawat merosakkan kawasan tersebut walaupun untuk tujuan pelancong, saya mengesyorkan supaya suatu tindakan atau suatu akta mungkin diperlukan untuk mengawal kerosakan kepada kawasan tersebut.

Saya berjanji Tuan Yang di-Pertua saya hendak menghabiskan ucapan saya sebelum rehat maka saya teruskan kesimpulan untuk memudahkan Tuan Yang di-Pertua.

Kesimpulannya Tuan Yang di-Pertua, dalam tempoh yang singkat ini ialah pertamanya saya sektor binaan boleh ditingkatkan dengan penglibatan sektor swasta khususnya yang berkaitan dengan kerajaan. Kedua, pembangunan fizikal yang berkaitan dengan hutan bakau perlu dikawal tanpa merosakkan ekosistem. Ketiga, SPNB harus dibantu untuk memudahkan peranannya membina rumah-rumah mesra rakyat dan akhir sekali saya mengambil peluang ini supaya Jawatankuasa Pemilih bagi mengkaji penubuhan SPAN atau Suruhanjaya Pengurusan Air Negara hendaklah terus diadakan supaya mudah rakyat mendapat faedahnya. Sekian, terima kasih. Saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Kota Bharu.

Datuk Mohd. Zaid bin Ibrahim [Kota Bharu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya juga ingin mengambil bahagian dalam ucapan terima kasih atas Titah Ucapan Seri Baginda Yang di-Pertuan Agong. Saya hanya akan menjuruskan kepada suatu perkara iaitu perkara yang ditimbulkan atau yang diperkatakan iaitu dasar kerajaan untuk melihat masyarakat kita masyarakat yang berhemah yang berbudi bahasa dan mempunyai budaya yang tinggi. Perkara ini juga terkandung di dalam titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Sejak kebelakangan ini kita melihat usaha-usaha penguat kuasa bukan sahaja JAWI tetapi usaha-usaha untuk menangkap anak-anak muda Melayu Islam yang dikatakan melanggar undang-undang syariah. Dalam tahun 1995 kita lihat tiga wanita Melayu Islam yang didakwa kerana mengambil bahagian dalam pertandingan ratu cantik.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat , sambung selepas ini pada jam 2.30 petang.

Datuk Mohd. Zaid bin Ibrahim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.00 tengah hari.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2:30 petang.

[Tuan Yang di-Pertua ***mempengerusikan mesyuarat***]

Tuan Yang di-Pertua: Saya minta Yang Berhormat Kota Bharu untuk menyambung ucapan beliau dalam perbahasan.

2.33 ptg

Datuk Mohd. Zaid bin Ibrahim [Kota Bharu]: Terima kasih Yang di-Pengerusi. Tuan Yang di-Pertua, tadi saya menyebut tentang usaha-usaha Penguat Kuasa Majlis Agama di Malaysia yang cuba menguatkuasakan apa yang di katakan undang-undang syariah, undang-undang jenayah Islam dan saya sebutkan tadi tahun 1995, penangkapan 3 wanita Melayu Islam yang mengambil bahagian dalam pertandingan ratu cantik.

Baru-baru ini di Ipoh, seorang yang kita katakan 'transgender' ataupun pondan juga ditangkap di Taiping dalam kawasan rumah seorang kawan beliau. Kita juga dapat laporan dan berita di Melaka juga wanita Islam Melayu ditangkap kerana kononnya menunjuk pakaian yang tidak sopan, nampak pusat. Yang terakhir dan paling *glamorous* beritanya ialah tangkapan ataupun penahanan 100 muda mudi Melayu Islam di sebuah kelab malam di Kuala Lumpur. Sejak zaman Dr. Mahathir menjadi Perdana Menteri dan sampailah hari ini, setiap kali berlaku perkara sedemikian maka hebohlah pihak akhbar dan orang-orang politik. Mereka ada yang mengeji ataupun membantah usaha ini kerana kata mereka ini adalah soal individu, soal kebebasan individu, dalam satu masyarakat yang demokrasi.

Ada yang mengatakan ia menyalahi undang-undang, ada yang mengatakan bertentangan dengan perlembagaan dan di sebelah pihak lain juga sudah tentunya menyokong usaha ini. Mengatakan *morallity* dan agama kita sendiri meminta kita berbuat demikian untuk menjaga maruah agama kita. Tetapi setiap kali, kita dapati, isu itu didiamkan sahaja. Baru-baru ini saya difahamkan seperti juga yang berlaku pada tahun 1995, arahan kabinet yang kononnya perkara ini tidak boleh diteruskan kerana sebab-sebab tertentu. Saya tidak ada maklumat lebih tetapi ini tidaklah sesuatu yang menggambarkan sebuah negara yang moden, yang bertamadun, yang ada undang-undang. Sama ada tindakan ini susah atau tidak, itu persoalannya. Ciri negara

tamadun ialah kita ada kedaulatan undang-undang, keluhuran perlembagaan, kita angkat sumpah mempertahankan semua itu. Hari ini saya ingin memberi pandangan saya.

Saya bukanlah seorang, sudah tentulah bukan alim ulama', malah saya terkenal di Kota Bharu sebagai orang yang mungkin dianggap sekular, kebaratan dan semacam-macam. Tetapi saya mempunyai pandangan kerana saya bimbang, tindakan sedemikian, reaksi masyarakat selepas itu akan merugikan Islam, akan merugikan bangsa kita sendiri jika kita tidak melakukannya dengan cara yang betul. Cara yang betul adalah cara yang mengikut peraturan yang sah, undang-undang yang sah, sesuai dengan perlembagaan kita yang sah, sesuai dengan tuntutan agama kita dari segi prinsipnya. Itu yang perlu kita laksanakan, kalau tidak perkara ini akan terus berulang dan yang malu bukan orang lain, bukan sahaja orang yang kena tahan. Penghinaan bukan sahaja kepada mereka tetapi kepada kita semua, kita penganut Agama Islam bukan orang lain.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Minta laluan.

Tuan Yang di-Pertua [Tan Sri Dato' Seri Diraja Ramli bin Ngah Talib]: Yang Berhormat, boleh bagi laluan.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]:..Terima kasih Yang Berhormat Kota Bharu. Saya setuju bahawa isu moral haruslah bukan ditentukan mana-mana individu atau jabatan tetapi ia adalah dari dalaman mereka, disiplin diajar sejak mereka kecil. Bagaimana untuk membawa diri, menjaga maruah, kesemua ini adalah dari pendidikan dan bukan secara menangkap mereka.

Soalan saya hendak tanya, dan minta penjelasan daripada Yang Berhormat Kota baharu. Yang Berhormat Kota Bharu sekarang ini tidak setuju dengan tindakan pihak JAWI atau mana-mana pegawai penguatkuasaan kerana dari segi agama atau kerana prinsip bahawa isu moral tidak haruslah dijadikan atau dikawal oleh mana-mana pihak. Sebab saya nampak Yang Berhormat tidak membangkitkan berkenaan dengan isu di mana belia-belia orang muda mereka berpegangan tangan di taman KLCC. Yang ini bukan muslim, *none* muslim, bukan Islam dan di Ipoh. Ini tidak dibangkitkan jadi saya hendak tahu, Yang Berhormat tidak bersetuju itu dari segi agama atau kerana isu moral

keseluruhannya sepatutnya tiada mana-mana pun pihak patut dikawal atau mengawal belia-belia ini. Minta penjelasan.

Datuk Mohd. Zaid bin Ibrahim [Kota Bharu]: Saya belum mula lagi. Saya harap selepas saya memberi penjelasan mungkin Yang Berhormat Batu Gajah mungkin akan memahami pendirian saya. Saya berbalik kepada soal penentuan ialah ia secocok dengan kehendak undang-undang dan perlembagaan dan ia secocok dengan kehendak agama kita. Kita tidak boleh memisahkan nilai agama dengan undang-undang, sudah tentunya. Tetapi kita juga tidak boleh membenarkan individu tertentu menentukan apa itu yang sepatutnya, apa itu yang menjolok mata, apa itu yang sah dan tidak sah dari segi agama, kecuali dengan perbincangan yang menyeluruh.

Berbalik kepada soal ini Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat keadaan kelam kabut ini, keadaan yang timbul yang saya sebutkan tadi adalah kerana kita tidak mempunyai undang-undang yang jelas mengenai perkara ini. Pertama memang ada Undang-Undang Jenayah Syariah yang digubal pada tahun 1993 di Wilayah Persekutuan misalnya. Tetapi pada saya undang-undang ini tidak sah, mungkin sebab itulah Peguam Negara memberi nasihat tertentu kepada kabinet. Kerana kita dalam soal agama.... saya minta maaf kepada menteri dan sebagainya. Dalam soal agama kita banyak tumpuan kepada ceramah, kita banyak kepada slogan tetapi kita tidak menumpukan kepada institusi agama yang sepatutnya, undang-undang yang sepatutnya untuk membela agama kita.

Dalam soal misalnya, kita tahu soal pakaian sebagai contoh, kita ada peruntukan dalam Undang-Undang Syariah, pakaian yang menjolok mata misalnya, yang tidak sopan tetapi sudah pernah kah kita bincang dengan masyarakat secara terbuka. Apa itu sopan? Pakaian sudah tentu tidak menentukan Islam atau tidak seseorang itukerana orang Arab tutup muka seribu tahun sebelum Rasulullah SAW, tetapi tidak bererti dia Islam. Jadi soal ini kita tidak boleh serah kepada individu-individu tertentu, ketua - *head of department*, JAWI, JAIS, ia perlu di bahas dan ditentukan. Dan yang paling penting ialah peruntukan yang sama telah ada dalam Akta Kanun Keseksaan (*Penal Code*).

Dan dalam negara kita, kita tidak boleh ada dua undang-undang dalam perkara yang sama. Kita sudah ada *Federal Law, Penal Code* mengenai hal itu, Seksyen 294(A) tetapi kita tidak perlu semua itu, kita gubal undang-undang ini. Kita beri kuasa kepada

ketua-ketua tadi yang saya sebut, yang mungkin tidak faham undang-undang negara. Juga soal fatwa, dalam Undang-Undang Wilayah misalnya, fatwa mufti menjadi automatik, ada kuasa undang-undang, *has a force of law*. Sedangkan kita tahu dalam sejarah Islam fatwa tidak pernah menjadi suatu *binding precedent law*, ia hanyalah pendapat seorang ahli fikir, ahli mufti yang pandai tentang sesuatu isu tetapi boleh ditukar, boleh diubah.

Malaysia hanyalah satu negara dalam dunia ini bila satu fatwa dikeluarkan secara automatik *is a force of law*, dia ada kuasa undang-undang malah mufti lebih berkuasa daripada kita semua. Hal-hal lain kita perlu debat, kita perlu lulus, persetujuan dalam Dewan Undangan Negeri kalau hal-hal negeri dan kalau hal-hal *federal* dalam Parlimen tetapi dalam Majlis Agama, dia buat undang-undang. Apakah benda ini boleh berlaku kalau kita lebih teliti dalam perkara ini?

Mereka merasakan mereka ada kuasa, sebenarnya agama kita, soal agama Islam telah di *high check* oleh kumpulan yang kita gelar alim ulama ini daripada mereka yang benar-benar berkuasa. Dalam perlembagaan kita kuasa mengenai agama adalah kuasa Raja-Raja Melayu. Dalam perjanjian tahun 1948, sebelum kita merdeka, Raja-Raja Melayu melepaskan semua perkara kepada pusat, kepada pentadbiran sivil, soal tanah, soal pertahanan, soal semua. Cuma dua perkara yang tidak dilepaskan, soal adat dan soal agama.

Bererti di negara kita di bawah perlembagaan kita, Raja Melayu yang bertanggungjawab soal haram halal, itu undang-undang negara kita. Dan kita tidak boleh melepaskan tanggungjawab ini semata-mata dengan menggubal undang-undang, serah kepada Raja untuk sains *as a constitutional monarch*. Itu untuk hal-hal lain ia *constitutional monarch*, tetapi dalam hal agama dan adat, istiadat Melayu, dia ada absolute power.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Minta penjelasan.

Datuk Mohd. Zaid bin Ibrahim: *Can I continue?* Sebab itu saya teringat suatu masa dulu, soal bila nak raya. Bila nak raya, nampak bulan, tak nampak bulan. Masa itu kita belum ada lagi sampai ada soal perkiraan dan saya teringat Sultan Perak pada masa itu, Allahyarham Sultan Perak, dia kata hari raya hari ini, lebih kurang begitulah. *And he is correct, he is correct*, kalau salah di sisi agama, berdosa itu tanggungjawab

dia *but he is correct*. Raja Melayu mempunyai kuasa dalam soal ini, jadi saya menyeru kerajaan buatlah perbincangan yang mendalam dengan Raja-Raja Melayu, ambil kira soal-soal ini, soal perpaduan ummah, soal isu, soal jenayah, soal yang boleh memalukan kita dan merosakkan juga imej Islam ini.

Suatu masa dulu kita bercakap mengenai *Uniform Family Law* - Undang-Undang Keluarga Islam Seragam, apa jadi? Apa jadi? Katanya susah nak mendapat persetujuan dari Raja-Raja Melayu, susah kerana usaha tidak cukup. Bukankah Raja-Raja Melayu telah bersumpah bila menjadi Raja untuk mempertahankan semua ini, itu tanggungjawab. Kita harus tidak boleh membiarkan soal-soal agama, undang-undang, hukum-hakam ini serah kepada saya civil service ataupun badan-badan agama ini Kita perlu, kerajaan perlu bersama dengan Raja-Raja Melayu membuat ketetapan semua ini. Suatu masa dulu kerajaan PAS di Kelantan menggubal Undang-Undang Hudud sebab kalau mencuri, *cut your hand*. Dan saya mengemukakan perkara ini, Mahkamah Persekutuan persoalan ini tetapi masih sampai ke hari ini pun sudah tentu perkara itu belum lagi kita dengar, saya pun tak tahu apa terjadi.

Tetapi bukan saya mencabar soal agama, itu bukan soal agama yang kita timbul, soal kuasa, siapa yang boleh menggubal undang-undang sedemikian. Dewan Undangan Negeri kah Mufti kah Dewan Negeri kah? Siapa boleh keluar fatwa? Apakah kesan fatwa dari segi undang-undang?

Ini persoalan yang perlu kita jawab, kalau tidak kita tidak akan mendapat penjelasan yang baik, yang jelas, yang boleh kita orang Islam tahu. Kita tahu misalnya berbalik kepada kes tadi katakanlah menunjuk aurat atau mengguna pakaian mengambil bahagian dalam ratu cantik salah. Tetapi kita tahu juga kalau orang lelaki mengambil bahagian dalam *Mr. Malaysia*, tunjuk badan juga. Mungkin pada kita yang lelaki ini tidaklah begitu seronok tapi adakah mungkin orang lain mengatakan itu juga sesuatu yang perlu kita haramkan? Bagaimana dengan anak-anak Melayu yang ingin kita katakan perlu bersukan, pergi *swimming pool*, nanti akan pakai *swimming trunk* itu bukannya satu kesalahan, ketat bagaimana? Kepada sesetengah mereka semua menjolok mata, mengghairahkan. Apakah anak-anak Melayu akan di himpun dengan tekanan-tekanan ini?

Saya harap penjelasan ini dibuat berasaskan undang-undang prinsip agama kita, agama kita dalam Al-Quran banyak ayat-ayat yang menunjukkan kita perlu berbincang, kita jangan cepat menghukum. Kita tahu misalnya, seorang ahli fikir Islam di Afrika Mahmud Toha, dia kata tidak ada manusia yang lengkap yang berupaya untuk menghukum perkara-perkara sedemikian, perkara maruah, perkara keyakinan dan takwa. Itu perkara tuhan Allah SWT, bukan untuk kita. Tetapi hari ini kita ada manusia yang lebih daripada itu, yang menghukum sedangkan apakah kita fikir mengapa anak-anak kita berkeliaran di dalam disko, mengapa? Mengapa mereka minum *beer*, *wine*, pergi hisap dadah, di Kelantan banyak dadah, mengapa?

Sudah kah kita sebagai sebuah negara Islam ini membuat sesuatu yang secukupnya untuk mendidik mereka, mengalih tenaga mereka dan pemikiran mereka kepada sesuatu yang sihat.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Minta penjelasan sikit sahabat saya Yang Berhormat bagi Kota Bharu. Syabas Yang Berhormat. Saya tertarik dengan hujah Yang Berhormat sebagai seorang peguam, hari ini kita larang umat Islam pergi ke kedai beli nombor ekor kita ada karaoke, kita ada disko dan sebagainya. Bolehkah Yang Berhormat bersetuju sebagai sebuah negara Islam, kita larang semua umat Islam tidak kira umur untuk memasuki tempat-tempat ini?

Karaoke baik, bar baik, disko baik dan sebagainya. Sebagai menunjukkan bahawa kerajaan benar-benar melaksanakan tanggungjawab sebagai sebuah negara Islam. Termasuk masalah halal haram ini, macam negara Arab, hanya kedai-kedai halal sahaja umat Islam boleh masuk. Habis cerita, tiada timbul masalah tiada logo dan sebagainya. Minta sedikit masalah Yang Berhormat. Terima kasih.

Datuk Mohd. Zaid bin Ibrahim: Saya sudah tentunya tidak setuju kerana saya rasa soal pemilihan ataupun soal pencegahan maksiat ataupun perkara-perkara yang berdosa ini sepatutnya tidak dilakukan oleh sesebuah kerajaan. Kita harus mendidik orang-orang kita membuat pilihan secara sukarela. Lagipun Perlembagaan kita memberi kebebasan bukan sahaja kepada orang bukan Islam, *freedom of expression*, *freedom of association*, *fundamental right*, ini ada dalam Perlembagaan kita, kita hendak mansuhkan semua itu? Kita hendak buat kembali negara yang lain daripada

apa yang kita tubuhkan? Selagi kita beri kuasa kepada rakyat kita dalam hal-hal ini, maka kita harus menghormati. Lagipun saya tidak percaya haram-pengharaman dan menyekat itu dan ini menyelesaikan masalah.

Cik Fong Po Kuan: Minta penjelasan. Terima kasih Yang Berhormat bagi Kota Bharu. Saya masih kurang jelas, saya amat berbesar hati kalau Yang Berhormat bagi Kota Bharu boleh perelaskan lagi. Apakah Yang Berhormat sekarang ini mendapati undang-undang itu tidak jelas, oleh itu perlu adakan perbincangan atau undang-undang telah jelas, tetapi pegawai yang menjalankan penguatkuasaan itu yang memberikan definisi yang berlainan mengikut definisi sesuka hati mereka untuk menjalankan penguatkuasaan. Itu soalan satu. Kalau kita tengok Tuan Yang di-Pertua, kalau kata dalam undang-undang Islam, aurat. Apa yang dimaksudkan dengan aurat? Ada yang kata perlu pakai tudung, ada yang kata tidak perlu. Tidak meliputi rambut. Jadi, persoalan di sini undang-undang tidak jelas atau masalah dengan pegawai penguatkuasaan yang menjalankan *selective prosecution* pendakwaan secara memilih, *by right at the women, but not the men*, dengan izin. Pendakwaan memilih, cara memilih, mengikut sesuka hati mereka. Sebab kita tahu ramai pegawai yang menjalankan penguatkuasaan adalah pegawai lelaki. Kalau kita kata menjalankan penguatkuasaan dari segi agama. Jadi saya pohon penjelasan. Undang-undang tidak jelas atau masalah dengan pegawai? Kalau masalah dengan pegawai bukan undang-undang itu, jadi apakah tindakan atau cadangan Yang Berhormat rasa patut diambil. Terima kasih.

Datuk Mohd. Zaid bin Ibrahim: Seperti yang saya sebutkan tadi, setengah undang-undang yang disebut tadi, yang ada undang-undang jenayah adalah *ultra-violence* - Perlembagaan Persekutuan. Tidak sah. Itu yang menyulitkan pada saya. Tetapi jika saya salah, kerajaan boleh rujuk perkara ini kepada Mahkamah Persekutuan. Dalam Perlembagaan kita Raja-raja Melayu boleh merujuk, Yang di-Pertua Agong boleh merujuk sesuatu isu untuk penjelasan. Seperti dalam kes saya itu, saya buat kes itu semata-mata untuk mendapatkan penjelasan. Jadi untuk menjawab soalan tadi, satu-satu perkara yang jelas pada saya ialah undang-undang sendiri - tidak syak.

Dari segi Perlembagaan, itu yang kita perkataan hari ini. Kedua, kalau adapun undang-undang itu pun sah, dari segi *detailnya*, dari segi cara implementasinya pun

tidak ada. Jadi sebab itulah saya mencadangkan satu kajian, kerajaan harus mengambil isu ini dan bukan hanya setakat kata orang, 'kita hentikan dahulu', kerana ini akan berulang kembali. Kita panggil semua ahli pakar undang-undang Perlembagaan, kita kaji. Kalau ada yang tidak sah, kita tukar. Kalau kita hendak sekatkan, kita hendakkan sesuatu peraturan, untuk menjaga moral, menjaga akidah kita, kita lakukan. Tetapi dengan cara-cara yang dikehendaki dan dituntut oleh agama kita juga.

Bukan yang dituntut atau dikehendaki oleh orang-orang yang tertentu sahaja. Sebab itulah, dalam soal ini, soal ini soal rumit, soal yang melibatkan begitu ramai orang, melibatkan sesuatu yang sensitif, kerana ia melibatkan agama. Sudah tentunya satu perkara yang penting. Jadi saya harap, biarlah kita proaktif dalam perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat bagi Ketereh.

Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Kota Bharu. Saya setuju dengan Yang Berhormat bagi Kota Bharu apabila mengatakan bahawa soal ini adalah satu perkara yang rumit. Memang ianya rumit. Dalam kehidupan ini ada dua jenis hukuman, satu hukum dunia, satu hukum akhirat, satu hukum manusia satu hukum Tuhan. Hukum Tuhan ditentukan oleh agama, hukum manusia ditentukan oleh undang-undang negara. Dalam Islam perkara ini adalah luas. Islam menetapkan satu garis yang sangat luas. Setiap orang Islam itu adalah [*Bercakap dalam bahasa Arab*]. Pendakwa, bukan hakim. Sebab itu kalau sesiapa cuba menghakimkan moraliti seseorang berdasarkan pandangannya sendiri, ianya tidak menepati.

Tetapi dalam banyak perkara undang-undang dalam Islam ini yang haram jelas, yang halal adalah jelas, yang bercampur, yang syak wasangka ini yang perlu dibincangkan. Yang ini Nabi berpesan, elakkan. Yang haram itu jelas, yang halal itu jelas, yang waswas elakkan, maka tidak timbul. Jadi saya setuju dengan Yang Berhormat bagi Kota Bharu kalau mengatakan bahawa perkara ini terlalu rumit, kalau dibincangkan secara mendalam, banyak orang tidak mengetahui, banyak orang menganggap mereka ada kuasa 'over zealous', dengan izin untuk melaksanakan kuasa tersebut menyebabkan orang salah faham tentang Islam. Saya mencadangkan supaya perkara ini mesti dibincangkan dengan cara yang terbuka sebab Islam itu luas, Islam itu tinggi [*Bercakap dalam bahasa Arab*] - tidak ada yang lebih tinggi, tidak ada yang lebih

mulia daripada Islam. Tinggi ianya, kadang-kadang tidak sampai kita hendak fikir terutama dalam tajuk-tajuk tertentu. Terima kasih Yang Berhormat.

Datuk Mohd. Zaid bin Ibrahim: Terima kasih input Yang Berhormat bagi Ketherah itu lebih kena pada tajuk ini. Saya cuma hendak sentuh perkara terakhir Tuan Yang di-Pertua, mengenai Islam Hadhari. Ia juga disebut dalam ucapan atau Titah Seri Paduka Baginda tempoh hari. Soal hasrat kerajaan untuk memperkenalkan pada fahaman saya moden Islam, *civilizational society*, dengan izin. Itu adalah satu usaha yang baik. Tetapi kita telah dengar perkara ini dahulu pun, tetapi namanya lain. Dahulu Penerapan Nilai-nilai Islam pada satu masa. Selepas itu saya pun teringat juga mengenai konsep madani itupun *civilization* juga pada saya. Jadi saya harap kalaulah kita hanya teruskan penjelasan ini dan saya telah dengar sesi-sesi penjelasan. Tidak banyak berbeza dengan yang dahulu pun. Kadang-kadang jawatan orang-orang pun sama. Bajet mereka besar, tetapi ungkapan pendekatannya tiada berbeza.

Jadi saya harap, kerajaan *translate*, tukar prinsip-prinsip ini, 10 prinsip dalam Islam Hadhari. *Translate* supaya kita mengubah institusi negara ini barulah prinsip itu dapat kita lihat berkesan untuk mengubah keadaan. Sebagai contoh, kalau kita tidak ada perubahan dari segi itu, maka kita akan terus berceramah, kita akan terus mengatakan perkara yang sudah kita dengar dahulu. Orang-orang pun dari jabatan yang sama mungkin JAIS ke, YADIM ke - macam-macam. Jabatan-jabatan di bawah Jabatan Perdana Menteri dan bajet mereka pun besar.

Jadi kita harap, maksud saya sebagai contoh, konsep alim ulama sendiri pun kita kena tukar juga. Hari ini ikon orang Melayu Islam ialah mereka yang hanya berhujah sama ada dalam khutbah ataupun dalam ucapan agama. Tetapi pada suatu masa dahulu dalam sejarah Islam, orang yang dihormati ialah orang yang pakar sains, pakar pencipta. Imam Ghazali ialah seorang alim dari segi geologinya, tetapi Ibnu Sina juga dianggap sebagai seorang yang alim dengan pakar perubatannya dan macam-macam. Di Sepanyol kita lihat orang Islam di situ sampaikan air wangi kita yang ada hari ini pun orang Islam yang mulakan. Mereka, alim ulama masa itu tidak menganggapnya sesuatu yang boleh menyeronokkan, menghairahkan dan perlu diharamkan.

INTAN Banyak perkara dalam dunia yang kita mulakan kerana alim ulama pada kita, pada Islam masa itu ialah bidang yang luas. Hari ini kalau kita lihat siapa yang menerima *Nobel prize* sebagai pengukur keunggulan Islam hanya dua atau tiga orang sahaja, seorang mendapat *Nobel Prize in Physic* daripada Pakistan dan daripada Mesir dalam bidang *chemistry*.

Tetapi kalau Islam Hadhari yang kita peloporkan itu, ini kita bezakan daripada masa yang lepas. Biarlah kita ketengahkan juga orang Islam Melayu yang berjaya, yang menunjukkan kebolehan yang luar biasa dan mereka inilah pemimpin ummah yang sebenarnya. Saya harap pendekatan seperti itu, pendekatan cara bagaimana kita hendak mendidik, sama ada hendak mendidik ataupun hendak mengasuh mereka yang agak telah terkeluar daripada, seperti yang dalam *disco*, dalam penyakit dadah, bagaimanakah cara kita hendak mengubah perkara ini?

Inilah pemimpin-pemimpin agama perlu tumpukan, bukan setakat memberi ceramah, menghukum, menangkap dan menghindar. *Apa solution?* Saya harap untuk mengatasi masalah yang kita semua tahu. Masalah masih kekal walaupun kita telah menggunakan pendekatan yang dahulu. Sudah sampai masanya kita dalam Islam Hadhari ini mengambil pendekatan yang lebih saintifik, yang lebih profesional untuk mengubah nasib bangsa kita dan orang-orang Islam.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, habiskan ucapan dalam empat minit lagi.

Datuk Mohd. Zaid bin Ibrahim: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, saya minta maaf jika saya ada menyinggung sesiapa ataupun mengungkapkan sesuatu yang mungkin di luar kemampuan atau kebolehan saya tetapi saya memberi pandangan tadi semata-mata untuk melihat bangsa dan agama kita dihormati. Sekian, saya menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Putatan.

3.03 ptg.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Terima kasih Tuan, Yang di-Pertua. Saya amat bersyukur dan berterima kasih kerana diberi peluang untuk menyampaikan Usul Menjunjung Kasih Kepada Titah Ucapan Baginda Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya untuk meneruskan hujah saya dengan beberapa isu yang berkaitan dengan negeri Sabah dan Sarawak, khususnya kepada Sabah. Saya bagi pihak rakyat negeri Sabah ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ke atas jaminan beliau bahawa apa juga projek yang telah diperuntukkan dalam RMK8 tetapi masih belum dilaksanakan atau gagal dilaksanakan akan diteruskan dilaksanakan dalam RMK9.

Apa yang menghampakan di sini, Tuan Yang di-Pertua, adalah pencapaian pelaksanaan projek-projek yang dirancang dan mendapat peruntukkan dalam RMK8 negeri Sabah kurang daripada 50% seperti mana yang telah diujahkan oleh sahabat saya dari Beluran pagi tadi. Walaupun penjelasan dari pihak pucuk pimpinan sebagai tidak betul tetapi masalah-masalah tentang pelaksanaan itu memang ada dan saya tidak ingin menghuraikan lagi apa yang telah ditimbulkan oleh sahabat saya dari Beluran.

Oleh kerana itu, apalah salah agar satu kementerian khas diwujudkan bagi menyelia urusan pembangunan negeri Sabah atau Sarawak. Kalau dirasakan bahawa penubuhan Kementerian ini kelak akan memangkin dan mempercepatkan lagi pelaksanaan projek-projek pembangunan ke dua-dua negeri ini yang mana masih jauh ketinggalan di belakang dari semua segi pembangunan. Sekarang kita ada Kementerian Wilayah Persekutuan yang menyelia urusan hal yang berkaitan dengan Wilayah Persekutuan Semenanjung dan Wilayah Persekutuan Labuan, apa salah kalau ada satu lagi kementerian di bawah Jabatan Perdana Menteri di wujudkan.

Dalam sektor industri asas tani pula, hasrat Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk menjadikan negeri Sabah dan Sarawak sebagai pengeluar negara bagi hasil sektor ini, merupakan durian runtuh bagi negeri Sabah dan Sarawak, khasnya. Bagi mencapai matlamat ini dua perkara *basic* yang saya ingin sentuh.

Pertama, di negeri-negeri ini mempunyai tanah-tanah yang luas yang belum diterokai. Faktor utama mengapa tanah-tanah ini belum lagi diterokai ialah kerana pemilik-pemiliknya adalah majoritinya golongan bumiputera, yang tidak berkemampuan dan tidak ada hala tuju yang berfokus untuk pertumbuhan ekonomi. Dan, luasnya tanah-tanah yang lain belum disukat dan dikeluarkan geran *especially* di Sarawak, dengan izin.

Ini menyukarkan para pemohon tanah untuk mengusahakan tanah-tanah yang mereka pohon kerana tidak mempunyai hak pemilikan yang diperlukan untuk mendapat sebarang bantuan daripada agensi-agensi kerajaan mahupun kemudahan pinjaman bank. Jadi, adalah dicadangkan bahawa Kerajaan Pusat melalui Kementerian Pertanian Asas Tani ini masuk ke negeri-negeri ini untuk membantu kementerian-kementerian negeri yang tertentu supaya segala program-program pembangunan pengusahaan tanah dapat di perhebatkan dalam Rancangan Malaysia Ke-9.

Selain daripada itu adalah dicadangkan supaya Kerajaan Pusat dapat menubuhkan satu dana khas bagi membangunkan tanah-tanah ini termasuklah urusan penyukatan dan pengeluaran geran-geran tanah yang masih dianggap sebagai, *land hill under customer right*, dengan izin. Saya ada menghantar soalan tentang adakah Kerajaan Pusat bersedia memberikan peruntukkan khas untuk membantu kerajaan negeri untuk membiayai kos penyukatan tanah yang saya sebutkan di atas. Jawapan yang saya terima adalah, *big No! Sorry!* Kerajaan Pusat hanya dapat membantu negeri-negeri di Semenanjung, bagi Sabah, Sarawak mereka itu buatlah sendiri. Kasihan, Tuan Yang di-Pertua, negeri Sabah miskin,

Tuan Yang di-Pertua, bagi membangun industri asas tani di negeri Sabah, khususnya, saya bercadang supaya satu Institusi Pengajian Tinggi Khas mesti di wujudkan dan harus ditubuhkan di antara ke dua-dua negeri ini, walaupun di negeri Sabah sudah wujud Universiti Pertanian. Kalau boleh buatlah satu di Sabah yang boleh diletakkan di kawasan saya sendiri kerana ada tersedia satu Institut Pusat Latihan Integrasi Pertanian di kawasan saya. Serius Tuan Yang di-Pertua, ini betul-betul kita perlu.

Ini bertujuan untuk melahirkan lebih banyak lagi tenaga mahir dan profesional dalam bidang ini. Dalam hal ini saya mohon agar Kerajaan Pusat mempertimbangkan untuk menaiktarafkan Pusat Latihan Bersepadu Pertanian di Putatan ke taraf Universiti. Pusat Latihan yang melahirkan usahawan pertanian dan industri pemakanan daripada golongan remaja, tetapi malangnya pusat yang cantik ini tidak digunakan secara optimum kerana kekurangan peruntukkan daripada kerajaan negeri dan hanya beberapa orang sahaja keluarannya setiap tahun.

Setiausaha Parlimen kita telah melawat tempat ini, baru-baru ini, Tuan Yang di-Pertua dan beliau bersetuju dengan pendapat-pendapat beberapa Ahli Parlimen negeri

Sabah yang ikut turut bersama dalam kunjungan ini. Ini penting kerana selain daripada amalan pertanian biasa, penggunaan teknologi maklumat, teknologi pertanian moden, perhutanan pertanian moden boleh menaikkan lagi nilai tambah produk yang kita keluarkan kelak, sekali gus dapat nilai hidup masyarakat setempat

Mengenai dengan peluang perniagaan terutama sekali kepada masyarakat bumiputera minoriti di Sabah dan Sarawak. Kami amat terharu dan merasa syukur ke atas jaminan yang diberi oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bahawa masyarakat ini tidak akan dipinggirkan dalam pembangunan perniagaan.

Ketika merasmikan Kongres Ekonomi Bumiputera Minoriti anjuran bersama KCCI dan DCI pada 8 Februari tahun ini di PWTC, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah menekankan bahawa semua peluang perniagaan dalam bentuk kontrak dan lain-lain yang ditawarkan oleh kerajaan memohon daripada setempat-setempat itu akan diberikan keutamaan.

Dalam Titah Ucapan Baginda juga menyentuh tentang penyertaan seimbang dalam ekonomi di kalangan etnik dan wilayah, perhatian khusus akan terus diberikan terhadap kumpulan peribumi di Sabah dan Sarawak. OPP3 dirangka dalam masa 10 tahun iaitu dari tahun 2000 ke 2010. Kita tahu, soal penglibatan pembangunan oleh peribumi atau bumiputera minoriti dari Sabah dan Sarawak ini memang ada terkandung dalam dasar kerajaan tetapi hanya tinggal setakat dasar sahaja, tiada satu pun mekanisme yang telah dibentuk oleh kerajaan bagaimana ia dilaksanakan.

Seperti mana pengalaman saya sendiri dengan seorang profesional bumiputera, suatu kerja telah di"award" kepada saya tetapi belum sampai satu minggu telah pun ditarik balik dan dibagi kepada orang bukan bumiputera dan juga bukan orang tempatan. Projek ini adalah projek kerajaan. Saya tertanya-tanya kenapa pada mulanya *award* kepada saya tetapi ditarik balik. Tiada yang berani memberi jawapan kepada saya. *Short answer* yang saya terima adalah, "Ini arahan daripada atasan". Tidak ada orang yang berani memberitahu saya apa sebabnya. Mekanisme apa ini, Tuan Yang di-Pertua?

Semasa satu ketika, sebagai wakil Ahli Dewan Perniagaan Bumiputera pernah saya bertanya pucuk pimpinan kerajaan negeri, peranan kerajaan dan agensi-agensi memberi teladan kepada syarikat-syarikat swasta yang lain bagaimana mereka ini dapat

membantu dasar dan hasrat kerajaan untuk membina masyarakat perniagaan dan perindustrian bumiputera. Jawapannya apa? “Bagaimana kerajaan dapat membantu, syarikat kerajaan sendiri pun semua sakit”. Itulah jawapan yang saya terima, Tuan Yang di-Pertua.

Itu bukanlah jawapan yang saya *aspect*. Kita mahu tahu bagaimana, apa cara dia dan apa mekanisme dia? Seolah-olah semua dasar yang dirangka oleh kerajaan ini bohong, cakap sahaja yang cantik tetapi tidak betul. Apa jadi? Sudah lima tahun berlalu, apa sudah jadi RMK8? Apa kesan dasar ini?

Di Sabah hanya ada 27 syarikat yang berdaftar di Bursa Saham Kuala Lumpur. Di dalam *second board*, saya ingin tahu berapa ekuiti bumiputera di sana dan siapa mereka ini? *It would be interesting if you can find the role play by the so called bumiputera minority*, dengan izin. *Nil*, Tuan Yang di-Pertua.

Kita hanya tinggal lima tahun lagi dan tamatlah tempoh OPP3. RMK9 akan bermula pada tahun hadapan tetapi dasar itu belum ada kesan lagi. *There must be a kind of political effort for the government to see that this policy be implemented soon*, dengan izin. Tidak salah jika satu kementerian khas diwujudkan di bawah Jabatan Perdana Menteri untuk menerajui kerja yang dikira *urgent* ini di mana ia akan merangka beberapa cara atau mekanisme dengan bantuan kakitangan yang cukup dan mahir, jentera-jentera yang hebat, dengan kewangan yang cukup harus disediakan. Tidak salah juga jika satu mekanisme, misalnya satu aneka *bank system* atau *positive discrimination*, dengan izin, kalau boleh, kalau sudah dirangka dengan serta-merta supaya para usahawan daripada golongan bumiputera minoriti Sabah dan Sarawak dapat bersama-sama mencapai arus pembangunan negara.

Di sini saya ada keratan akhbar *The New Straits Times* pagi ini, Tuan Yang di-Pertua, penyertaan bumiputera ekuiti in *foreign eateries* tentang *guideline* kepada makanan yang halal dan pengeluar alkohol. Dan di sini, Tuan Director Raja Ahmad menyatakan, “Saya mengalu-alukan cadangan ini supaya bumiputera yang tidak beragama Islam boleh mengambil ekuiti bumiputera 30% ini. Saya harap pihak EPU dan pihak Kementerian *Domestic Trade* dapat mengambil cadangan ini dengan hati yang terbuka ”.

Ini penting kerana dengan adanya mekanisme seperti ini ia akan dapat membantu kumpulan sasaran tadi untuk meningkatkan lagi jumlah pemilikan ekuiti mereka dan sekali gus mencapai wawasan negara untuk melahirkan perniagaan dan perindustrian bumiputera.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh sedikit berkenaan dengan kawasan saya mengenai beberapa isu berkaitan dengan Titah Ucapan Baginda tentang indeks alam sekitar dan keselamatan negara kita yang kian menurun.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita tengok Laporan Ketua Audit Negara di muka surat 342, negeri Sabah tahun lalu. Kita nampak kawasan saya di bandar raya Kota Kinabalu, sampah sudah berlambak begitu banyak sehingga dalamnya sampai enam kaki dan inilah masalah besar di kawasan Kota Kinabalu iaitu pencemaran alam sekitar. Walaupun laporan ini adalah bagi tahun 2003 tetapi gambarnya diambil pada 28 Januari tahun ini pada waktu tengah hari dan beberapa lembar masalah lambakan sampah di pesisiran pantai di Kota Kinabalu

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, kawasan Parlimen Putatan diberkati dengan rangkaian taman negara iaitu Pulau Manukan, Sapi, Sulu, Memutik, Gaya dan sebagainya, semua ini di depan bandar raya Kota Kinabalu. Malangnya kedudukan yang merupakan *isle*, dengan izin, sebaik sahaja kita siap untuk mendarat di Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu, perkara yang saya maksudkan adalah pencemaran alam sekitar dan lebih khususnya membuang sampah secara *indiscriminate*.

Kita dapat melihat pencemaran sepanjang pantai melalui tingkap pesawat yang kita naiki. Menurut kajian yang dijalankan, dua penyumbang utama bagi masalah ini dikenal pasti pertamanya ialah kehadiran pendatang asing yang besar di sekitar kawasan ini dan kedua, kesedaran di kalangan penduduk tempatan tentang pencemaran ini amatlah rendah. Oleh yang demikian, langkah kerajaan untuk mengusir pendatang tanpa izin amatlah dialu-alukan dan haruslah diberi pujian. Namun demikian kerajaan hendaklah mengambil langkah yang lebih efektif bagi meminimumkan kehadiran mereka di kawasan bandar termasuklah mengehadkan masa mereka berada di bandar.

Masalah besar yang dikenali berkaitan dengan pendatang ini adalah mereka tidak mempunyai semangat cintakan alam sekitar. Penguatkuasaan mengenai dengan syarat kemasukan mereka misalnya, mereka tidak dibenarkan membawa isteri dan anak-anak mereka ke negara ini juga harus dikuatkuasakan. Dengan penguatkuasaan ini gerakan mereka dapat dipantau dan ini akan menyumbang kepada pengurangan pencemaran sampah di kawasan perbandaran.

Mengenai dengan tahap kesedaran di kalangan penduduk tempatan mengenai dengan pencemaran ini, bolehlah dikategorikan mereka dipengaruhi oleh sikap tidak acuh pendatang tadi. Oleh itu sebagaimana saya sebutkan tadi mengenai dengan pendidikan moral tentu sekali perkara ini dapat dibendung dengan peningkatan moral sejak awal lagi.

Dalam skop yang lebih luas lagi, pencemaran marin juga merupakan satu ancaman kepada alam sekitar. . Selain daripada aktiviti menangkap ikan dengan menggunakan kaedah bahan letupan dan racun yang kebanyakannya dilakukan oleh nelayan pendatang asing. Pencemaran air sungai dan saluran dari kawasan *upstream*, dengan izin, juga amat membimbangkan. Ini berlaku apabila sistem pembetungan najis di kawasan perumahan dan industri tidak dikendalikan dengan baik.

Kebanyakan sistem pembetungan najis yang sedia ada mengamalkan sistem yang lama dan tidak efektif lagi. Maksud saya di sini Tan Sri, sistem pembetungan najis di kawasan ini 'sudah mati', dengan perkataan yang kami selalu pakai. Jadi saya harap Kerajaan Pusat dapat membantu kerajaan negeri atas masalah-masalah ini.

Oleh yang demikian, saya ingin mengesyorkan bahawa selain daripada Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan Persekutuan dapat memberi satu peruntukan khas bagi membersihkan, memulihkan dan memelihara kawasan pesisiran pantai yang tercemar dan ekologi marin yang telah rosak di rangkaian pulau yang saya sebutkan di awal ucapan saya tadi.

Kedua, memberikan satu peruntukan khas bagi membersihkan, memulihkan dan memelihara sungai dan saluran yang tercemar tadi. Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan memberi peruntukan khas bagi memperbaiki semua sistem pembetungan najis yang telah usang atau sistem yang telah *outdated* dan tidak *functioning* lagi. Merangkakan satu polisi pembetungan najis dengan sistem yang lebih

efektif dan efisien. Polisi ini hendaklah dijadikan polisi negara dan dikuatkuasakan ke seluruh negara termasuklah negeri Sabah serta jadikan sebagai prasyarat bagi jenis pembangunan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh sedikit dengan soal persempadanan yang kini kita telah dihebohkan dengan media. Saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Timbalan Perdana Menteri, Yang Berhormat Menteri Luar Negeri kerana telah menangani masalah tuntutan bertindih blok ND 6 dan ND 7 atau dikenali sebagai Ambalak dan East Ambalak oleh Indonesia dengan penuh diplomasi dan tegas. Pendekatan yang diambil oleh kepimpinan negara kita ini haruslah diberikan pujian dan beberapa pendekatan yang lain boleh diambil seperti *joint venture development* sebagaimana yang diambil oleh Kerajaan Malaysia dan Kerajaan Thailand dalam membangunkan industri hidrokarbon di Teluk Thailand.

Kedua, meneruskan rundingan bilateral dan seterusnya jika ini tidak dapat diselesaikan, merujuk kes ini balik ke *International Court of Justice*. Merujuk kepada tindakan para penduduk Indonesia yang memijak dan membakar bendera negara kita dalam tunjuk perasaan di Jakarta, Makasar, Ambon, Maluku dan Pontianak, Palu dan Sulawesi Tengah serta tindakan menghantar tentera laut Indonesia ke kawasan yang dipertikaikan merupakan satu tindakan yang melulu. Ini mahu *provoke* kita untuk berperang. Tindakan ini sengaja diapi-apikan oleh media Indonesia yang mana mereka menayangkan sorotan ucapan bekas Presiden Sukarno dengan slogan Anti Malaysia atau keadaan ini diburuk-burukkan lagi dengan keputusan Kerajaan Indonesia untuk menaikkan harga minyak sebanyak 30%.

Tuan Yang di-Pertua, isu yang saya ingin timbulkan di sini adalah tentang sempadan negara kita. Sebagaimana yang umum kita ketahui, keputusan *International Court of Justice* untuk memberikan hak pemilikan Pulau Sipadan dan Pulau Ligitan kepada Malaysia adalah berdasarkan kepada terma efektif yang merangkumi *Legislative, Administrative* dan kuasa *Judicial Act*, dengan izin dan soal *Continental Shelf Ambalak* yang mahu direbut oleh Indonesia ini memang di dalam persisiran *exclusive economic zone* kita. Daripada pengalaman ini, Malaysia hendaklah menyedari kepentingan keperluan untuk menggariskan sempadan antarabangsa atau dalam hal ini,

sempadan maritim dan menamakan atau mencatatkan nama topografinya. Malangnya bila saya telefon Jabatan Tanah dan Ukur (JUPEM) Negeri Sabah, mereka pun tidak dapat memberitahu saya di mana lokasinya Pulau Ambalak ini Tuan Yang di-Pertua, begitu teruk. Jadi, saya cadangkan semua pulau ini dapat dimasukkan ke dalam peta negara kita, kerana ini penting sebagai buktinya yang menyatakan bahawa negara kita mentadbir kawasan yang dimaksudkan dan sekali gus memberikan negara hak untuk memiliki kawasan yang terbabit secara efektif.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh sedikit dengan masalah sosial di seluruh negara....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sila habiskan ucapan.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh: Sekejap. Ini penting sebab ...

Tuan Yang di-Pertua: Tiga minit ya.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Menurut angka statistik yang diperolehi, sejumlah 274,924 penagih dadah telah direkodkan semenjak tahun 1988 hingga Januari tahun ini. Daripada jumlah ini, pada tahun 2004 sahaja jumlah 19,810 penagih dadah baru atau 54 penagih dadah baru dikesan setiap hari sementara 18,862 penagih ulangan dikesan. Ini menjadikan dadah sebagai musuh utama negara. Oleh itu, satu pendekatan yang baru perlu dirumus agar bukan sahaja mekanisme memerangi dadah diperhalusi, tetapi juga mengenal pasti mengapa gejala ini terus menular walaupun pihak kerajaan dan swasta membelanjakan berjuta-juta ringgit dalam pelbagai kempen.

Adakah kempen-kempen ini tidak berkesan? Ini terkandung juga dalam ucapan Titah Seri Paduka Baginda pada perasmian Pembukaan Mesyuarat Penggal Pertama baru-baru ini yang menetapkan institusi keluarga untuk menjadi landasan kepada pembentukan masyarakat sejahtera dan terjejas sekiranya masalah sosial ini tidak dibendung dengan cara yang berkesan.

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Pasir Puteh.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh: Ya.

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad: Terima kasih Yang Berhormat bagi Putatan. Tuan Yang di-Pertua, saya tertarik tadi tentang dadah kerana banyak

perbelanjaan kerajaan, kita harus membuat penilaian semula. Setuju atau tidak Yang Berhormat bagi Putatan kalau kita gunakan peruntukan tadi selain daripada mencegah, mengubati, kita cuba mencegah, lebih hebat lagi kita gunakan peruntukan. Kita kerah tenaga semua ibu bapa yang belum kena dadah ini, jelaskan betul-betul dan gunakan secara maksimum tenaga kita. Setuju tidak? Terima kasih.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh: Saya setuju Yang Berhormat. Memang itulah tujuan kita di sini, berbahas supaya peruntukan yang kita gunakan selama ini telah hilang begitu sahaja dan kesannya tidak berapa Tuan Yang di-Pertua. Saya setuju dengan Yang Berhormat bagi Pasir Puteh.

Jadi berbalik kepada masalah sosial ini, saya cadangkan supaya diberi program pendidikan – kesedaran dan penilaian nilai-nilai murni haruslah diperhebatkan Tuan Yang di-Pertua. Bagi hemat saya, bak kata pepatah Melayu, “Melentur buluh biarlah dari rebungunya”. Ini bermakna, kita hendaklah menerapkan nilai-nilai moral kepada generasi muda sejak kecil lagi. Dalam hal ini mata pelajaran Moral haruslah diperkenalkan di semua peringkat pembelajaran yakni sekolah tadika, sekolah rendah, sekolah menengah dan institusi pengajian tinggi. Di samping penerapan nilai-nilai keagamaan, nilai-nilai cintakan negara, cintakan diri sendiri, cintakan jiran-jiran, cintakan masyarakat, antidadah, anti merokok, anti vandalisme ini mungkin akan terhapus.

Dengan adanya usaha dengan semua pihak sama ada dari pihak kerajaan dan orang awam serta syor-syor yang saya utarakan tadi boleh membuah hasil dan sekali gus memastikan kesejahteraan hidup kita di bumi ini. Dengan itu, saya mohon menyokong. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih, Larut.

3.29 ptg.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri yang turut hadir. Saya ingin turut serta membahaskan Titah Menjunjung Kasih di atas ucapan yang dikasihi Yang di-Pertuan Agong pada Pembukaan Rasmi Sidang Parlimen pada hari Isnin yang lalu.

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob] **mempengerusikan Mesyuarat**]

Kita bersyukur kerana ekonomi negara bertambah kukuh dan kadar pertumbuhan tahun lepas melebihi sasaran 7%. Rizab negara telah meningkat kepada RM273 bilion pada Februari yang lepas. Kejayaan Malaysia dalam pertumbuhan ekonomi pada tahun 2004 adalah secara praktikal meliputi semua aspek melebihi pencapaian kita dalam tahun 2003. Namun begitu kita juga perlu melihat pada dua perkara iaitu sektor pembinaan dan akaun perbelanjaan sektor awam yang menguncup. Dengan kedudukan itu kerajaan berhasrat mengurangkan defisit belanjawan kepada 3.8% dalam tahun 2005 daripada defisit bersamaan 5.3% keluaran dalam negara kasar (KDNK) dalam tahun 2003. Kita memuji usaha kerajaan yang telah berusaha keras untuk mengurangkan kepada 4.3% dalam tahun 2004.

Tuan Yang di-Pertua, bagaimana pun saya ingin mengesyorkan pada kerajaan dalam usaha mengurangkan defisit itu terutama seperti pendidikan dan pembangunan asas masyarakat akan terus menjadi teras pembangunan. Ini kerana mutu pendidikan di sekolah-sekolah kebangsaan di luar Bandar perlu ditingkatkan segera. Begitu juga di sekolah-sekolah menengah perlu dinaikkan taraf kerana ia berasaskan kepada pendidikan negara. Kita lihat pada hari ini ramai pelajar-pelajar kita yang mendapat 8A, 9A dalam peperiksaan PMR, UPSR 5A, kemudian yang terbaru dalam peperiksaan SPM, sejarah 17A. Sudah sekian lama kita tunggu dan pelajar ini adalah daripada kawasan yang boleh dianggap sebagai kawasan di luar jangkauan. Masalahnya sekarang ialah mereka yang berjaya dan cemerlang ini tidak ada tempat. Hendak masuk MRSM yang merupakan sekolah berasrama penuh yang menjadi idaman semua orang termasuk anak Yang Berhormat mungkin. Walaupun ia disediakan adalah untuk anak mereka yang tidak mampu adakah sekolah-sekolah yang lain?

Apakah usaha kerajaan, kementerian utamanya untuk membolehkan ramai lagi pelajar-pelajar yang cemerlang ini mendapat pendidikan yang sempurna di sekolah-sekolah asrama kerana malangnya, kita apabila pergi ke sekolah yang pertamanya ialah diajar adalah untuk terus membaca. Ini menjadi kelaziman, zaman saya dahululah saya

tidak tahu zaman saudara-saudara yang lain. Masalahnya kita tidak melihat bagaimana.....

Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: *[Bangun]*

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Nanti dahulu, Yang Berhormat Ketereh duduk sekejap, saya belum habis lagi.

Masalah kita ialah kita tidak mendidik bagaimana untuk membaca dan bagaimana untuk belajar. Supaya menjadi satu darah daging, budaya. Kita perlu melihat sistem yang ada pada hari ini. Apa kah kaedah yang terbaik? Yang terbaik supaya masuk ke dalam kepala pada anak-anak kita di peringkat prasekolah lagi. Minta maaf saya bukan seorang guru tetapi oleh pendidikan merupakan keutamaan sejak zaman Rasulullah junjungan besar kita Nabi Muhammad s.a.w tuntutan ilmu tidak ada hadnyakerana ilmulah menjadi penyuluh bukan pelita, PELITA ini nama kedai nasi kandar tetapi bolehlah kadang-kadang guna pelita, saya ingat kena tukar nama PELITA ini. PELITA ini sekarang sudah digunakan untuk restoran nasi kandar, jadi kalau ada sekolah-sekolah yang menggunakan istilah PELITA ini kena tukar kepada nama yang lebih terbaik.

Inilah masalahnya, supaya kita melihat masalah kita apabila gagal ada post-mortem dengan izin, bedah siasat. Tetapi apabila berjaya kurang dilakukan.....

Dato' Razali bin Ismail: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Kuala Terengganu bangun Yang Berhormat.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Wah! Ini orang pendidikan, silalah.

Dato' Razali bin Ismail: Baik, terima kasihlah Tuan Yang di-Pertua. Tadi telah disebut tentang beberapa perkara terutamanya apakah faktor yang membawa kepada kecemerlangan. Saya melihat di sini ada beberapa kata kunci yang penting yang harus kita semak. Yang pertamanya Nor Amalina ini ialah daripada Ulu Tiram, luar bandar, sekolah biasa tidak daripada sekolah berasrama penuh. Saya rasa perlu kita siasat kenapa tidak daripada sekolah berasrama penuh yang dikawal mungkin daripada penjelasan daripada kajian ini kita dapat penemuan-penemuan untuk kita menambahbaikkan prestasi sekolah berasrama penuh.

Yang keduanya ialah iaitu tentang apa caranya untuk kita memastikan pelajar-pelajar ini cemerlang. Saya lihat sekarang ini terlalu banyak mengajar daripada belajar. Terlalu banyak mengajar ertinya daripada sumber gurunya sahaja tetapi ikhtiar daripada pelajarinya itu saya rasa amat berkurangan, *is more of preaching rather than practicing* dengan izin maka apa pandangan Yang Berhormat dalam perkara ini? Terima kasih.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Saya sudah kata awal-awal lagi, kita bila buat satu post-mortem itu, satu kajian, satu kaji selidik memang betul, budak luar bandar. Bermakna orang Melayu ini boleh, bukan tidak boleh, hebat. Cuma cara bagaimana sistem yang ada pada hari ini. Oleh sebab itu saya meminta kementerian berkenaan ataupun Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri ada di sini, kalau sekolah asrama ini agak belanjanya besar hendak kita laksanakan, kita naikkan taraf sekolah-sekolah yang ada pada hari ini. Kawasan saya, saya beri contoh, di DUN Kubu Gajah dalam kawasan saya, Kubu Gajah, kita desak buat sekolah menengah, kita berterima kasih kepada kerajaan tetapi kekurangan murid. Apa salahnya diwujudkan asrama supaya kita boleh tempatkan pelajar-pelajar tersebut yang cemerlang di sekolah berkenaan bukan mestinya bila pergi ke sekolah-sekolah berasrama tertentu, sudah tentu jaminannya dia akan lulus universiti pergi mendapat dan sebagainya ke peringkat yang lebih tinggi.

Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ketereh bangun Yang Berhormat, hendak beri jalan?

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Ya, sila.

Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad: Terima kasih Tuan Pengerusi dan terima kasih Larut. Pasal Amalina yang berjaya 17 sebelum Yang Berhormat masuk ke tajuk. Pertamanya Amalina ini emaknya orang Kelantan, bapanya pun orang Kelantan...

Beberapa ahli: *[Ketawa]*

Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Ya, ibunya adalah seorang pensyarah maktab, tidak ada tempat maktab di Kelantan dia minta pindah pergi ke Johor, dia jadi pensyarah maktab. *Unfortunately* nasib tidak baik, dia bercerai dengan suaminya, suaminya seorang *engineer* di Dewan Bandaraya berkahwin dengan orang Johor, so dia baka Kelantan, keturunan Kelantan. Dia berjaya mendapat 17A kerana dia

dibenarkan mengambil 17 mata pelajaran di sekolah asrama penuh. Anak saya bersekolah di asrama penuh, ramai anak-anak kita bersekolah di asrama penuh, sebenarnya kalau dibenarkan ambil mata pelajaran yang banyak pun boleh dapat tetapi di sekolah asrama penuh, maksimum mata pelajaran yang dibenarkan ambil hanya 12, itu sebab di sekolah asrama penuh tidak dapat kejayaan lebih daripada 12 tetapi kita kena tengok daripada...saya bukan jawab saya hendak bagi input sama ada dia ambil 12 mata pelajaran dia *score straight* 12, dia ambil 11 *score straight* 11, itu yang penting. Saya kagum dengan pandangan Larut yang mengatakan orang Melayu sebenarnya boleh, tidak semestinya sekolah asrama itu hendak dibuktikan sekarang Amalina tidak berada di sekolah asrama walaupun tidak berada di sekolah asrama dia ada keupayaan untuk mencapai kejayaan. Yang ini harus digilap, saya sokong pandangan Yang Berhormat.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Terima kasih, Yang Berhormat kalau emaknya orang Kelantan, bapanya orang Kelantan, saya rasa datuknya mungkin orang Perak, agak sayalah.

Beberapa ahli: *[Ketawa]*

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Bermaknanya datuknya dahulu ada baru datang pada anak. Terima kasih Yang Berhormat Ketereh, memang itulah yang kita harapkan jadi kita lihat kalau bolehlah Amalina ini apa salahnya.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, neneknya mungkin orang Sabah ya. *[Dewan riuh seketika dengan ketawa]*

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Nenek dan datuknya lebih kurang sahaja Yang Berhormat, kalau di tempat Perak panggil atuk jadi di Sabah dipanggil nenek, pun lebih kurang ya. Apa salahnya kementerian melihat supaya ambil Amalina ini sebagai pelajar contoh, diberikan bantuan, diberikan apa juga supaya kita tidak mahu akhirnya besok beliau gagal apabila sampai ke peringkat yang lebih tinggi. Kerana saya tidak percaya kalau masalah kemiskinan boleh membantut masa hadapan para pelajar.

Saya beri contoh, ini contoh saya bagi yang saya alami di kawasan saya. Seorang bapa buta huruf, Yang Berhormat, buta huruf, tidak tahu membaca, tidak tahu menulis dan di samping itu dia tidak begitu sihat badannya kurus sedikit daripada Yang Berhormat bagi Labuan, [*Sambil menoleh ke tempat duduk Yang Berhormat Labuan di belakangnya*] isterinya bekerja tetapi anak-anaknya kesemuanya *graduate*, graduan – yang sulung seorang doktor berkahwin dengan doktor, yang kedua *engineer*, jurutera. Ini bapa yang buta huruf. Jadi di mana silapnya.

Oleh sebab itu saya berterima kasih kepada Yang Berhormat bagi Ketereh, saya setuju dan juga kepada Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu tadi. Sebenarnya kita semakin terlupa kepada sekolah-sekolah wawasan – sekolah bestari dan sebagainya, yang dirancang menjadi pusat pembentukan minda dan akademik bagi bersiap sedia untuk menerima ancaman globalisasi. Saya juga ingin mencadangkan di sini supaya bukan sahaja murid tetapi ibu bapa turut disedarkan mengenai pentingnya pendidikan kemahiran dan teknikal dan bukan sahaja sekadar akademik asas.

Gerakan untuk menyedarkan ibu bapa di peringkat desa hendaklah dijalankan secara lebih khusus oleh Pejabat Pelajaran Daerah terutamanya dan juga agensi-agensi kerajaan yang lain seperti KEMAS, JKK dan siapa juga yang merasakan perlu memainkan peranan penting ke arah tersebut. KEMAS perlu menjadi agen perubahan pendidikan peringkat bawah dan JKK jangan hanya tumpu kepada politik semata-mata tetapi menjadikan pendidikan sebagai teras operasi mereka.

Tuan Yang di-Pertua, saya berbangga kerana usaha kerajaan menambah baik kedudukan fizikal jangka panjang Malaysia menampakkan hasil memuaskan. Jika tidak kerana ada kecekapan yang membanggakan masakan kita mendapat pengiktirafan firma *Moody's* apabila ia menaikkan penarafan mata wang asing Malaysia daripada 3B1 kepada A3 pada Disember 2004. Ini selaras dengan peningkatan penarafan FEES daripada BB+ kepada A pada November 2004.

Saya juga ingin menyentuh sedikit mengenai langkah membaiki sistem penyampaian perkhidmatan awam bagi mengatasi kerenah birokrasi. Tuan Yang di-Pertua, usaha berterusan di kaunter penerima tetamu dan kaunter urusan dengan orang awam perlulah dipertingkatkan lagi kerana banyak yang belum mesra pelanggan. Kita menyanjung tinggi pesanan berkali-kali Yang Amat Berhormat Perdana Menteri

mengenai soal ini tetapi urusan di kaunter berkenaan belum begitu memuaskan. Pelanggan tidak mengharapkan senyuman yang terlalu menawan tetapi sekadar masalah yang dikemukakan dapat diselesaikan dengan segera atau dapat bertemu pegawai bertugas untuk tindakan lanjut. Sementara itu kita masih menunggu kesan sebenar Pelan Integrasi Nasional dan Institut Integrasi Malaysia bagi mempertingkatkan etika dan integriti dalam negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya melihat ada dua perkembangan yang membanggakan dalam industri automobil negara yang perlu diatasi segera. Pertama ialah jualan kereta nasional di luar negara kurang memuaskan, dan kedua ialah lambakan kereta asing di negara ini dijangka menjejaskan jualan kereta nasional. Kereta-kereta Proton sejauh ini dieksport ke Timur Tengah dan Afrika sebanyak 7,184 unit; Asia dan Oceania berjumlah 1,698 unit. Walaupun kempen agak besar dilakukan di United Kingdom termasuk menaja sebuah pasukan bola sepak Liga Perdana Inggeris .

Ha, semalam Yang Berhormat bagi Sri Gading tidak ada [*Menoleh ke tempat duduk Yang Berhormat Sri Gading*] dia lanyak saya, dia kata yang dia bergurau fasal Tsunami – kalau datang sekali lagi lanyaklah semua orang bola sepak. Dia lupa, kalau Tsunami datang, bukan setakat lanyak saya, Yang Berhormat bagi Kinabatangan pun orang sukan – Presiden Persatuan Bowling, Yang Berhormat bagi Sri Gading, lagilah – Presiden Sepak Takraw Johor dan banyak lagi, jadi mungkin dia bergurau, jualannya hanya 1,3

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat,

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Tangga Batu bangun.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Tangga Batu? Bukan Tangga Ya, sila.

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Larut. Saya memang berminat betul tentang masalah jualan kereta nasional di pasaran antarabangsa yang tidak mencapai sasarannya. Yang Berhormat bagi Larut menyebut tadi tentang produk kereta nasional ini berbanding dengan lambakan kereta asing di negara kita. Yang Berhormat bagi Larut, adakah pada

pendapat Yang Berhormat kualiti kereta nasional di pasaran antarabangsa ini tidak dapat mencapai harapan, kehendak dan keperluan pelanggan-pelanggannya di peringkat antarabangsa.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Saya akan mengambil perhatian di atas pertanyaan Yang Berhormat. Kita tungguh nanti apabila dijawab oleh pihak kerajaan. Tidak manis saya sebagai kita sama-sama untuk mengatasi mereka. Terima kasih, akan diambil perhatian. Jualannya hanya 1,333 unit dan di Australia pula hanya 697 unit. Destinasi eksport Perodua pada tahun lepas ialah Asia dan Oceania – 880 unit; Timur Tengah dan Afrika – 697 unit dan United Kingdom – 601 unit.

Pendedahan oleh Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, sahabat saya Yang Berhormat bagi Tambun pada persidangan Selasa lalu menimbulkan pertanyaan, apakah Yang Berhormat bagi Tambun tidak ada, [*Memerhati ke arah tempat duduk Yang Berhormat Timbalan Menteri yang kosong*] apakah kereta nasional kita sebenarnya untuk pasaran domestik sahaja dan kalau untuk pasaran domestik, apa akan jadi kalau kereta lambak semakin berleluasa? Saya tertanya-tanya dengan sikap Ketua Pegawai Eksekutif Proton tahniah kerana dilantik semula, yang enggan mengulas tentang penyusutan jualan kereta nasional di pasaran luar negara. “Apa yang boleh saya buat?” katanya sambil tertawa. Apakah beliau mahu menyembunyikan sesuatu? Nyatakan apa masalahnya.

Saya katakan ini kerana Presiden Persatuan Peniaga Proton Edar (PEDE), Wan Ahmad Sapuan bin Wan Abdul Rahman mendakwa bahawa kos insurans dan CIF kereta buatan Korea diisytiharkan di bawah nilai sebenar. Dengan pengisytiharan sedemikian, cukai yang dikenakan adalah lebih rendah dan ini membolehkan pengedarnya memberikan diskaun kepada pelanggannya. Nampak? Berikutan itu satu kajian menyeluruh industri kereta nasional dan cabarannya perlulah dibuat segera, lebih-lebih lagi ia akan menghadapi persaingan apabila AFTA dilaksanakan sepenuhnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak beralih kepada isu pelancongan. Saya juga ingin menyentuh sedikit mengenai pelancongan. Ada dua perkara mengenai pelancongan negara yang perlu diberikan, direnungkan kembali. Pertama ialah hampir 60 peratus daripada 15 juta pelancong yang melawat Malaysia pada tahun lepas

datangnya dari negara-negara anggota ASEAN, terutamanya negara Arab. Orang Arab ini yalah kalau dia berbelanja, seorang orang Arab ini, saya difahamkan, sama dengan 50 orang Eropah ... hebat. Jadi, itulah kenyataan. Kedua, Malaysia bukanlah tempat pilihan percutian yang diminati oleh pelancong Eropah khususnya Jerman.

Presiden, Persatuan Agen Perjalanan dan Pelancongan Malaysia (MATA), Dato' Seri Tengku Iskandar bin Tengku Abdullah berkata baru-baru ini, kebanyakan pelancong dari rantau ASEAN itu adalah dari Singapura, Thailand dan Indonesia. Walaupun kita mencatatkan kedatangan pelancong seramai 16.7, apakah kesan sebenar kempen kita di luar negara? Jadi saya mintalah Yang Berhormat Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, sahabat saya dari Bagan Datoh untuk menceritakannya kemudian. Apakah kita masih belum mampu memecah kebuntuan menarik pelancong terutamanya dari Asia Barat yang dikatakan kurang berminat ke negara Barat kerana tekanan dan sekatan-sekatan tertentu? Apakah kesan kempen kita ke negara Teluk dan negara Islam lain yang menonjolkan kita sebagai destinasi bagi pelancongan Islam dan negara Islam paling maju di dunia.

Selain itu satu kajian yang dilakukan oleh sebuah institut penyelidikan mengenai kajian 'masa liburan' yang berpusat dan berpangkalan di Hamburg di Jerman - menyatakan pelancong Eropah khususnya Jerman kurang ke Malaysia kerana persaingan sengit daripada beberapa negara Asia lain khususnya Thailand dan Indonesia yang juga terletak di rantau Asean. Berikutan itu saya ingin mengemukakan beberapa cadangan pertamanya ialah kempen baru mendekati mereka yang gemar untuk mengatur sendiri percutian masing-masing sambil mengambil kira kos yang perlu dibayar untuk menghabiskan tempoh percutian itu hendaklah dirangka. Ini kerana pelancongan yang menggunakan kaedah pakej itu juga kini semakin kurang digemari oleh pelancong Eropah.

Kita memang berbangga apabila pejabat pelancongan Malaysia di Frankfurt umpamanya telah dipilih sebagai pejabat pelancongan asing terbaik oleh 'Go Asia' . Sebuah pertubuhan pemasaran yang ditubuhkan berikutan wabak SARS, tetapi apa kesannya terhadap pelancong dari Jerman.

Tuan Yang di-Pertua, selain dari itu pihak yang membuat promosi pelancongan, pejabat Lembaga Penggalak Pelancongan Malaysia (MTPB) di luar negara perlu melihat

apa yang menyebabkan pelancong dari Eropah gemar ke Turki. Maghribi, Tunisia serta Dubai yang menjadi destinasi yang popular pelancong Eropah, walaupun negara yang dilawati itu adalah negara Islam. Kita juga tidak boleh mengetepikan syarikat tempatan seperti syarikat pelancongan utama di Jerman yang menganjurkan seminar dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh sedikit berhubung dengan Skim Kredit Mikro. Skim Kredit Mikro (SKM) yang menawarkan pinjaman antara RM5,000 hingga RM20,000 berjaya mewujudkan peniaga kecil baru dan berkembang maju dan diharap dapat meningkatkan sumbangan mereka bagi menjana pelaburan dalam negeri. Sehingga akhir November tahun 2004 sebanyak 193,236 permohonan pinjaman skim tersebut untuk peniaga kecil yang membabitkan jumlah pinjaman RM2.5 bilion diterima oleh Kementerian Kewangan. Daripada permohonan berkenaan sebanyak 103,201 permohonan atau pinjaman berjumlah RM946.7 juta telah pun diluluskan. Kita melihat usaha ini begitu berjaya dilakukan oleh Kementerian Kewangan dan dilaksanakan oleh Bank Simpanan Nasional dan Bank Pertanian Malaysia di bawah penyeliaan Bank Negara. Dua jenis pinjaman disediakan di bawah skim tersebut, pertama bagi perniagaan berasaskan pertanian daripada BPM dan bukan pertanian daripada BSN. Peminjam mempunyai pilihan untuk membayar pinjaman mereka dengan jangka masa yang *flexible*, dengan izin sehingga 60 bulan. Walau bagaimanapun, dengan pinjaman tidak berbayar NPL skim itu dikatakan memecah sebanyak RM730 juta sejak ia ditubuhkan dan ini membimbangkan.

Saya difahamkan bahawa NPL skim itu pada BSN ialah 17.9% dan BPM pula sekitar 16%. Saya berharap kutipan akan dilakukan dengan baik kerana kita tidak mahu ada pihak yang menggunakan alasan NPL ini untuk memberhentikan atau menjadikannya sebagai skim ini yang lebih susah.

Kita juga tidak mahu seperti isu PTPTN yang memerlukan campur tangan Perdana Menteri bagi mengatasi masalah ini, dan dikaitkan pula dengan institusi lain umpamanya Kumpulan Wang Simpanan Pekerja. Niat kita baik dan kita berharap mekanisme kutipan dapat dilakukan dengan baik supaya dapat diteruskan kerana ia mempunyai dua cita-cita murni iaitu membantu peniaga kecil baru dan mengatasi masalah Along atau ceti haram.

Berhubung dengan pinjaman Tabung Pendidikan Tinggi Nasional ini, tadi saya tidak sempat hendak bertanya soalan. Kalau boleh diperketatkan lagi syarat pinjaman supaya tidak disalah guna. Bayar terus kepada Pusat Pengajian Tinggi dan jangan diberi kepada pemohon. Kalau tidak duit itu mungkin digunakan untuk beli benda-benda yang lain. Kemudian disyaratkan pula apabila mereka ini membuat permohonan untuk mendapatkan pekerjaan masuk isikan borang. Beri arahan kepada semua agensi, masukkan dalam borang untuk memohon kerja sama ada dia ada ambil pinjaman PTPTN ataupun tidak. Kemudian bila dapat pekerjaan pastikan dia bayar balik. Itu mungkin syarat yang boleh ditimbang oleh pihak yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali saya ingin menyentuh berhubung dengan sukan. Sekarang sukan ini amat penting terutama bagi negara-negara Arab.

Ini hendak masuk sukan? Sukan sekejap lagi, belum masuk lagi. *[Bertanya kepada Yang Berhormat Ketereh yang bangun untuk bercakap]*

Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Belum, belum sukan, PTPTN.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Silakan.

Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad: Saya kagum dengan pandangan Yang Berhormat Larut supaya duit PTPTN ini tidak disalurkan terus kepada pelajar. Saya teringat masa kita belajar dulu di mana tidak ada PTPTN, tetapi kita ada biasiswa atau dermasiswa tetapi biasiswa ini dibayar melalui bendahari universiti. Katakan biasiswa Dewan Bandar Raya, kita tidak kacau Dewan Bandar Raya tetapi kita akan terus pergi kepada bendahari universiti. Bendahari universiti menerima duit, bendahari universiti akan memotong bayaran-bayaran universiti, bayaran asrama dan selebihnya diberi kepada pelajar kemudian rekod itu dipegang oleh pihak universiti dan juga pemberi biasiswa. Tetapi sekarang ini PTPTN dibayar terus kepada pelajar masuk dalam akaun dan terpulanglah kepada pelajar itu untuk berbelanja. Saya rasa cadangan daripada Yang Berhormat Larut ini adalah sangat bijak dan patut dipertimbangkan kerana ini membolehkan ada dua institusi yang mengawal pelajar tersebut iaitu universiti itu sendiri dan juga PTPTN.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Terima kasih. Saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat dan kita harapkan selain daripada syarat-

syarat yang telah disebutkan oleh Timbalan Menteri tadi, syarat yang dua yang saya bawa dengan Yang Berhormat ini dimasukkan dan syarat-syarat lain.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Gulung Yang Berhormat.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Sikap saya ialah kerajaan perlu membantu dalam apa juga cara untuk menggerakkan dan memajukan sukan utama yang boleh menaikkan imej negara secara khusus.

Saya ingin memperkatakan mengenai Le Tour de Langkawi (LTDL). Saya bersimpati dengan penajanya iaitu pengurusan baru, walaupun saya tidak berkenan apa yang berlaku, kita menjunjung ke Bawah Duli Tuanku sebagai ketuanan Melayu, tetapi janganlah kita hilang pertimbangan sehingga protokol pun kita tidak mengambil kira. Kalau ia pun kita ingin menyanjung pemenang sesiapa jugalah, saya ambil contoh de Langkawi yang menang sanggup ambil topi letak atas kepala Tuanku ini tidak betul. Orang tua-tua kita dahulu ini pantang datuk nenek pegang kepala. Hendak gunting kepala kita pun dia minta izin. Itu 'mamak' minta izin kalau boleh saya gunakan perkataan tersebut. Kalau tidak boleh tidak mengapalah. Ikut sensitiviti, jadi kita mintalah pihak penganjur siapa juga yang mengendalikan sukan kejohanan di negara kita ini mestilah tahu adat budaya kita. Jangan main pakai pukul sahaja. Kita ada adat resam dan budaya kita. Sama-sama menghormati, mentang-mentang raja kita sanggup turun ke bawah, Perdana Menteri kita sanggup bermesra dengan rakyat jangan pegang bahu jangan pegang kepala, ini pasal apa? Tidak boleh.

Kita beri nasihat kepada penganjur-penganjur seperti ini kalau melakukan lagi kita minta dia tidak menganjurkan lagi. Kita minta kementerian-kementerian berkenaan supaya memberi nasihat terutamanya Kementerian Belia dan Sukan panggil mereka ini tanya siapa, kejohanan apa yang dianjurkan, mesti ada protokol dan mesti tahu adat resam kita. Kita rasa tidak begitu sedap bila ada bangsa lain tidak menghormati kita. Kita hendak kempen budi bahasa di kalangan rakyat kita, tetapi bagaimana pula dengan rakyat yang lain, rakyat asing yang datang ke negara kita ini. Dia mesti tahu. Kalau kita tidak menghormati raja-raja mereka umpamanya tidak menghormati Queen Elizabeth bagaimana agaknya?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukup Yang Berhormat.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Mungkin dihalau terus pulang ke negara dia. Saya mintalah supaya Dato' Menteri walaupun saya ada lagi hendak sebut di sini cuma akhir sekali minta izin saya hendak mencadangkan kepada Jawatankuasa Kabinet, Timbalan Menteri Perdana Menteri tidak ada di sini tahniah dan syabas kerana kerajaan hari ini menyediakan beberapa skim untuk memajukan lagi sukan negara kita termasuk skim persaraan pencen. Cuma saya hendak minta pencen yang disebut itu diumumkan, hak lima orang yang menang main badminton di Olimpik yang mula-mula dulu. Beri mereka itu dulu untuk merasai skim persaraan kerajaan yang hendak diberikan kepada mana-mana atlet yang menang pingat di Sukan Olimpik pada masa-masa yang akan datang. Kita sudah ada lima orang menang pingat gangsa dan pingat perak.

Kalau boleh saya minta supaya diberikan insentif berupa biasiswa kepada pelajar-pelajar yang mewakili universiti dan juga negeri. Barulah ada sedikit 'ummp' untuk mereka terus memajukan sukan macam dibuat di negara luar. Hari ini universiti pun sudah tarik diri hendak masuk SUKMA dan kita minta mereka masuk balik SUKMA ini. Takut apa? Bersainglah kemudian ada di universiti dan juga skim insurans perlu dilihat. Beri kepada mana-mana pelajar yang terlibat dengan sukan dia dapat skim insurans. Dia jatuh dan luka dia dibayar terus barulah kita boleh membudayakan sukan negara. Dengan itu terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mohon menyokong.

Beberapa Ahli: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Beri Yang Berhormat Kubang Kerian dulu.

Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]: Bismillahir rahmanir rahim. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua [*Membaca sepotong ayat Al-Quran*] saya mengambil kesempatan pada petang ini untuk menyampaikan ucapan terima kasih di atas titah ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertua Agong.

Tuan Yang di-Petua, Islam adalah agama, yang sangat menyanjung tinggi tentang tamadun, tentang perpaduan, dan juga tentang hak, kepada semua agama, bangsa, yang hidup di atas muka bumi Allah s.w.t ini. Allah s.w.t menyatakan dalam Al-

Qur'an [*Membaca sepotong ayat Al-Quran*] antara lain yang bermaksud, "Sesungguhnya kebenaran itu adalah daripada Tuhanmu, iaitu Allah s.w.t. Barang siapa yang ingin beriman, maka dia boleh beriman, kepada siapa yang mereka yang tidak mahu beriman mereka dibolehkan tidak beriman".

Inilah yang dikaji oleh sarjana-sarjana Islam khususnya, seperti Hajjatul Islam, Imam Al-Ghazali, Rahimmullah, dan sarjana-sarjana sehingga, terakhir ini. Inilah yang dinamakan 'The Basic Fundamental Of Human Right', 'The Venus of Human Right' Yang paling agung, itulah Islam tidak pernah memaksa mana-mana ummah, mana-mana manusia di atas muka bumi ini walaupun mereka adalah ciptaan Allah s.w.t. Darah kita sama merah, rupa bentuk manusia yang sama, tetapi Allah s.w.t tidak pernah mengizinkan bahawa dipaksakan, mana-mana manusia yang lain untuk menganut Agama Islam. Inilah *human right*. Inilah bertolaknya ajaran *human right* yang dikaji oleh ahli-ahli falsafah Greek dan Unani, semasa zaman kegemilangan kita di Baghdad, zaman keagungan, di mana ilmu-ilmu algebra, ilmu-ilmu falsafah ini dikutip satu-persatu, di saat Barat pada waktu itu masih memakai cawat.

Tuan Yang di-Pertua, Allah juga menyatakan dengan tegas [*Membaca sepotong ayat Al-Qur'an*] tidak ada paksaan dalam agama, tidak boleh dipaksa, mana-mana individu itu untuk menganut agama Islam, tidak boleh. Yang boleh adalah dakwah, yang boleh adalah kita memberikan mereka penerangan, penjelasan tentang hak dan batil, kebenaran dan kepalsuan, hitam dan putih. Maka terpulanglah kepada manusia untuk memilih, sama ada mereka mahu menganut Islam, ataupun mereka ingin kekal tidak beragama, ataupun ingin kekal menganut agama masing-masing. Inilah dia siri perutusan, visi besar, nabi kita Muhammad s.a.w diutus, [*Membaca sepotong ayat Al-Quran*] untuk menjadi rahmat, kepada seluruh alam ini. Islam sangat menyanjung tinggi tentang tamadun, tentang budaya, tentang nilai-nilai, norma-norma, falsafah, mana-mana kehidupan dan tamadun manusia. Ini dibuktikan, oleh universiti tertua yang membincangkan, yang mendiskusikan tentang pelbagai disiplin agama. Iaitulah Universiti Al-Azhar, sehingga ada kursus, ataupun ada ijazah, ataupun master, ataupun PHD, yang membincangkan tentang perbandingan falsafah, ataupun perbandingan antara negara, antara agama.

Tuan Yang di-Pertua, di sinilah kelihatannya, dan terbuktinya, betapa tingginya dan agungnya Islam, bagaimana kita menghormati tamadun orang lain, cara hidup orang lain. Tidak boleh, sampai hari kiamat, hatta kepada para rasul, hatta kepada Nabi Muhammad s.a.w untuk menjalankan mana-mana bentuk pemaksaan, mana-mana bentuk kekerasan, terhadap umat manusia. Kerana jelas, bahawa Islam tidak mengundang mana-mana manusia yang menganut Islam secara tidak suka rela. Inilah ajaran Islam yang paling *basic*, yang paling *fundamental*, yang seharusnya difahami oleh mana-mana manusia pada hari ini. Maka sebab itulah, saudara-saudara, ahli-ahli parlimen sekalian, Datuk Sri, Tuan Yang di-Pertua, dalam konteks ini, kita menyaksikan bagaimana berlakunya, perdebatan, perbincangan antara tamadun, dalam pengajian falsafah, yang melibatkan tamadun dan mana-mana agama, dan diskusi intelektual, dalam mana-mana bidang dan disiplin ilmu.

Kita menyaksikan bagaimana telah berlaku, dalam antara agama dan tamadun. Dalam tamadun ini telah berlaku, di mana kita melihat, sarjana-sarjana Islam seperti Ahmad Didad, di Afrika Selatan, Prof. Dr.ZakirDi India, telah beberapa siri, mengadakan siri, perbincangan, siri-siri dialog antara tamadun, hatta telah berlaku perdebatan antara tamadun yang akhirnya mereka berjaya mencungkil, menggali khazanah, dan perbendaharaan nilai, dan falsafah mana-mana agama dan budaya dalam dunia ini. Ini sangat membantu kearah kesejahteraan hidup beragama, hormat kepada tamadun orang lain, merasa kita adalah makhluk ciptaan Allah s.w.t. Yang hanya dinilai oleh Allah s.w.t ialah ketaqwaan diantara kita.

Nabi Muhammad s.a.w, dia adalah seorang nabi, seorang yang paling berhak, yang paling ber*authority* tentang Islam. Sejarah telah membuktikan, yang dicatit dalam tesis, yang saya pernah baca, yang kita semua pernah bongkar dalam mana-mana universiti yang terkenal, *Hatta the Oxford*. Pernah para sarjana yang bukan Islam, sarjana yang bukan Islam menulis, bagaimana Nabi pernah memelihara seorang budak, seorang anak kecil dari seorang keluarga Yahudi yang miskin. Nabi membela budak ini sehingga besar dan dewasa sehingga sampai disaat dia menghadapi sakaratul maut. Di rumah Rasulullah, dirumah Nabi, bila Yahudi ini telah menghadapi hampir kepada sakaratul maut, hampir nazak, Nabi panggil bapa Yahudi ini. Dan Yahudi ini bertanya kepada bapanya, "Manakah agama yang aku hendak ikut?"

Tuan Yang di-Pertua [Tan Sri Dato' Seri Diraja Ramli bin Ngah Talib]: Dah macam ceramah di kawasan dewan.

Seorang Ahli: *[Menyampuk}*

Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]: Jadi, Tuan Yang di-Pertua. *[ketawa]*

Beberapa Ahli: *[Ketawa]*

Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]: Jadi Rasulullah s.a.w tanya dengan bapa budak ini, dan bapa Yahudi ini memberikan isyarat bahawa "Islamlah kamu" Lalu Yahudi ini mengatakan *[Membaca sepotong ayat Al-Quran]*. Ini bukti sejarah, yang membuktikan bahawa nabi sendiri tidak pernah, tidak pernah, menjalankan satu pemaksaan walaupun budak ini hidup di rumahnya sampai dia dewasa dan sampai dia meninggal dunia.

Contoh yang kedua Yang di-Pertua, dalam bagaimana Saidina Umar Al-Khatab, juga dia pernah dalam satu tesis yang saya baca, yang ditulis oleh seorang pemuda Afrika, yang membuat tesis masternya di Al-Azhar. Dia telah menceritakan bagaimana Saidina Umar Al-Khatab dijemput oleh tentera Islam untuk membebaskan Baitul Maqdis. Umar waktu itu menjadi Khalifah, menjadi ketua bukan negara sebab empayar Islam. Bila Umar datang ke Baitul Maqdis, kebetulan waktu sembahyang telah tiba, lalu bertanya "Di mana aku boleh sembahyang?" Paderi Kristian, seorang paderi Kristian yang menyambut Umar pada waktu itu, di Palestin, mempersilakan Umar untuk bersembahyang dalam gerejanya sebagai menghormati Umar sebagai seorang ketua negara. Umar menjawab dengan tegas bahawa "aku tidak akan bersembahyang dalam gereja ini kerana aku ketua negara, aku tidak mahu sejarah menulis bahawa satu hari esok aku pernah bersembahyang di dalam gereja ini dan aku bimbang umat Islam akan meruntuhkan gereja ini kerana aku pernah bersembahyang di dalam gereja ini". Ini satu penghormatan, satu nilai, satu sanjungan, satu kebebasan yang diberikan oleh Islam terhadap agama-agama yang lain.

Hatta waktu Rasulullah SAW, ini satu tesis yang ditulis oleh seorang pelajar Scotland, dalam tesis Ph.Dnya, dia menulis tentang di saat awal Rasulullah SAW apabila ditekan oleh musyrikin di Makkah, Nabi menghantar satu ekspedisi ke Habsyah, kerana Nabi melihat pada waktu itu Raja Najasyi yang beragama Kristian bersedia untuk

memberikan perlindungan kepada muhajirin, para-para sahabat pada waktu itu. Inilah dia saya rasa satu penggalan ilmu yang saya rasa kalaulah dialog antara tamadun ini diberikan ruang dan waktu yang seluasnya untuk diperbincangkan maka saya yakin dan percaya bahawa salah faham terhadap Islam ini tidak akan berlaku khususnya dalam negara kita yang hampir setengah abad diberikan kemerdekaan oleh penjajah kepada negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, begitu juga saya sempat untuk mengungkap beberapa seminar ataupun conference antarabangsa dan tulisan-tulisan seperti Olivia Roy, dalam bukunya 'Political Islam', oleh Gellas Keppel, oleh Bernard Louis, Robert Burton, John Esposito, Robert Fisk dan Neon John ski yang mereka ini adalah merupakan walaupun mereka ini bukan Islam tetapi tulisan mereka, hasil daripada berlakunya dialog antara tamadun ini, antara agama ini menyebabkan mereka setidak-tidaknya menulis artikel-artikel yang tidak menyerang ataupun memusuhi Islam secara total.

Inilah saya rasa satu nilai, satu pengajaran yang boleh kita ambil dalam negara kita, tetapi Tuan Yang di-Pertua, bukannya dengan cara kita menubuhkan satu Suruhanjaya ataupun yang dinamakan Interfaith, Religious Commission yang pada pandangan kita adalah satu Suruhanjaya yang akan melibatkan satu perbincangan tentang hak, tentang apa yang menjadi asas kepada amalan yang menjadi agama yang seharusnya kita memberi penghormatan kepada nilai-nilai falsafah dan ajaran agama-agama di dalam dunia ini. Saya bimbang Tuan Yang di-Pertua, sekiranya Suruhanjaya ini ditubuhkan - tadi saya minta laluan kepada Ketua Pembangkang untuk saya mendapatkan jawapan yang pasti, siapakah yang akan menganggotai Suruhanjaya ini? Dan dikatakan Suruhanjaya ini akan memberikan nasihat, yang akan memberikan pandangan dari kaca mata mereka mana-mana ajaran agama yang tidak bersesuaian dengan Suruhanjaya ini. Siapa?

Padahal berbincang tentang agama, kita bincang tentang disiplin ilmu Islam, sumber kekuatan dan pembinaan ilmu Islam yang mesti berdasarkan pada Al-Quran, pada wahyu, pada sunah Nabi SAW, ijmak, para ulama dan Qiyas. Di kalangan umat Islam sendiri siapakah yang paling layak untuk 'mentajrih', siapakah yang paling layak untuk menterjemahkan, untuk merujuk kepada sumber asal wahyu ini, bukan saya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang ini baru masuk bab Parlimen Yang Berhormat.

Tuan Salahuddin bin Ayub: Bukan saya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ketereh bangun.

Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih sahabat saya daripada Kubang Kerian. Saya sependapat dengan sahabat saya daripada Kubang Kerian walaupun parti politik kami berbeza bahawa Suruhanjaya tidak membawa peralihan, tidak akan membawa kepada sesuatu yang soal di mana, soal siapa sebab dalam Islam itu sendiri jelas Islam menggariskan dan saya yakin Yang Berhormat Kubang Kerian bersetuju dengan saya, dalam Islam itu jelas soal pengibadatan kepada Allah SWT, dalam surah yang paling pendek [*membaca ayat Al-Quran*], "Kamu sembahlah Tuhan kamu, aku sembah Tuhan aku, kamu beribadatliah cara kamu, aku beribadat cara aku". Tidak ada paksaan seperti mana yang disebutkan oleh Kubang Kerian.

Maka sebenarnya salah faham yang berlaku, *the misunderstood religion of Islam* ini adalah kerana sebenarnya tidak ramai orang yang cuba memahami apa sebenarnya itu ajaran Islam, bukan untuk menganut agama Islam tetapi untuk memahami ajaran Islam. Ajaran Islam itu diturunkan untuk memberi kebahagiaan kepada manusia, manusia sejagat sama ada dia Islam ataupun tidak. Bolehkah Yang Berhormat bersetuju dengan saya.

Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]: Tuan Yang di-Pertua, saya kenal Ketereh anak seorang ulama, saya tidak, saya pelajar di sekolah Inggeris sampai form 6, tiada asas agama. Tetapi apa yang penting saya bersetuju dengan Ketereh adalah kita belajar Islam satu agama yang cukup mudah untuk kita fahami. Yang haram itu haram, yang halal itu halal dan ia tidak mungkin berubah sampai hari kiamat selagi manusia itu mengaku dia mengucap dua kalimah syahadah. Terima kasih Ketereh, dalam Al-Quran terdapat dua jenis ayat.

Ayat yang *mukamah*, yang tidak boleh dipertikaikan hukumnya. Ini ajaran Islam, kalau kita orang Islam kita tidak pegang dengan Al-Quran siapa kita? Kalau saya, saya tidak ingin menuduh dan menuding jari kepada orang lain, kalau saya sendiri yang bernama Islam, bapa saya memberikan nama saya Islam, di mana sumber yang

tertinggi yang paling suci untuk saya rujuk? Iman? Ayat yang *mukamah* ini tidak boleh diubah, tidak boleh sama sekali diizinkan untuk berubah dan di sana juga ada ayat-ayat yang *mutasyabihat* yang boleh berubah yang Allah SWT berikan keizinan kepada manusia untuk mengubah mengikut peraturan alam, keadaan semasa, mengikut konteks dan ajaran yang namakan *Konsep Siasah Asyaiah* ataupun *Political Science*, mereka yang arif dalam ilmu dan disiplin ilmu masing-masing untuk menterjemahkan tentang hukum yang tidak ditetapkan oleh Allah SWT.

Oleh itu saya cukup bimbang kalau dalam negara kita sekiranya kita tidak memberikan satu panduan, satu garisan yang menentukan, yang akan memberikan satu jaminan masa depan kalau Suruhanjaya ini Tuan Yang di-Pertua, memberikan satu respons sebagai contoh mempertikaikan hukum murtad.. Ini yang menjadi pendapat mereka dengan mereka tidak mengkaji tentang terbukanya Allah SWT, mereka tidak mengkaji tentang disiplin wahyu ini diturunkan, mereka tidak mengkaji bagaimana tatacara, prosedur wahyu ini diturunkan. Allah SWT bersikap sangat terbuka, Allah SWT tidak memaksa [*membaca ayat Al-Quran*], satu kenyataan yang paling agung tentang *human right*, tetapi Allah SWT menyatakan kalau kamu masuk Islam maka jatuhlah pada diri kita ini kewajipan-kewajipan yang menjadi tanggungjawab yang menentukan yang merupakan ciri-ciri kitalah seorang muslim, pada zahirnya, pada batinnya, pada niatnya itu terpulang kepada Allah SWT. Murtad, bila Allah SWT mengatakan aku tidak paksa kamu masuk Islam tapi bila kamu sudah masuk Islam, itulah aturannya.

Adakah saya boleh berhujah di Parlimen ini Tuan Yang di-Pertua? Atas nama *human rites* saya boleh bercakap apa sahaja, saya boleh tidak mempedulikan Tuan Yang di-Pertua, kononnya atas nama *human rites*. Dalam Parlimen ada peraturan, ada *standing order* yang kena saya rujuk, yang saya kena hormat untuk memastikan kita sebagai ahli Parlimen yang berakhlak yang *character* kitalah manusia yang menanjung tinggi undang-undang dalam Dewan yang mulia ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr.Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Tangga batu bangun, Yang Berhormat.

Tuan Salahuddin bin Ayub: Sila.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr.Yusof bin Yacob]: Ya, sila Yang Berhormat Tangga Batu.

Tuan Haji Idirs bin Haji Haron: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Kubang Kerian. Oleh kerana Yang Berhormat telah menyebut sampai ke tahap *human rites* dan saya ingin merujuk ucapan Ketua Pembangkang sebentar tadi yang menyebut tentang beberapa perkara terutamanya Perkara 30,31,32 di dalam Perlembagaan kita, Yang Berhormat Kubang Kerian dan kita pasti bahawa perkara-perkara ini menyebut tentang Islam sebagai agama rasmi, tentang Yang di-Pertuan Agong sebagai Ketua Agama negara di mana negeri-negeri di bawahnya diketuai oleh raja-raja Melayu, Sultan-sultan kecuali Melaka, Pulau Pinang dan negeri-negeri yang tidak mempunyai sultan, ketua agamanya adalah Yang di-Pertuan Agong. Yang Berhormat ...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr.Yusof bin Yacob]: 31,32,33

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: 31,32,33. Saya sudah sebutkan tadi Perkara 31,32 dan 33. Yang Berhormat Kubang Kerian nampaknya bercakap di peringkat dasar, di peringkat polisi dan saya lihat pelaksanaannya hari ini berdasarkan kepada kontrak sosial yang telah dipersetujui oleh wakil-wakil setiap kaum, wakil-wakil setiap kepercayaan selama lebih kurang 50 tahun dahulu mengambil kira secara terperinci bagaimanakah kehidupan di masa kini? Hari ini kita lihat kalau adapun pertelingkahan di antara kaum dan agama, ia bukan berasaskan kepada kepercayaan. Ia berasaskan kepada *political sentiment*. Hari ini kita lihat di mana-mana dalam dunia pun tidak ada negara yang mengamalkan kontrak sosial seperti mana yang berlaku di negara kita Yang Berhormat Kubang kerian.

Ini yang saya hendak minta kepada Yang Berhormat adakah bersetuju bahawa kontrak sosial yang disebut di dalam perlembagaan itu telah merangkumi segala-galanya hasilnya hari ini Islam sebagai agama rasmi kepercayaan lain bebas mengamalkan amalan mereka asalkan tidak menjangkau batasan masing-masing. Setuju tidak Yang Berhormat Kubang Kerian?

Tuan Salahuddin bin Ayub: Ya, jangan bimbang. PAS masih bersama dengan sistem ini untuk mendapatkan kuasa dan kita tidak mempunyai pilihan yang lain melainkan kita menyertai pentas demokrasi ini. ini yang ada Di hadapan kita pada hari ini. Adakah dinamakan ataupun sama ada dinamakan sosial kontrak, datuk nenek moyang kita dahulu percaya dengan dasar ini? Hari ini kita sebagai Ahli Parlimen kita

sebagai *law maker* ini mesti melihat dengan serius tentang kebimbangan. Tidak salah kita membuat suatu andaian. Kita *forsee*. Kita mengambil langkah-langkah *pre-aktif* untuk kita melihat bahawa tidak berlakunya perkara-perkara yang tidak diinginkan dalam negara kita.

Sebab itu saya menegaskan di sini bahawa, Tuan Yang di-Pertua, supaya kerajaan, sikap tegas yang ditunjukkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri, bukan sekadar menanggung, tetapi jangan mengizinkan sekali-kali untuk Suruhanjaya ini ditubuhkan.

[Tepuk]

Puan Teresa Kok Suh Sim: Minta penjelasan

Tuan Salahuddin bin Ayub: Nanti sekejap biar saya habiskan. Saya akan berikan nanti.

Saya mengesyorkan bahawa kalau kita mahu untuk meningkatkan perpaduan kita, kalau kita mahu kita boleh hidup lebih baik, hari esok, hari lusa lebih baik dari hari ini, kita tubuh Suruhanjaya Perpaduan Negara. Kita tubuh suruhanjaya tamadun yang akan melihat, yang akan membincangkan tentang falsafah dan nilai sejagat yang ada pada mana-mana agama dan di sinilah kita bertolak untuk kita mendirikan sebuah negara Malaysia yang boleh kita memberikan sumbangan untuk kita hidup lebih selesa dan harmoni dalam negara tetapi bukannya satu Suruhanjaya yang akan menyemai benih-benih yang akan berlakunya rusuhan agama berlakunya peperangan agama sebagaimana yang berlaku dalam negara-negara yang lain, ini yang saya hendak tegaskan. Sila Seputeh.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Terima kasih Yang Berhormat Kubang Kerian. Tadi pada pandangan Yang Berhormat, pertubuhan *Interface commission*, Suruhanjaya itu nampaknya adalah dikatakan semata-mata untuk menyoal soal murtad dalam agama Islam. Tetapi bukankah kita boleh ambil sudut pandangan yang lain di mana Suruhanjaya seperti ini juga boleh memupuk persefahaman di antara penganut agama yang lain.

Ambil saya sendiri sebagai contoh, saya belajar sejarah Islam dalam Tingkatan 6 dan saya juga ambil kursus seperti tamadun Islam di Universiti di kampus. Pada pandangan saya, kami sebagai orang bukan Islam kami ada peluang untuk belajar dan

juga memahami agama Islam. Tetapi selalunya penganut agama Islam nampaknya tidak ada peluang atau tidak ada forum untuk juga mengetahui dan juga memahami agama yang lain. Saya rasa kita juga harus ambil satu sudut pandangan yang lain untuk lihat dengan adanya Suruhanjaya seperti ini. Mungkin Suruhanjaya ini juga boleh memainkan peranan untuk menyelesaikan sesetengah konflik yang berlaku di sesetengah tempat. Kalau berlakunya di antara agama, ia boleh dilihat sebagai satu langkah positif untuk merapatkan hubungan di antara penganut bukan agama dan juga kaum yang berlainan.

Tuan Salahuddin bin Ayub: Baik, saya boleh bersetuju dengan Seputeh, tetapi namanya diubah. Suruhanjaya Perpaduan Negara dan *terms of reference* adalah kepada kita mencari satu nilai yang sejagat, nilai murni yang diajar oleh semua negara, semua agama. Saya sempat juga membaca beberapa *so called* kitab *Confucius* yang dianut oleh orang-orang Jepun, orang-orang Cina yang menerangkan nilai sejagat, nilai kesaksamaan, nilai-nilai yang boleh kita kongsi bersama dalam kehidupan yang ingin saya melihat bahawa membantu ke arah kita menjadi manusia yang kita faham dan kita belajar Sejarah India, Tamadun India kita belajar Tamadun cina. Kita belajar tentang bagaimana falsafah Harris Tottle, falsafah Greek dan Yunani ini dan yang paling moden, dalam dunia moden falsafah Rosso. Kita boleh baca terjemahan *bible*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr.Yusof bin Yacob]: Gulung Yang Berhormat.

Tuan Salahuddin bin Ayub: Versi *Matiuous* dan seumpamanya yang hanya terdapat banyak unsur-unsur persamaan yang boleh kita berdiri atas satu nama kemanusiaan tetapi bukannya kita mencari mana-mana ruang dalam agama ini yang akan mencetuskan dan saya nyatakan bahawa agama sangat sensitif dan kalau agama Islam ini dicabar, *I'm willing to die*. [Tepuk] Jangan main-main. Pasal agama kita sangat *concern* kerana kita juga hormat pada agama dan ajaran yang lain. Sekian terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr.Yusof bin Yacob]: Lipis.

Tuan Mohamed Shahrum bin Osman [Lipis]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mohon untuk menyokong persembahan ucapan terima kasih ke atas titah Diraja Sri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Pada petang ini saya hendak

mengambil bahagian dalam bercakap tentang Kementerian Penerangan. Kementerian penerangan seperti yang kita tahu satu daripada matlamat penubuhannya adalah untuk pembangunan bangsa atau dengan izin kita panggil sebagai *nation building*. Kementerian Penerangan mempunyai peranan yang besar dalam proses pembangunan bangsa ini dan melalui tiga jabatannya iaitu Jabatan Penerangan, Jabatan Penyiaran dan Jabatan Hal Ehwal Khas yang juga dipanggil JASA.

Saya percaya Kementerian Penerangan menjadi jurucakap bagi pihak kerajaan dalam hal-hal pembangunan bangsa itu. Saya tidak menafikan peranan Kementerian-Kementerian yang lain seperti Kementerian Belia dan Sukan, Kementerian Pelajaran, Kementerian Pengajian tinggi. Tetapi bagi saya jurucakap utamanya adalah Kementerian Penerangan. Biasanya apabila ada perkara-perkara yang bercanggah dengan agenda pembangunan bangsa ini, terutamanya yang disiarkan oleh TV dan radio swasta, *public* akan menyalahkan Kementerian Penerangan. Sedangkan Kementerian Penerangan bukanlah satu badan yang boleh mengawal *contents*, yang ada atau pun yang disiarkan oleh TV dan radio swasta ini.

Kalau mereka hendak bercakap pun itu bukan bidang kuasa mereka, di sini saya hendak mencadangkan supaya Suruhanjaya Komunikasi diletakkan di bawah Kementerian Penerangan, dan Kementerian Penerangan ini bolehlah dinamakan sebagai Kementerian Penerangan dan Komunikasi dan dengan perubahan itu Kementerian Penerangan bukan sahaja boleh menjadi badan penyiar ataupun penyebar maklumat tentang agenda pembangunan bangsa ini, tetapi Kementerian Penerangan juga boleh menjadi badan pengawal tentang *contents* yang disiarkan atau disebarkan oleh TV dan radio swasta ini dan *contents* itu yang mana-mana yang akan bercanggah dengan hasrat dan agenda pembangunan bangsa kerajaan kerana harus diingat bahawa kita kini sedang menuju pada Wawasan 2020, di mana kita hendak menjadi sebagai satu bangsa yang maju dengan acuan kita sendiri

Kita sangat memberi penekanan kepada modal insan ini, modal insan ini sangat berkait dengan agenda pembangunan bangsa dan saya percaya itu adalah peranan Kementerian Penerangan.

Saya juga mengucapkan tahniah kepada RTM kerana banyak perubahan yang telah dibuat bukan setakat perubahan logonya sahaja dan kalau kita lihat dalam TV1

walaupun dipanggil dengan slogannya “Saluran Infotainmen Anda”, tetapi banyak sebenarnya bahan-bahan atau *contents* yang disiarkannya, yang berkait dengan pembangunan bangsa ini.

Saya difahamkan bahawa RTM akan dikorporatkan dan banyak cakap-cakap yang berlegar tentang pengkorporatan RTM dan banyak juga bercakap bahawa *revenue*, dengan izin yang dipungut oleh RTM sangat rendah dan sebagainya, tetapi bagi saya tidak bersetuju RTM ini dikorporatkan kerana bagi saya RTM bukanlah badan yang hendak memungut hasil kerajaan ataupun yang hendak bersaing dengan TV dan radio swasta yang lain, bagi saya RTM mempunyai agenda yang lebih besar dari itu.

RTM merupakan satu-satunya badan ataupun saluran kerajaan untuk memainkan peranan dalam pembangunan bangsa ini, saya mengharapkan bahawa RTM memberi tumpuan utamanya kepada pembangunan bangsa dan sebab itulah saya juga mencadangkan kalau tidak diubahkan, ditambah slogan RTM itu bagi saya bukan setakat “Rangkaian Infotainmen Anda” terutamanya TV1, tetapi dia sepatutnya menjadi “Rangkaian Nasional Anda”, kerana bagi saya imej RTM sebenarnya adalah imej TV Nasional atau imej TV negara.

Bagi saya untuk melaksanakan agenda pembangunan bangsa ini biarlah peruntukan kerajaan yang menanggungnya, bukan kita mengharapkan penonton yang ramai untuk bersaing dengan TV swasta dan sebagainya, kerana bagi saya TV1 atau RTM ada *audiencenya* sendiri dan kalaulah *audience* ini dipupuk bersungguh-sungguh melalui Jabatan Penerangan, saya percaya *audience* untuk TV1 ada kerana peminat setianya. Dan bagi Kementerian Penerangan pula mereka bolehlah menggunakan K3P yang kini telah ditukar nama kepada Kumpulan Bestari yang ada di kawasan-kawasan Parlimen atau di daerah-daerah untuk memainkan peranan dan menggerakkan supaya agenda pembangunan bangsa ini dan peminat setia RTM dapat dipupuk

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, Jasin bangun.

Tuan Mohamad Shahrudin bin Osman: Sila.

Datuk Haji Mohd Said bin Yusof [Jasin]: Terima kasih Yang Berhormat Lipis saya hendak minta sedikit penjelasan, sekarang ini RTM kalau kita lihat berita dia kurang *ummp* akhir-akhir ini, yang *ummp*nya diperagamkan wanita-wanita cantik

untuk membaca Warta Berita, tetapi berita yang ada di RTM akhir-akhir ini tidak ada lagi sudah.

Itulah sebabnya pada hari ini banyak orang pergi kepada stesen-stesen swasta dan kadangkala pula swasta ini melampau-lampau kerana baru-baru ini kita dipaparkan oleh satu stesen swasta yang mewawancara banduan yang didapati bersalah terutamanya misalannya kes Canny Ong baru-baru ini, orang yang didapati bersalah membunuh tetapi diberi ruang untuk diwawancara oleh stesen swasta ini, adakah ini baik untuk masyarakat kita? Minta penjelasan Yang Berhormat.

Tuan Mohamad Shahrudin bin Osman: Terima kasih Yang Berhormat daripada Jasin, itulah sebenarnya yang saya perkatikan kerana kalau kita lihat agenda pembangunan bangsa ini sangat penting dan itulah yang menjadi bagi saya hasrat kerajaan kepada RTM, sebab itulah kalau kita lihat TV-TV swasta mereka ini kadang-kadang dalam usaha untuk mendapatkan *audience*, mereka lupa kepada matlamat asal penubuhan mereka di samping untuk mencari keuntungan, mereka juga sebenarnya mempunyai tanggungjawab sosial untuk membangunkan bangsa.

Sebab itulah tadi saya letakkan badan pengawal ini biarlah kepada Kementerian Penerangan, sebenarnya berita TV di RTM ada *ummp* juga kerana dia ada peminat ataupun *audience* yang berbeza, mungkin bagi orang-orang bandar mereka suka melihat TV-TV swasta kerana persembahan yang berbeza, tetapi bagi mereka yang di luar bandar terutama bagi mereka yang tidak dapat saluran lain selain daripada saluran RTM mereka akan melihat berita RTM, selain daripada pembaca-pembaca berita yang jelita yang dipaparkan oleh RTM, itu bagus juga persembahan mereka nampaknya telah berubah daripada semasa ke semasa, apabila pelancaran logo itu memang nampak kelemahannya, sekarang nampaknya sedikit sebanyak telah dapat diperbaiki.

Di samping saya kata tadi bermakna Kementerian Penerangan juga haruslah dipertingkatkan atau diperkasakan peranannya kerana sekarang ini apabila Jabatan Penerangan telah dipisahkan, Jabatan Hal Ehwal Khas telah dipisahkan daripada Jabatan Penerangan dan dahulu Jabatan Hal Ehwal Khas itu adalah satu unit dalam Jabatan Penerangan, kita dapati kadang-kadang seperti ada suatu perlumbaan antara Jabatan Penerangan dengan Jabatan Hal Ehwal Khas.

Jadi ini juga kita minta diselaraskan dan Jabatan Penerangan ini juga kadang-kadang semacam hilang fungsinya. Fungsi Jabatan Penerangan hanya sekadar kadang-kadang untuk memberi ataupun menyediakan *P.A system* bila ada majlis-majlis ataupun keramaian-keramaian yang diadakan terutamanya di daerah-daerah. Itu pun kadangkala termasuk ada seorang staf sahaja yang pandai tentang perkara P.A system ini, bila mereka dipanggil berkursus atau sebagainya pihak jabatan kerajaan yang mengharapkan bantuan daripada Jabatan Penerangan ini terpaksa mencari P.A system daripada kumpulan swasta. Sila.

Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Lipis. Saya tertarik bila Yang Berhormat bagi Lipis membicarakan soal fungsi Kementerian Penerangan. Pada saya Kementerian Penerangan adalah merupakan lidah rasmi kerajaan. Pada saya Kementerian Penerangan adalah mulut kerajaan. Pada saya Kementerian Penerangan, baik jabatan-jabatannya, baik TVnya atau jabatan-jabatan lain di bawahnya adalah merupakan satu jabatan yang menjalankan fungsi utama untuk memberitahu hasrat kerajaan kepada rakyat.

Dahulu kita tengok Jabatan Penerangan, dia masuk kampung dengan wayang harimau kurus dia itu – saya kecil-kecil dahulu tidak ada wayang di kampung, duduk dalam pondok boleh tengok wayang kurus ini sahaja dan bila tengok wayang kurus ini ada pula cerita-cerita patriotik, cerita-cerita yang boleh memberangsangkan kita untuk mempertahankan negara. Kemudian barulah tengah-tengah sedap tengok cerita, dia berhenti, kemudian Pegawai Penerangan akan bangun bercakap mengenai negara. Kita dapat melihat bagaimana Tun Razak masuk kampung, keluar kampung.

Dahulu masa kecil-kecil ia menjadi tempat bagi kerajaan memberitahu rakyat. Jadi sekarang perkara itu sudah berubah, keadaan sudah berubah, dunia sudah berubah tetapi kita masih dengan cara lama. Saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat bagi Lipis dan saya minta komen Yang Berhormat, tadi pasal pembaca berita, pada saya bukan rupa orangnya. Kita tengok baru-baru ini juruhebah terbaik, Hasbullah Awang, dia bukan *handsome* pun, lebih kurang saya sahaja tetapi dia dapat pemberita terbaik. Saya minta Hasbullah Awang sebab komennya bagus. Harjit Singh Hullon seorang penyampai berita yang cukup menarik. Dia lebih kurang saya juga,

tidaklah *handsome* sangat, tidaklah macam Shah Rukh Khan, tetapi bukan orangnya, yang penting *content*.

Yang jadi masalah kepada kita sekarang ini kenapa pemikiran – saya tidak tahulah pemikiran ini betul atau tidak – kenapa Kementerian Penerangan berpendapat mesti ke situ dahulu, mesti *commercialize*, mesti dari duit, itu yang lebih. Pada saya wang tidak segala-galanya. Yang penting ialah isi, pengisian, kaedah, cara dan gaya persembahan. Boleh bersetuju dengan saya?

Tuan Mohamad Shahrudin bin Osman: Terima kasih Yang Berhormat bagi Keterah dan saya sebenarnya sangat bersetuju dengan kenyataan Yang Berhormat bagi Keterah dan di sini ingin saya tambah bahawa bagi pembaca-pembaca berita RTM sepatutnya kita kena ada satu akademi untuk melatih mereka tentang cara penampilan, cara persembahan dan wartawan-wartawan yang mencari *content* itu biarlah bersungguh-sungguh membuat penyelidikan dan sebagainya sebelum mereka “dipamerkan” di khalayak ramai melalui rangkaian TV.

Sekarang saya hendak beralih kepada sukan, Tuan Yang di-Pertua. Sukan ini kalau kita melihat sekarang semua orang memperkatakan tentang sukan dan apabila kita memperkatakan tentang sukan ini biasanya kita akan memperkatakan tentang kelemahan dan kekecundangan sukan dalam negara kita. Biasanya apabila kita memperkatakan tentang pertandingan terutama dengan negara-negara luar, kita akan bercerita tentang negara kita kecundang untuk meraih sesuatu johan atau sebagainya.

Saya rasa walaupun banyak telah diperkatakan, ada juga yang mengatakan banyak telah dibuat tentang sukan. Saya percaya mungkin cara atau *approach*, dengan izin, tidak kena. Jadi apa yang kita harapkan kementerian yang terlibat, Kementerian Belia dan Sukan dengan kerjasama Kementerian Pelajaran, Kementerian Pengajian Tinggi dan agensi-agensi sukan yang lain haruslah mencari *approach* atau pendekatan yang sesuai bagaimana kita hendak meningkatkan mutu sukan dalam negara kita.

Jadi satu daripada caranya ialah kita melihat kepada mereka yang berminat dalam sukan tetapi mereka ini tidak cemerlang dari segi akademik. Saya percaya ramai yang begini. Jadi apabila kita bercakap tentang sukan untuk melatih jaguh-jaguh sukan dan kita kaitkannya dengan kecemerlangan akademi, saya rasa ini ada yang tidak kena. Memang ada orang yang cemerlang dalam kedua-dua bidang tetapi ramai juga yang

hanya boleh cemerlang dalam sesuatu bidang. Jadi yang ini haruslah kita ambil kira dan kita cari jalan.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy: Soalan.

Tuan Mohamad Shahrudin bin Osman: Okey, sila.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan juga kepada Ahli Parlimen bagi Lipis, jiran saya di Cameron Highlands. Apabila kita membicarakan sukan, semua memang memahami bahawa masalahnya di peringkat akar umbi iaitu peringkat sekolah. Banyak telah diperkatakan mengenai memperkasakan latihan dan juga pendedahan pelajar-pelajar kepada sukan dan juga mutunya. Tetapi apakah pandangan Yang Berhormat bagi Lipis mengenai satu pengislahan semula atau “pengkejuruteraan” semula proses sukan di peringkat sekolah ini di mana kita mengambil semua NGO sukan dan melibatkan mereka di peringkat sekolah kerana masalah di sekolah...

Saya pernah menjadi setiausaha sukan selama 12 tahun di sekolah. Kerja setiausaha sukan hendak buat pentadbiran. Maka saya minta penjelasan bagaimanakah pakar-pakar sukan yang sedia ada – bola sepak sudah ada, berenang sudah ada, semua sudah ada – boleh disebatikan dalam proses pembangunan pelajar-pelajar di peringkat sekolah dan inilah yang perlu diadakan kerana kita tidak ada kepakaran. Kepakaran memang tidak ada di peringkat sekolah. Cikgu kena buat ini buat itu, mengajar juga. Ada cikgu pakai payung semasa mengajar. Dia gunakan *style remote control*, wisel, priitt, semua lari. Ada sebiji bola, 22 orang lari mengejanya. Inilah masalah.

Maka adakah Yang Berhormat bagi Lipis setuju bahawa kita sudah harus mengadakan *networking* dan satu cara di mana kita buat satu cara *incorporated*, persyarikatan di antara sekolah dengan NGO sukan demi memperkasakan mutu sukan negara?

Tuan Mohamad Shahrudin bin Osman: Terima kasih Yang Berhormat bagi Cameron Highlands. Sebenarnya saya sangat bersetuju dengan saranan itu dan itulah sebenarnya yang saya hendak perkatakan bahawa kini kalau kita lihat di Kementerian Pelajaran sendiri sukan telah menjadi satu sektor yang besar. Kalau dahulu sukan hanya diletakkan di bawah Bahagian Sukan, Jabatan Sekolah, kini sukan telah menjadi

satu jabatannya sendiri di mana diketuai oleh seorang Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran dan banyak bahagian yang ada dalam ini.

Jadi apa yang kita harapkan ialah bahagian-bahagian ini. Saya pasti akan ada satu bahagian perancangan dan penyelidikan dalam Jabatan Sukan ini dan apa yang saya harapkan bahagian ini dapat mengislahkan semula (*reform*) kecemerlangan sukan terutamanya di peringkat akar umbi di sekolah dan sebagainya.

Walau bagaimanapun saya juga terpenggil untuk membincangkan tentang sukan bagi pelajar-pelajar lepasan SPM. Mungkin mereka tidak cemerlang dalam SPM, maka habislah karier sukan mereka. Mungkin mereka adalah pelari handalan di sekolah. Mereka adalah pemain bola sepak di peringkat negeri.

Mereka merupakan atlet yang cemerlang tetapi apabila mereka mendapat gred yang rendah dalam SPM, tamatlah riwayat kecemerlangan sukan mereka kerana kita sentiasa memikirkan tentang akademik. Jadi, kalau Kementerian Pengajian Tinggi boleh membina kolej komuniti untuk menampung pelajar-pelajar yang tidak cemerlang ini, terutama dalam bidang ICT, dalam bidang masakan, dalam bidang mekap dan sebagainya, kenapa tidak diadakan kolej komuniti yang menjurus kepada sukan? Peserta atau pelajar yang memasuki kolej komuniti ini dikumpulkan. Maknanya mereka yang aktif dalam sukan sama ada di peringkat daerah, sekolah, negeri dan sebagainya dikumpulkan dan diletakkan ke dalam kolej komuniti ini. Mereka diasuh, digilap seterusnya dalam sukan yang mereka ceburi dan seterusnya mereka juga diajar tentang sains sukan dan kejurulatihan sukan. Jadi, dengan cara ini kita dapat mewujudkan satu *pool*, satu kumpulan jurulatih sukan yang akan berada di daerah-daerah, malah juga di mukim dan di kampung.

Saya juga mencadangkan supaya satu jawatankuasa penyelaras ditubuhkan. Mungkin telah ada di peringkat kementerian tetapi ditubuhkan di peringkat negeri, daerah, di antara pejabat pelajaran daerah dan juga pejabat belia dan sukan supaya maklumat mengenai dengan pelajar-pelajar yang aktif dalam bidang sukan ini dapat dikumpulkan dan diberi latihan dan sebagainya. Saya juga di sini hendak mencadangkan, apabila kita menyebut tentang 80 ribu siswazah menganggur hendak diberi latihan semula dalam latihan kemahiran dan yang ini diberi tanggungjawabnya kepada Kementerian Sumber Manusia. Saya percaya Kementerian Belia dan Sukan

juga boleh menilik atau boleh mengintai-intai kumpulan 80 ribu siswazah menganggur ini.

Saya percaya, di antara mereka ini mungkin ada yang mempunyai bakat dalam bidang sukan dan kepimpinan sukan. Jadi, saya mencadangkan supaya pihak Kementerian Belia dan Sukan juga memainkan peranan menyaring 80 ribu siswazah menganggur ini dan memberi latihan kepada mereka dalam kejurulatihan dan kepimpinan sukan kerana bagi saya, mereka ini mempunyai keupayaan dalam kepimpinan sukan.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Larut.

Tuan Mohamad Shahrudin bin Osman: Sila.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Terima kasih, Yang Berhormat. Tadi saya tidak sempat hendak sentuh perkara itu. Kita ucapkan syabas kepada kerajaan kerana melihat begitu jauh masa depan sukan termasuk Jawatankuasa Kabinet yang ditubuhkan untuk menyelaraskan semua kementerian yang terlibat dalam memudahkan lagi membudayakan sukan. Masalahnya ialah kekurangan jurulatih yang sampai ke *standard world class, international*. Ini menjadi masalah di mana kita terpaksa membawa jurulatih-jurulatih yang pernah memenangi pingat, umpamanya di peringkat Olimpik untuk memberi motivasi, pandangan, bimbingan kepada kita.

Jadi, setujukah Yang Berhormat sekiranya penyelarasan ini benar-benar sampai ke peringkat umbi? Jangan nanti, sekolah hendak gunakan padang umpamanya majlis daerah, timbul masalah di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, umpamanya dan begitulah seterusnya. Jadi, apa pandangan Yang Berhormat supaya penyelarasan ini benar-benar berkesan supaya tidak timbul lagi besok, sampai lima tahun atau sepuluh tahun pun kita masih lagi menghadapi masalah dilema yang sama? Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat boleh gulunglah.

Tuan Mohamad Shahrudin bin Osman: Terima kasih, Yang Berhormat bagi Larut. Jadi, itulah seperti yang saya katakan tadi, penyelarasan bukan sahaja di

peringkat kementerian antara kementerian, tetapi penyelarasan mesti juga berlaku di peringkat negeri dan juga di peringkat daerah. Jadi, saya sangat bersetuju dengan kenyataan yang dikeluarkan oleh Yang Berhormat bagi Larut tadi.

Jadi, kenapa saya menyarankan supaya 80 ribu siswazah menganggur ini, ada antaranya yang kita kutip atau kita pungut untuk menjadi peserta supaya mereka dapat menjadi jurulatih dan pemimpin atau pengurus dalam bidang sukan kerana bagi saya mereka ini mempunyai keupayaan selepas terlibat dalam bidang akademik, saya pasti mempunyai keupayaan. Mereka ini kalau kita latih betul-betul, kita boleh letakkan mereka sebagai jurulatih dan pemimpin sukan di peringkat daerah. Mungkin mereka boleh dilantik secara kontrak dulu di peringkat daerah kerana tidak ada *post* atau tidak ada jawatan sedemikian, rasa saya di peringkat daerah. Secara langsung, bukan sahaja kita dapat menyemarakkan dan memperkasakan kembali sukan di peringkat daerah tetapi kita juga dapat memberi peluang pekerjaan kepada siswazah menganggur ini.

Jadi, saya juga di sini, oleh kerana tidak ada jawatan, mungkin pemimpin sukan dan pengurus sukan di peringkat daerah, saya menyarankan atau mencadangkan kepada Kementerian Belia dan Sukan supaya dalam Rancangan Malaysia Kesembilan ini mewujudkan jawatan-jawatan tersebut di peringkat daerah kerana pada satu masa dulu, saya ingat, ada jawatan pemimpin belia di peringkat daerah dan sekarang ini sudah tidak ada. Sebab itulah kita lihat pergerakan belia sekarang telah menjadi malap, walaupun Yang Berhormat bagi Tangga Batu tidak bersetuju, terkejut dia.

Jadi, saya mengatakan begitu kerana persatuan belia yang menyertai persatuan sekarang ini semakin merosot [*Disampuk*] [*Ketawa*] Lipis tidak apa ya. Jadi, sebagai menggulungnya, saya memohon supaya sukan – tadi Kementerian Penerangan sebagai penyampai atau lidah rasmi kerajaan dalam agenda pembangunan bangsa dan juga kecemerlangan sukan ini diambil kira dan diperkasakan. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua dan dengan ini, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Gombak.

4.57 ptg.

Datuk Dr. Rahman bin Ismail [Gombak]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Bismillahir Rahmanir Rahim, saya mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-

Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk berbahas dalam menyokong Usul Titah Ucapan Seri Paduka Baginda.

Tuan Yang di-Pertua, seperti mana yang kita tahu bahawa pembiayaan kesihatan adalah tanggungjawab kerajaan dan kerajaan telah banyak melakukan langkah-langkah untuk memperbaiki lagi keadaan ini. Walau bagaimanapun, kita tahu bahawa tuntutan kepada perkhidmatan kesihatan dan perubatan ini semakin lama semakin meningkat, semakin lama semakin bertambah ataupun dalam bahasa Inggeris dikatakan, *the demand is getting greater*. Jadi apakah sebabnya? Kita tahu pertama, sebabnya ialah kerana kita tahu bahawa meningkatnya taraf hidup rakyat Malaysia. Jadi, bila berlakunya peningkatan taraf hidup rakyat Malaysia, *we want to have a better care, dengan izin*. Jadi, kita perlukan penjagaan kesihatan yang lebih baik.

Yang kedua, berlakunya tuntutan-tuntutan kesihatan yang lebih ialah berlakunya pertukaran terhadap *the pattern of disease, the changing in the pattern of disease*. Kalau dulu kita selalu diserang oleh penyakit-penyakit yang berjangkit tapi sekarang ini kita diserang oleh penyakit-penyakit *cardiovascular*, iaitu penyakit-penyakit yang lebih berkait dengan *lifestyle*, iaitu cara hidup. Ini dapat kita lihat bahawa banyak kematian yang berkaitan dengan *cardiovascular* telah meningkat. Kalau dulu kita lihat orang meninggal kerana sakit *typhoid*, sakit taun, sakit malaria dan sebagainya, sekarang ini kurang kita dengari tapi berlaku pertukaran *pattern of disease*.

Yang ketiga, begitu juga berlaku tentang peralihan atau pertukaran kepada *democratic changes*, pertukaran keadaan persekitaran, tempat tinggal dan sebagainya, yang mana kita tahu bahawa apabila berlakunya pembangunan dan sebagainya. Walau bagaimanapun, kita perhatikan bahawa bebanan kerajaan di dalam memberikan pembiayaan kesihatan dan perubatan ini semakin lama semakin meningkat, semakin lama semakin bertambah dan kita dapati bahawa ini semakin lama semakin dirasai, yang mana Kementerian Kesihatan semakin lama semakin mengeluh terhadap bebanan belanja yang harus dikeluarkan untuk membelanjakan perawatan kesihatan dan perubatan yang baik.

Contohnya, saya bagi contoh, ada satu statistik, satu kajian yang dibuat dalam tahun 2000, didapati bahawa apa yang dikutip dalam tahun 2000, iaitu *revenue* hanyalah 2.2% daripada operasi bajet kesihatan.

Didapati bahawa ini jadi satu bebanan kepada kerajaan dan yang kita kluatirkan ialah semakin lama, semakin kita dapat lihat, kita takut nanti perkhidmatan kesihatan dan perubatan ini ditentukan oleh *market force*, ditentukan oleh kuasa pasaran sebagai contohnya, saya rasa. Misalan kata seseorang itu menghidap masalah, katalah masalah jantung kalau mereka mempunyai wang, mereka boleh melakukan operasi dalam jangka masa yang dekat iaitu ada yang pernah saya lihat dalam masa satu, dua hari mereka boleh dapat *appointment* untuk melakukan operasi kerana mereka boleh pergi ke hospital swasta dan mereka boleh membayarnya, tetapi mereka yang tidak mempunyai kuasa, tidak mempunyai keupayaan mereka pergi ke hospital kerajaan, mereka mungkin kena tunggu *appointment* atau tunggu masa operasi dalam masa tiga bulan atau enam bulan. Ini tidak boleh disalahkan oleh sebab *list* yang panjang, oleh sebab ramai yang telah mendaftar diri dan ramai yang terpaksa diberi rawatan.

Jadi fenomena ini kita tengok ditambah lagi, bertambah berat lagi fenomena ini kita tengok apabila berlakunya penghijrahan ramai-ramai di antara doktor-doktor yang berkhidmat di perkhidmatan awam ke swasta, itu kita dapati. Dan selain daripada itu didapati bahawa tidak ada integrasi dan koordinasi yang baik di antara hospital swasta dengan hospital kerajaan. Apa yang saya kluatirkan *inequality* ini, ketidaksamaan ini dan ketidakadilan ini akan berterusan dan lama-kelamaan akan kita rasai. Jadi kalau yang mampu boleh pergi ke hospital swasta, mendapat pakar yang baik dan boleh mendapat rawatan yang segera. Yang tidak mampu terpaksa beratur beramai-ramai menunggu lama dan juga mungkin oleh sebab kebanyakan doktor yang senior telah berhijrah ke swasta, mereka hanya dapat doktor-doktor yang mungkin kita bandingkan kepakarannya kurang dibandingkan dengan doktor-doktor yang di swasta. Jadi ini yang kita takutkan akan berlaku, jadi pada saya kita melihat ini satu penyelesaian jangka panjang harus dicari. Ini kita bincang dari semasa ke semasa, tetapi kita tidak nampak satu penyelesaian yang begitu serius, satu penyelesaian yang begitu menyeluruh yang mana perkara ini dapat ditangani.

Saya melihat satu cahaya apabila baru-baru ini didapati bahawa Kementerian Kesihatan ada membincangkan dengan banyak iaitu Skim Pembiayaan Kesihatan Kebangsaan. Skim Pembiayaan Kesihatan Kebangsaan ini sebenarnya Tuan Yang di-Pertua telah lama diperbincangkan. Saya lihat hari ini pun lagi banyak nak

diperbincangkan, kita tahu bahawa melalui skim inilah saya percaya kita boleh perbaiki banyak perkara dan kepincangan yang telah saya bincangkan tadi.

Jadi saya harap untuk memastikan bahawa Skim Pembiayaan Kesihatan Kebangsaan ini tidak meminggirkan golongan-golongan yang tidak berkemampuan, maka satu badan kawalan hendaklah dibentuk. Iaitu badan kawalan yang dipanggil sebagai *National Help Financing Authority* hendaklah dibentuk dan badan kawalan ini hendaklah diletakkan di bawah Akta Parlimen, dijadikan badan berkanun dan dijadikan satu badan yang tidak membuat keuntungan, ini untuk memastikan bahawa tidak ada penghijrahan doktor daripada awam kepada swasta dan untuk memastikan bahawa yang mampu atau tidak mampu mendapat peluang rawatan kesihatan dan perubatan yang sama. Dan saya harap pihak kerajaan dan kementerian melihat perkara ini dengan lebih serius dan kita tidak mahu setiap kali ada perbincangan di Dewan masalah doktor ini tidak cukup, kita berbincang untuk penghijrahan doktor daripada awam ke swasta, kita berbincang kekurangan jururawat dan kita asyik berbincang dan berbincang tidak mencari penyelesaian. Jadi inilah dan saya harap perkara ini akan dilihat dengan serius oleh kementerian dan kerajaan kerana ini mengambil kepentingan rakyat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ya, Yang Berhormat, Tangga Batu.

Datuk Dr. Rahman bin Ismail: Ya silakan.

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Gombak. Saya dapat merasakan kebimbangan Yang Berhormat Gombak tentang penghijrahan doktor-doktor kerajaan ke pihak swasta. Jadi saya hendak minta sedikit pandangan Yang Berhormat tentang skim yang disediakan oleh kerajaan kepada doktor-doktor yang melanjutkan pelajaran kemudian terpaksa meneruskan perkhidmatan dengan semangat untuk menyumbang kepada penambahan bilangan doktor negara, untuk menjadi pensyarah-pensyarah di IPTA. Skim ini nampaknya tidak menyebelahi doktor-doktor kita. Bermakna apabila mereka menyambung perkhidmatan mereka di IPTA yang menyediakan sekolah perubatan ini kekananan mereka jika dibandingkan dengan pegawai-pegawai perubatan di Kementerian Kesihatan akan lebih kurang. Maknanya mereka ini tidak kanan

berbanding dengan pegawai-pegawai perubatan yang sama senior dengan mereka ketika melaporkan diri dahulu sama pada waktu yang sama.

Jadi sedikit sebanyak menjejaskan semangat mereka untuk menjadi tenaga pengajar yang akan melatih ramai lagi doktor dan menambah supaya menjurus kepada penambahan bilangan doktor di negara kita, apa komen Yang Berhormat tentang ini?

Datuk Dr. Rahman bin Ismail: Terima kasih Yang Berhormat Tangga Batu kerana keprihatinan beliau terhadap warga doktor. Sebenarnya saya juga merupakan salah seorang dan saya adalah seorang Presiden Alumni Perubatan. Jadi saya selalu berbincang dengan ahli-ahli saya yang menjadi pensyarah di universiti dan yang bekerja dengan kerajaan.

Yang sebenarnya dari segi kekananan itu saya rasa tidak banyak berbeza tetapi cuma dari segi fasiliti ada dapati bahawa doktor yang berkhidmat di kerajaan itu lebih daripada mereka yang berkhidmat di universiti, itu saya dapati dan saya bersetuju dengan Yang Berhormat Tangga Batu, kita harus memberi sanjungan kepada pensyarah-pensyarah perubatan yang masih lagi bertugas di universiti kerana pengorbanan mereka kita tahu kepakaran mereka. Mereka ini ialah orang yang kepakaran mereka sangat dinantikan di sektor swasta.

Kita harus bezakan di antara mereka yang bertugas tetapi tenaga mereka tidak diperlukan di sektor swasta. Tetapi kita tahu bahawa ramai kawan saya yang menjadi profesor di universiti dan mengajar dalam berbagai-bagai *sub-speciality* perubatan dihubungi dengan telefon hampir setiap minggu. Tawaran-tawaran yang begitu menarik, tetapi oleh kerana semangat mereka walaupun gaji mereka kalau kita lihat tidak sampai 10% apa yang didapati oleh rakan-rakan mereka yang di swasta. Jadi semangat mereka harus kita puji dan harus kita sanjung kerana ada rasa ingin berkorban untuk memastikan bahawa pelajar-pelajar perubatan di sini dapat diberi pengajaran dengan baik.

Yang kedua Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin membawa tentang masalah kekurangan doktor di perkhidmatan awam ini. Sebelum kita melancarkan Skim Pembiayaan Kesihatan ini, pada saya kita juga selalu laung-laungkan tentang skim kaji doktor-doktor ini yang kita dapati memang tidak memuaskan, bukan sahaja kita lihat skim ini tidak memuaskan, tetapi juga didapati bahawa banyak dari segi fasiliti-fasiliti

yang lain tidak mereka terima. Jadi saya harap ini harus dilihat dengan serius dan saya harap tangga gaji doktor ini haruslah dipisahkan dengan tangga gaji kakitangan-kakitangan awam yang lain kalau kita ingin mencari penyelesaian ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin membawa satu perkara iaitu satu lagi bidang kepakaran yang selalu tidak diperhatikan dengan serius ialah bidang kepakaran kesihatan awam. Kita tahu bahawa bidang kepakaran kesihatan awam di negara-negara maju adalah satu bidang kepakaran yang begitu maju kerana kita tahu dengan adanya bidang kepakaran kesihatan awam inilah penyakit-penyakit itu dapat kita cegah.

Kita selalu tahu bahawa merawat itu jauh lebih mahal dan jauh lebih menyeksakan daripada pencegahan. Kalau kita sudah kena sakit denggi, *it's very painful* sakit denggi ini dan juga mahal – kita kena masuk ICU dan sebagainya, tetapi kalau kita dapat cegah penyakit itu, bukankah lebih murah? Itu sebab kita harus menghargai kepakaran pakar-pakar kesihatan awam ini. *We must empower them, we must recognize them*, dengan izin. Jadi kalau kita beri pengiktirafan-pengiktirafan begini maka barulah mereka akan bekerja dengan lebih kuat, lebih gigih dan sebagainya, barulah kita punya kekuatan pencegahan kesihatan kita akan lebih kuat.

Saya harap bidang kepakaran kesihatan awam ini haruslah disamaratakan di dalam pembayaran elaun kepakaran mereka dengan pakar-pakar klinikal. Tidak harus dibezakan di antara pakar kesihatan awam dengan pakar klinikal. Jadi ini satu harapan yang saya harap harus dimainkan oleh Kementerian Kesihatan mahu pun oleh pihak kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini saya dengan rombongan beberapa Ahli Parlimen telah pergi ke United Kingdom dan saya telah melawat ke Malaysian Hall. Malaysian Hall yang ada sekarang merupakan sebuah bangunan baru yang dibeli dengan kos sebanyak 13 juta *pound* dan telah diubahsuai dengan harga tiga juta *pound*. Saya dapati bahawa pengubahsuaian bangunan ini tidak menepati tujuan Malaysian Hall itu ditubuhkan. Kita tahu Malaysian Hall ini ditubuhkan sebagai tempat pertemuan pelajar-pelajar kita di UK yang begitu ramai untuk berinteraksi dan juga untuk mendengar amanah pemimpin-pemimpin kita apabila pemimpin-pemimpin kita turun di UK.

Yang pertama saya dapati *hall* ataupun dewan yang dikatakan itu tidak boleh menempatkan lebih daripada 80 orang, satu dewan yang cukup kecil sedangkan kita mempunyai pelajar yang begitu ramai.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Kepong minat.

Datuk Dr. Rahman bin Ismail: Sila sahabat saya.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Saya pun pernah singgah di situ dan dari semasa ke semasa pun ada pergi ke situ, tidak tahulah Yang Berhormat bagi Arau pergi atau tidak. *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, mengapa hendak kaitkan Yang Berhormat bagi Arau?

Dr. Tan Seng Giaw: Yang Berhormat bagi Arau, dia belajar di situ juga tetapi tak tahulah dia belajar di public school mana ...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, tidak adillah kerana beliau tidak akan dapat memberi jawapan.

Dr. Tan Seng Giaw: Dia akan memberi jawapan, saya pun tahu. Pada tahun lepas, kita pun tahu iaitu pihak pemilik tanah itu hendak mengambil balik, apakah keadaannya sekarang? Saya setujuh kita mesti mewujudkan Malaysia Hall sebagai tempat tumpuan semua pelajar Malaysia, semua kaum di situ. Ini memang satu hasrat kita semua tetapi setakat ini apakah yang terjadi dengan tanah itu, sama ada kita sudah membeli tanah atau masih sewa. Kalau masih sewa, mungkin tidak begitu munasabah untuk berbelanja dengan banyak.

Datuk Dr. Rahman bin Ismail: Terima kasih Yang Berhormat bagi Kepong. Apa yang saya dapati bahawa bangunan Malaysian Hall sekarang ini adalah bangunan yang baru dibeli dan

Dr. Tan Seng Giaw: *[Menyampuk]*

Datuk Dr. Rahman bin Ismail: Ya, baru dibeli, *it's a new one.*

Dr. Tan Seng Giaw: *[Menyampuk]*

Datuk Dr. Rahman bin Ismail: *It is different than the previous one.*

Dr. Tan Seng Giaw: Di tempat yang sama?

Datuk Dr. Rahman bin Ismail: Ya? Di tempat yang berlainan, di tempat yang berlainan. Jadi bangunan yang baru dibeli dan berharga lebih kurang seperti mana yang saya katakan tadi, 13 juta *pound*. Jadi apa yang saya dapati bahawa satu dewan yang begitu kecil dan apabila

Dr. Tan Seng Giaw: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Bererti Yang Berhormat sudah lama tidak pergilah. *[Ketawa]*

Dr. Tan Seng Giaw: *[Bercakap tanpa pembesar suara]* Adakah bangunan ini masih ada di Bryanston Square?

Datuk Dr. Rahman bin Ismail: Yes, yes. Tetapi saya hendak pergi kepada saya rasa lokasi itu perkara kedua tetapi ada objektif saya untuk saya membawa pada hari ini ialah kerana pada saya keadaan fizikal yang ada tidak menepati tujuan, satu. Yang kedua, saya dapati bahawa walaupun Malaysia Hall itu telah diubahsuai dengan kos sebanyak tiga juta *pound* tetapi ia merupakan satu ubahsuaian yang saya lihat sungguh memalukan, iaitu pada setiap tingkat bangunan itu berlaku retak-retak yang begitu teruk dan berlaku kebocoran dan sebagainya.

Saya harap perkara ini harus disiasat, bagaimana satu bangunan yang diubahsuai oleh kontraktor Malaysia di UK, di London, kalau kita tengok dan saya telah dibawa oleh petugas di sana melihat bahawa di setiap tingkat ada berlaku kebocoran dan keretakan dan di setengah-setengah bilik pula kalau dibuka terdapat kebocoran air daripada atas dan keretakan di banyak tempat. Saya rasa kementerian yang berkaitan harus melihat perkara ini dan bagaimana ia boleh berlaku, lebih-lebih lagi ia dibuat oleh kontraktor Malaysia yang menjalankan kerja-kerja di UK. Saya rasa ini sesuatu yang memalukan kerana Malaysian Hall ini bukan sahaja dilawati oleh orang-orang Malaysia tetapi juga oleh rakan-rakan kita dari negara jiran dan negara-negara lain. Jika mereka melihat perkara ini berlaku, ini pada saya sesuatu yang sungguh memalukan kepada kita.

Cik Fong Po Kuan: Minta penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Batu Gajah.

Cik Fong Po Kuan: Yang Berhormat bagi Gombak, terima kasih. Saya agak risau mendengar ucapan Yang Berhormat tadi berkenaan Malaysian Hall di UK tentang keadaannya yang tidak sesuai untuk kegunaan. Jadi saya hendak tanya apakah ini

penyakit masalah menjalankan projek di dalam negeri dan di luar negeri telah merebak ke sana? Apakah sebab? Kita telah nampak di mana pembinaan jalan hadapi masalah, bina hospital hadapi bermasalah, ini dalam negeri.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Cik Fong Po Kuan: Sekarang ini nampaknya penyakit sudah merebak ...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat hendak minta siapa beri jawapan?

Cik Fong Po Kuan: ke luar negeri. Apakah masalah sebenarnya? Apakah kerana Kerajaan Barisan Nasional kurang ketelusan di dalam pengagihan projek kepada kontraktor-kontraktor? Saya pohon penjelasan. Itulah sebab penyakit itu merebak sampai ke luar negara.

Datuk Dr. Rahman bin Ismail: Terima kasih Yang Berhormat bagi Batu Gajah. Sebenarnya saya belum buat kajian tentang penyakit ini tetapi saya rasa ini adalah satu penyakit yang *isolated*. [Disampuk] *That is based on my conclusion.* [Ketawa]

Biar saya teruskan Tuan Yang di-Pertua. Satu lagi yang saya perhatikan semasa saya melawat ke situ, didapati ada juga pejabat-pejabat, agensi-agensi kerajaan yang ditempatkan di situ. Pejabat-pejabat dan agensi-agensi kerajaan yang ditempatkan di situ, misalnya Petronas, MARA dan JPA didapati tidak ada koordinasi di antara mereka. Saya rasa ini juga harus dilihat kerana jika mereka menempatkan pejabat di situ tetapi tidak ada koordinasi dan mengambil ruang di Malaysian Hall itu yang mana ruang itu saya rasa boleh digunakan untuk perkara-perkara lain yang lebih sesuai dengan objektif Malaysian Hall itu ditubuhkan, seperti mengadakan ruang yang lebih luas untuk dewan ataupun mengadakan ruang yang lebih besar, saya tengok misal kata, untuk kantin contohnya ataupun kafeteria yang juga boleh merupakan satu *attraction* kepada *Malaysian food*. Kalau kita bandingkan dengan Malaysian Hall yang dahulu, kantin Malaysian Hall yang ada sekarang adalah agak kecil dan tidak berapa meriah jika dibandingkan dengan kantin yang terdahulu.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi perkara yang saya ingin bahaskan pada hari ini ialah tentang masalah dadah. Kita tahu bahawa dadah adalah merupakan musuh utama negara dan kita tahu bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah

mengisytiharkan bahawa kita mesti perang dadah habis-habisan dan kita juga telah banyak membahaskan perkara berkenaan dengan dadah ini.

Kita tahu salah satu daripada instrumen kerajaan yang tidak begitu berkesan dalam menangani dadah ialah pusat-pusat Serenti ataupun pusat-pusat rehabilitasi ini. Dan kita tahu di pusat-pusat tersebut yang mana menempatkan lebih daripada 10,000 penagih-penagih dadah bukan sahaja tidak berjaya dalam program-program mereka, tetapi kita dapati mereka yang keluar daripada pusat Serenti ini mengalami *relapse* yang begitu tinggi iaitu 70% *relapse*.

Yang pertama saya mengharapkan bahawa sesuatu harus dilakukan supaya melihat terperinci program-program yang dijalankan di pusat Serenti ini. Kalau tidak kita hanya membelanjakan wang dari masa ke semasa, tetapi kita tidak akan mendapat hasilnya. Saya juga ingin mengatakan di sini bahawa saya berasa kecewa apabila dalam Debat Perdana baru-baru ini saya mendengar jawapan ataupun sesuatu yang diperkatakan oleh Ketua Pengarah Agensi Antidadah apabila beliau mengatakan bahawa *relapse* 70% ini kita tidak boleh buat apa-apa lagi kerana ini adalah satu perkara yang biasa. Katanya 70% ini satu angka yang biasa *relapse* dan di negara-negara juga begitu, jadi Tuan Yang di-Pertua pada saya, saya melihat ini satu *will power* yang begitu berkurangan kepada seorang yang memimpin satu jabatan kerajaan. Seharusnya pada saya kita harus membuat iltizam mencari program, mencari penyelesaian bagaimana *relapse* 70% yang begitu tinggi ini dapat kita atasi. Dan kita tahu bahawa daripada angka-angka yang diberi setiap tahun.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Kepong.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Saya menjadi ahli Pemadam Kebangsaan beberapa tahun dah. Setiap tahun walaupun kita ada berusaha dengan banyak projek dan kem-kem Serenti dan sebagainya kita mesti mengakui bahawa peratusan yang kembali kepada dadah hampir 70% dan apa juga yang kita buat, itulah masalah kita. Saya memang ada harapan kerana kita manusia, ini adalah kelemahan manusia. Kecacatan dan kelemahan manusia. Yang sebelah itu tidak hendak berubah, sementara sebelah yang lain itu lemah, lemah psikologi dan mentaliti. Dengan itu memanglah ada 7% yang kembali kepada kancah dadah itulah masalahnya. Mungkin Yang Berhormat Gombak ada....

Seorang Ahli: *[Menyampuk]*

Dr. Tan Seng Giaw: Yang Berhormat Menteri mesti peka kepada dadah itu. Mesti peka kepada dadah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Menteri peka kepada Peraturan Mesyuarat.

Dr. Tan Seng Giaw: Saya ikut peraturan kerana Menteri mencelah tanpa meminta izin, kerana tidak begitu prihatin kepada masalah dadah, tetapi yang penting sekali ialah saya berharap Yang Berhormat Gombak boleh fikir dengan baik-baik dan mendalam supaya dapat formula yang berkesan.

Datuk Dr. Rahman bin Ismail: Terima kasih Yang Berhormat Kepong. *I can give you one today.* Saya boleh berikan formula itu. Kebanyakan yang saya perhatikan bahawa yang paling penting ialah apabila mereka keluar dari pusat Serenti, iaitu sokongan yang berterusan dari masyarakat yang program itu juga harus dilakukan oleh pusat Serenti. Kita tahu bahawa apabila mereka ini keluar, mereka ini sebagai individu mungkin telah bebas tetapi apabila mereka tidak disokong dan didokong oleh masyarakat melalui satu program yang bersistematik saya rasa *relapse* ini akan terus berlaku.

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: *[Bangun]*

Datuk Dr. Rahman bin Ismail: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa saya tidak benarkan lagi, kerana saya mempunyai masa yang sungguh terhad.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Tangga Batu sila duduk.

Datuk Dr. Rahman bin Ismail: Pada pandangan saya ini tidak boleh kita abaikan, yang mana peranan apabila selepas mereka keluar daripada pusat Serenti itu sokongan yang berterusan dan juga sokongan dari berbagai-bagai aspek sebagaimana yang saya sebutkan tadi, iaitu bukan sahaja dari segi sosial dan moralnya, tetapi dari segi kebajikan mereka. Kerana kita tahu mereka mahu hidup seperti orang yang biasa mempunyai pekerjaan, mempunyai wang dan sebagainya. Tetapi apabila tidak ada sokongan daripada masyarakat contohnya kalau ada diskriminasi yang berterusan mereka akan terus merasa terasing dan sebagainya. Akhirnya mereka akan menjadi murung dan akan kembali kepada perbuatan mereka yang lama.

Kalau ini berterusan yang saya kluatir ialah seperti mana yang kita mahu, iaitu tahun 2015 kita bebas dari dadah. Kalau *relapse* 70% ini terus berlaku bagaimana kita boleh dapat bebas dari dadah pada tahun 2015? Tambahan pula pada masa ini setiap tahun kita mempunyai 20,000 penagih dadah baru. Pada saya ini sesuatu yang sungguh serius dan harus ditangani, dan jika program ini tidak sesuai kita bubarkan dan cari satu *method* yang baru bagaimana penyelesaian harus dilakukan. Kita tahu bahawa ada juga institusi-institusi yang telah membuktikan kejayaan sehingga 80%. Bagaimana institusi-institusi ini boleh berjaya sampai ke peringkat atau tahap yang demikian? Ini harus dikaji supaya masalah gejala dadah ini dapat kita tangani dan pada tahun 2015 kita dapat membebaskan negara kita daripada dadah.

Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Terima kasih Yang Berhormat Gombak jiran saya kerana memberi peluang akhir. Baru-baru ini saya mengikuti satu program antidadah di Jeli. Saya minta respons dari Yang Berhormat Gombak. Pegawai antidadah Agensi Dadah Kebangsaan dalam bercakap mengenai antidadah ini dia menyebut, Yang Berhormat sebagai seorang doktor, dia sebenarnya hendak menceritakan kepada orang supaya benci dadah, tetapi di dalam ucapannya dia kata “Di antara dadah-dadah yang bahaya ialah pil kuda. Pil kuda ini kalau kita makan kesannya 10 kali daripada viagra lagi kuat.” Orang yang mendengar bukan takut tetapi lagi syok lalu saya bangun saya respons saya kata “Apa pegawai dadah macam ini?” Bukan hendak beritahu bahawa dadah ini cemar tetapi lagi promosi. *I think this is where the problem is*, Yang Berhormat terima kasih.

Datuk Dr. Rahman bin Ismail: Terima kasih sahabat saya daripada Ketereh. Kalau berbalik kepada untuk kita merealisasikan usaha kita membebaskan negara kita dari dadah, saya rasa perkara yang paling penting yang selalu kita bincangkan ialah integriti. Sama ada PEMADAM atau agensi kerajaan harus menghantar penceramah-penceramah yang ada integriti dan berwibawa. Jangan penceramah-penceramah yang tidak berwibawa menyampaikan ilmu-ilmu yang salah sedemikian, ilmu-ilmu yang memesongkan. Saya harap peranan ini bukan sahaja boleh dimainkan oleh agensi kerajaan, tetapi juga harus dimainkan oleh ahli PEMADAM.

Tuan Yang di-Pertua,....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Kepong apa hendak tanya?

Dr. Tan Seng Giaw: Tidak beri laluan saya tidak mahulah. Kalau bagi saya Tuan Yang di-Pertua, penjelasan.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]: Sila gulung.

Dr. Tan Seng Giaw: Masalah usaha untuk mencegah dadah ini yang pertama peruntukan tidak cukup. Yang kedua bilangan kakitangan tidak cukup. Yang ketiga latihan....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Kepong, sila tengok jam sekarang pukul berapa?

Dr. Tan Seng Giaw: Saya tahu dah. Yang ketiga latihan tidak cukup dan orang yang hendak menyertai program ini pun susah hendak cari. Mungkin Yang Berhormat Gombak ada cara yang berkesan. Itulah masalah di mana pemantauan tidak cukup.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Gombak boleh gulung.

Datuk Dr. Rahman bin Ismail: Terima kasih Yang Berhormat Kepong. Sebenarnya saya banyak mempunyai cara-cara yang berkesan, yang mana saya boleh terangkan kepada Yang Berhormat Kepong dan mungkin selepas sesi Parlimen ini kita boleh berbincang sampai pukul 8.00 malam untuk saya terangkan formula-formula tersebut. Saya rasa itu sahajalah yang hendak saya sampaikan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Masa sudah cukup. Saya perlu tangguhkan mesyuarat. Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan yang mulia ini akan bersidang semula pada jam 10.00 pagi hari Isnin minggu hadapan.

Dewan ditangguhkan pada jam 5.30 petang.